

Menjunjung  
Kasih

# Menjunjung Kasih

SHARIFF AHMAD (DATO')



**BERITA PUBLISHING SDN. BHD.**

BPA

*Berita Publishing Sdn Bhd*  
31, Jalan Riong, Kuala Lumpur

© Hakcipta Dato' Shariff Ahmad

*Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan atau  
diedarkan semula dalam sebarang bentuk tanpa kebenaran  
penulis atau penerbit.*

*Cetakan Pertama Februari 1983*

M  
923.1595  
AHM.5

*Typesetting oleh Syarikat R & S*  
31A, Jalan Sarkei, Kuala Lumpur.  
*Di cetak oleh Tien Wah Press (M) Sdn. Bhd.*  
Petaling Jaya.

325907

APB

26 MAR 1985  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

Untuk anak-anaku  
Nor Ashikin dan Nurul Ain  
serta isteriku Datin Seri Zainon  
semoga akan dapat menjengah sama  
kehidupanku di tanah  
bertuah ini.




# Penghargaan



aya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan lama — Sdr. A. Samad Said, Sdr.

Ayoub Ismail dan Sdr. Ahmad Muhammad — yang masing-masing telah turut tolong menyusun serta menguruskan penerbitan buku ini. Juga tidak lupa terimakasih saya kepada Sdr. Ishak Ubah yang mengorbankan masanya menaip manuskrip ini, dan kepada Muzium Sultan Abu Bakar (Pekan) yang berusaha mencarikan gambar-gambar bersejarah.

Buku ini dikarang dengan langgam bahasa moden dengan tujuan memudahkan pembaca-pembaca, istimewa generasi muda untuk mengenali secara dekat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah. Pada hemat saya Baginda mempunyai watak dan karisma yang begitu unik. Aktiviti-aktiviti Baginda sentiasa melukiskan sinaran cahaya yang amat berkesan dibawah naongan pemerintahan BERAJA.

  
SHARIFF AHMAD (DATO)

# Kandungan

<i>KATA PENGHANTAR</i>	<i>ix</i>
<i>PENDAHULUAN</i>	<i>xii</i>
PERJALANAN KE KUALA LUMPUR	1
MENANTI HARI TIBA	23
SEMENTARA DI RUMAH MALAYSIA	27
PROSES LANTIKAN YANG DI-PERTUAN AGONG	32
ISTANA NEGARA	46
DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KE-7	52
BAPA YANG PENYAYANG	65
TANPA KEJADIAN JENAYAH	79
MUSUH KITA	89
KE MEDAN PERANG	101
BERSAMA TUN HUSSEIN ONN	114
KES DATO' HARUN	133
PATAH TUMBUH, HILANG BERGANTI	141
LAWATAN KE NEGARA ASING	146
KE GARISAN SUKU ABAD	164

## Kata Pengantar

---



Malaysia di dalam sejarahnya berbangga dan beruntung kerana pemerintahan Raja Berperlembagaan telah berhasil memberikan perlindungan, naungan dan harapan kepada rakyat. Di dalam beberapa krisis negeri, seperti Peristiwa 13 Mei 1969, Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara telah berjaya mengatasi dan menyelamatkan krisis ini. Dan dengan kuasa yang diberikan kepadanya, maka perlembagaan tidak terganggu, Parlimen tidak terumbang ambing, undang-undang dapat ditegakkan, ketenteraman dapat dipulihkan, kestabilan politik dapat diperkekalkan dan lebih dari segalanya, demokrasi dapat subur kembali.

Demikianlah rahmat yang telah diberikan oleh Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang kepada negara kita dan rakyatnya yang tercinta. Selain dari rahmat besarnya yang lain bumi yang subur dengan segala tumbuh-tumbuhan, sungai dan laut yang banyak ikan, gunung ganang dan hutan belantara yang berkayu yang bermutu, keindahan alam semulajadi yang menghairahkan, kekayaan kebudayaan dan warisan tradisi yang beranekaragam, dan rakyatnya yang bebas di bawah kuasa politik yang mengamalkan demokrasi, bernaung di bawah Ketua Negara yang pengasih.

Mengingat semuanya ini, rasanya sekarang tibalah masanya rakyat yang setia mengetahui sebanyak sedikit tentang peranan dan sumbangan Ketua Negara kita — Yang di-Pertuan Agong — dari sejak yang pertama hinggalah yang ketujuh.

Buku ini ditulis bukanlah dengan maksud untuk disenaraikan sebagai buku politik atau pun sejarah, kerana rasanya ia belum memenuhi syarat-syarat ke arah itu, iaitu ditulis lengkap dengan peristiwa-peristiwa menarik dan penting di dalam hidup Sultan Haji Ahmad Shah Al-Haj Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatud-

din Al-Muazam Shah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke 7.

Seperti yang diketahui oleh rakyat Malaysia umumnya, Sultan Haji Ahmad Shah ialah seorang Raja yang mempunyai watak istimewa yang sungguh menarik. Baginda murah hati, penyayang kepada rakyat tanpa mengira kedudukan dan keturunan serta kepercayaan agama, peramah, sabar, taat beragama, bermoral tinggi, berpandangan jauh dan teguh pendirian. Rakyat tidak pernah lupa akan senyum tawa dan ramah mesra Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada setiap Hari Raya. Sambil menghulurkan tangan, Baginda tidak letih bersalaman dengan ribuan rakyat dan kanak-kanak yang datang ke Istana semata-mata untuk mengunjungi Raja yang dikasihi.

Renungan kasih Baginda kepada rakyat, terutamanya kanak-kanak, bagaikan penawar yang sungguh mujarab kepada setiap hatimurni rakyat. Betapa kasihnya Raja kepada rakyat. Demikianlah pada setiap hari keramaian yang lain — Sambutan Ulangtahun Hari Kemerdekaan 31 Ogos, pesta-pesta sukan dan lain-lain — Baginda tak jemu-jemu melambaikan tangan, memberikan senyum dan seterusnya bersalaman dengan rakyat. Demikianlah peribadi Sultan Haji Ahmad Shah yang mengkagumkan ini.

Oleh kerana secara kebetulan saya (seorang rakyat biasa) yang mengenal Baginda dari dekat, mengenal peribadi yang mulia ini, sudah lamalah saya bercita-cita untuk menuliskan sesuatu mengenai keistimewaan dan ketokohan Baginda. Saya bukanlah seorang penulis besar yang mampu melahirkan sebuah buku yang serba lengkap. Tetapi oleh dorongan dan oleh hambatan kasih sayang kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah kerana wataknya yang sungguh menarik itu, maka saya mencubanya juga sedaya termampu menuliskan sebahagian dari hal dan peristiwa yang berlaku dan dialami oleh Baginda tidak kerana pancaran sinar gemerlapan mahkota dan segala simbol kebesaran yang dipakai oleh Baginda, malah saya mengkaguminya kerana watak dan cara hidup Baginda yang sungguh sederhana di sebelah kebesaran itu. Gemerlapan mahkota dan segala simbol kebesaran yang dipakai oleh Baginda sesungguhnya menambahkan lagi tarikan kepada wataknya yang istimewa ini.

Sesungguhnya Baginda memang memiliki watak dan hati nurani Melayu jati yang dikenal oleh dunia sebagai orang-orang yang ramah, berbudi bahasa, sopan santun, taat beragama, bertimbang rasa, lemah lembut, sabar, tenang dan punya keazaman kuat. Inilah watak yang menjadi kemegahan bangsa Melayu sejak zaman berzaman.

Memanglah sebagai manusia biasa yang lain, Baginda juga memiliki beberapa kelemahan dan kekurangan, tetapi keistimewaan watak Tuanku ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa dan dengan mudah mengatasi

kelemahannya. Tetamu-tetamu dari luar negeri sendiri mengkagumi ketokohan Baginda ini. Dengan ini, sesungguhnya beruntunglah Malaysia dan rakyatnya mendapat lindungan dan naungan dari tokoh daya istimewa ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah sebagai sifatnya Ketua Negara Malaysia telah menjadi pelindung agama rasmi negara ini — Agama Islam. Setiap umat Islam di Malaysia ini merasa terhormat dan dimuliakan kerana Ketua Negara mereka adalah menjadi lambang dan pelindung agama rasmi negara. Sultan Haji Ahmad Shah menunaikan tanggungjawabnya dengan berkesan. Setiap hari Jumaat, terkadang-kadang tanpa pemberitahuan dan protokol, Baginda tiba-tiba saja muncul di masjid-masjid tidak kira di mana untuk berjemaah bersama rakyat dan kemudiannya bersalaman dan berbual mesra dengan mereka. Semua ini menjadi ingatan dan kenangan yang tiada akhirnya bagi rakyat yang amat mengasihi rajanya. Inilah peribadi mulia yang dituntut oleh Islam dan kesederhanaan Baginda Sultan Haji Ahmad Shah ini seperti mencontohi kepada watak Saidina Omar Ibnu Khattab Radiallahuanhu, Khalifah Islam yang kedua yang penuh dengan sifat sederhana dan merendah diri hingga mengkagumkan banyak lawannya dari kaum Quraish.

Sungguhpun Baginda Sultan Haji Ahmad Shah bersemayam di Istana Negara dengan segala kebesaran dan keistimewaan, namun tidak sesaat pun Baginda melupakan rakyatnya, lebih-lebih lagi sebagai putera jati Titiwangsa, Baginda sentiasa merindukan desir ombak di Sungai Pahang, ikan-ikan di Sungai Tembeling, para petani dan nelayan yang menyabung nyawa di lautan dan semuanya. Baginda tidak melupakan rakyat Baginda di merata ceruk rantau, pada petani dan nelayan, perajurit tanah air, buruh di kilang, petugas di pejabat dan semuanya. Antara Baginda dan rakyat seperti tidak terpisahkan, umpama aur dengan tebing, kerana Baginda sentiasa merasakan bahawa tanpa rakyat, Baginda tidak punya erti apa-apa, kerana Baginda adalah sebahagian daripada rakyat itu sendiri.

Demikianlah ertinya hubungan antara Baginda Sultan Haji Ahmad Shah dengan rakyat. Buku yang saya tulis ini merakamkan sebahagian besarnya hubungan Baginda dengan rakyat, kasih sayang Baginda terhadap sahabat-sahabat, kecintaan Baginda kepada keluarga, impian dan harapan Baginda untuk melihat rakyat Melayu hidup bersatu padu sebagai suatu keluarga besar. Mudah-mudahan watak istimewa Sultan Haji Ahmad Shah ini menjadi pendorong istimewa kepada rakyat Malaysia menumpukan kasih dan setianya terhadap Ketua Negara, bangsa dan negara.

Mudah-mudahan buku yang amat sederhana ini akan menjadi titik-tolak atau bahan penambah kepada buku-buku sejarah atau politik yang

lebih lengkap yang sudah atau akan ditulis oleh mereka yang lebih pakar. Buku ini diharapkan akan mendapat menjadi pemhubung bagi rakyat untuk mengenal lebih dekat hati nurani Tuanku Haji Ahmad Shah yang mulia ini.

Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, patik menjunjung kasih mempersembahkan buku yang serba kekurangan ini sebagai dedikasi patik kepada Tuanku. Semoga Allah Subhanahuwataala melimpahkan taufik dan hidayatnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan memberikan kesihatan yang baik dan dapat meneruskan tugas cemerlang untuk agama, bangsa dan tanahair.

Mohon ampun Tuanku, jika terdapat kesilapan dan kekurangan di dalam buku ini.

Patik menjunjung kasih.

*Sbariff Ahmad*

## Pendahuluan

---



egeri Pahang adalah sebuah negeri tertua. Besarnya tidak terhingga. Luasnya pada zaman dahulu kala, sebelum Kerajaan Melayu Melaka, Wilayah Bahagian Selatan Semenanjung Tanah Melayu ini (Melaka), semuanya termasuk dalam kawasan Kerajaan Pahang. Orang-orang Jawa Majapahit zaman dulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu itu dengan nama Pahang sahaja. Sekarang ini Negeri Pahang bersempadankan Negeri Johor di sebelah selatan; Negeri Sembilan dan Selangor di sebelah barat. Manakala di sebelah utaranya pula ia bersempadankan Perak (hinggakan ke Cameron Highland — dari Tapah Road, Perak), dilengkungi oleh banjaran Gunung Tahan menurun ke Kelantan dan Trengganu. Di sebelah timurnya pula terbentang Laut China Selatan. Luasnya sekarang ialah 13,886 batu persegi.

Gelaran tua bagi Negeri Pahang ialah Inderapura, disebut Pahang Inderapura. Negeri Pahang dikurnia Allah kaya dengan alam semula jadi: tumbuh-tumbuhan, kayu-kayan yang dahulunya semata-mata menjadi kayu api, sekarang merupakan hutan balak. Sungai-sungai merupakan jalan-jalan rayanya. Sungai Pahang sendiri mempunyai anak-anak sungai yang banyak. Antara yang besar, termasuklah Sungai Tembeling (mempunyai anak-anak sungai Sat dan Sungai Sepia), Sungai Lipis masuk ke Sungai Jelai, Sungai Telemong masuk ke Sungai Semantan, dan beberapa buah lagi. Sungai-sungai inilah yang bertemu di banjaran gunung di sebelah ulu mengalir ke lembah di sebelah kuala yang menjadikan Sungai Pahang. Selain itu, ada sungai-sungai seperti Sungai Kuantan, Sungai Lembing, Sungai Rompin dan Sungai Endau.

Mengikut buku-buku sejarah, pada zaman dahulu, orang asing menyebut Negeri Pahang itu dengan berbagai pelat dan telor. Orang China menulis dan menyebutnya sebagai Pang-heng, Peng-heng atau

Pang-hang. Orang-orang Arab dan British pula menyebut dan mengejanya seperti Paham, Fanhan dan Pahangh. Melalui arus zaman dan tamadun sebutan itu beransur-ansur menjadi jelas: Pahang.

Dengan keadaan alam semulajadinya yang begitu rupa, sampan dan perahu digunakan untuk hilir-mudik, denai di hutan belantara digunakan untuk berjalan kaki ke sana ke mari, tidak hairanlah di zaman itu timbul salah faham antara sebuah satu kampung dengan kampung yang lain. Setiap salah faham itu biasanya berakhir dengan 'perang' saudara. Dengan kemasukan pengaruh British yang bertujuan menjajah untuk mengambil kekayaannya, maka masyarakat Melayu menjadi kian porak peranda. Melalui jarum penjajah itu, maka hulubalang-hulubalang di zaman itu bermusuhan-musuhan antara satu kumpulan dengan kumpulan lain, sungguhpun mereka itu dari satu rumpun yang sama. Boleh dikatakan setiap daerah yang ada hari ini seperti Lipis, Raub, Jerantut (Pulau Tawar), Bentong, Temerloh (sementara Batu Hampar; Lubok Terua) Pekan dan Kuantan menjadi medan perang saudara pada suatu masa dulu. Pahlawan-pahlawan dan pendekar-pendekar Melayu ini hinggan dituduh menderhaka kepada Raja. Sungguhpun semuanya itu diketahui sebagai tektik British. Akhirnya segala-galanya sudah terlambat.

Kegagalan pahlawan-pahlawan Melayu dan pendekar-pendekar di zaman dahulu memang ditakuti serta disegani oleh pihak British. Jika British tidak bernaung dan bergantung kepada Raja Pahang, melemah dan menjauhkan kedudukan Raja dengan pahlawan Baginda, maka pihak British memang tidak dapat menentang pahlawan-pahlawan dan pendekar-pendekar Pahang itu. Lebihkurang dalam tahun 1892, J.P.Roger, Residen British Pahang, telah menghantarkan penyatannya kepada Gabenor Singapura mengenai keperwiraan orang-orang Pahang di waktu itu.

Mengikut buku sejarah Haji Buyong Adil:

Kira-kira pada masa itulah J.P.Rodger, Residen British Pahang itu, telah menghantarkan penyatannya mengenai hal-hal yang baharu berlaku di Negeri Pahang kepada Gabenor di Singapura. Dalam penyatannya itu antara lain ia telah mengatakan:

Residen itu mengakui kecekapan Sultan Pahang (Sultan Ahmad) dalam hal perang cara Melayu yakni berperang dalam hutan. Askar-askar Sikh dan Eropah hampir tidak dapat berbuat apa-apa pada masa berperang dalam hutan. Kalau British hendak berjaya berperang dalam hutan di Negeri Pahang itu, askar-askar Sikh dan Eropah itu hendaklah dibantu oleh pasukan yang kuat terdiri daripada askar-askar Melayu dan Gurkha atau lain-lain anak negeri yang mahir cara berperang dalam hutan.

Dengan adanya Sultan Pahang yang membawa orang-orangnya ke Semantan itu, pekerjaan hendak mengalahkan pihak yang



membuat kacau itu telah dapat dibuat dengan segera dan berkesan.

Kalaulah kiranya pekerjaan itu dilakukan oleh askar-askar British sahaja, haruslah mengambil masa yang lanjut, banyak memakan belanja dan boleh jadi menemui kemalangan-kemalangan besar.

Sultan Pahang itu ialah raja yang berdaulat di Negeri Pahang; orang besar-besar dan rakyat Baginda ta'at setia kepada Baginda. Dengan adanya campur-tangan Baginda itu mudah sahaja kalau hendak mengumpulkan seramai lima ribu orang perajurit-perajurit Melayu di Negeri Pahang itu; dan yang pentingnya hendaklah diketahui bahawa orang-orang Melayu Pahang itu tidak suka urusan mereka dicampuri oleh orang-orang asing.

Sultan Pahang yang telah sudi sendirinya mengepalakan angkatan pihak kerajaan pergi ke Semantan, masuk hutan, menanggung azab kepayahan dan telah meninggalkan anak isteri Baginda lebih sebulan lamanya itu, ialah suatu contoh yang utama menunjukkan kesetiaan baginda kepada kerajaan British.

Memandang kepada kemungkinan berlakunya kekacauan di Semantan itu jika tidak awal-awal lagi dipadamkan, sebelum segala persediaan dibuat, hendaklah Sultan Pahang yang bersemayam di Pulau Tawar itu dipindahkan ke Pekan atau ke tempat lain di sekitar Pekan; kerana jika Baginda bersemayam di Pulau Tawar juga, Baginda akan sentiasa dirapati oleh kumpulan-kumpulan pakatan sulit.

Mengenai kekacauan di Semantan itu, haruslah bekas Orang Kaya itu (Datok Bahaman) telah membuat persediaan lebih dahulu; dan dengan mengharapkan bantuan daripada Orang Besar-Besar Pahang dan juga kalau Sultan Pahang diam sahaja, lambat-laun bekas Orang Kaya itu akan membangkitkan kekacauan juga di Semantan. Ada pun kekacauan yang dengan tiba-tiba telah berlaku di Semantan itu, ialah disebabkan oleh tingkah laku dan perbuatan yang telah dilakukan oleh Pemangku Pemungut Cukai di Temerloh (Desborough) dan inspektor lombong itu pada masa mereka memudiki Sungai Semantan.

Keberanian, kegagahan dan kedaulatan Al-Marhum Sultan Ahmad bukan sahaja diketahui dalam zaman silam, samada di kalangan pendekar dan hulubalang serta rakyat biasa, malah ketokohnya itu masih kekal di hati rakyat Pahang. Adalah menjadi kepercayaan, hall, legenda, keturunan Al-Marhum Sultan Ahmad yang menaiki Takhta Negeri Pahang adalah mewarisi pesaka Baginda bukan setakat bumi negeri sahaja, tetapi mewarisi segala kesaktian turun temurun yang dipindahkan Ke bawah Duli Sultan yang memerintah.

Mengikut cerita yang ampunya cerita, mana-mana Sultan yang ber-

semayam atas Takhta "pantang" menempeleng seseorang kerana pukulan itu akan membawa maut. Peristiwa ini pernah berlaku dalam zaman Pahang moden. Legenda ini diketahui semua rakyat, tetapi ilmunya tidak dapat dituntut oleh orang lain.

Negeri Pahang memang mempunyai ramai pendekar dan hulubalang yang gagah. Cerita-Cerita dongeng, seperti mayat pendekar dalam kubur menjadi batang pisang, memang dianggap orang-orang Pahang sebagai perkara yang benar-benar berlaku. Perkara pendekar-pendekar Melayu Pahang bersembunyi dalam hutan dan membuat kubu di gunung-ganang menentang British bukanlah cerita dongeng. Sungguhpun lebih satu abad, iaitu zaman pemerintahan penjajahan British sejarah mereka ini tinggal terpendam, namun demikian sejarah mereka itu tidak dapat dilupakan. Oleh kerana ketakutan kepada penjajah, maka sejarah yang sebenar tidak ditulis oleh ahli-ahli sejarah tanahair. Sejarah keperwiraan mereka ini, hingga ada anak cucu mereka, menjelma dalam masa pemerintahan Jepun untuk menjadi benteng keselamatan menentang keganasan Jepun.

Begitu juga dalam masa 14 hari pemerintahan apa yang dipanggil 'Bintang Tiga' pemerintahan interim selepas Jepun menyerah diri hingga kedatangan pemerintahan BMA, ramai sungguh pendekar Melayu Pahang muncul, tetapi menghilangkan diri semula apabila British bertapak semula.

Sungguhpun sejarah pendekar dan pahlawan Pahang mula menarik perhatian ramai ahli-ahli sejarah tanahair, ada yang dibukukan. Oleh kerana penghidupan pahlawan-pahlawan Pahang itu seperti "orang buruan", maka hingga sekarang tidak dapat dipastikan ke mana mereka berhijrah dan di mana kubur mereka.

Sungguhpun begitu, pada anak Pahang jati, jiwa dan semangat perwira dan pahlawan Pahang itu masih lagi berada dalam darah daging mereka. Mereka memang mudah tersinggung dan curiga dengan orang luar yang cuba hendak campurtangan dalam hal ehwal negeri itu. Perasaan ini masih jelas kelihatan. Dalam urusan pentadbiran kerajaan, misalnya. Jika seseorang itu tidak dipersetujui dan perkenan oleh Raja, maka rakyat negeri Pahang turut curiga akan orang itu. Perasaan ta'at setia rakyat kepada Raja ini dibuat di waktu Al-Marhum Sultan Ahmad dahulu lagi.

Mengikut sejarahnya, sungguhpun pihak British campurtangan tetapi pendekar dan hulubalang serta orang-orang besar dengan anak buah masing-masing tetap setia kepada Rajanya. Di Pulau Tawar di waktu itu, iaitu tempat bersemayam Sultan Ahmad, berhimpun pembesar-pembesar dan pendekar-pendekar serta hulubalang bersumpah secara agama tidak akan derhaka kepada Raja. Sumpah itu masih dihormati turun-temurun di kalangan rakyat hari ini — anak Pahang jati.

Jika rakyat mengetahui yang pendatang itu mempunyai pandangan serong terhadap Raja, maka rakyat dengan sendirinya mengecapnya sebagai anti-raja. Kemasukan orang asing ke Pahang hanya dapat dilicinkan dalam zaman moden ini dengan adanya beberapa orang pembesar Pahang seperti Allahyarham Dato' Hussein (ayah kepada Tun Razak) dan selepas itu Allahyarham sendiri. Mereka menyesuaikan kehendak adat resam dan tradisi negeri dengan keadaan moden. Itulah salah satu sebabnya orang asing masuk ke negeri Pahang itu diwajibkan mendapat restu dan penerimaan Raja yang memerintah. Syarat utama mereka yang hendak masuk ke Pahang dan juga memegang jawatan-jawatan di Pahang ialah ta'at setia kepada Raja.

Rakyat Pahang tidak dapat melupakan sumpah pendekar di Pulau Tawar itu. Sumpah itu dibuat di waktu kecemasan dan berasas serta bersandarkan kepada agama; dengan hakikat bahawa Raja merupakan simbol perpaduan rakyat Pahang. Dalam zaman dahulu falsafah hidup orang-orang Pahang terhadap orang asing adalah:

Anak itik, itik juga, anak ayam, ayam juga;  
anak itik tak boleh dipanggil anak ayam dan  
anak ayam tak boleh dipanggil anak itik.  
Anak itik makan menyudu dan anak ayam makan  
mencatuk, manakan nak sama.

## Perjalanan Ke Kuala Lumpur

---



akdir. . . satu anugerah Allah. Takdir tidak boleh direka dan tidak boleh diduga. Takdir tiba juga tidak boleh diharap dan tidak boleh ditolak. Takdir juga tanpa disangka datang sekelop mata, pergi begitu juga. Setiap insan yang berpegang kepada agama dengan sendirinya berpegang kepada takdir, kerana takdir hak Tuhan Yang Maha Esa. Setiap kali Allah menganugerahkan takdir, ia mempunyai hakikat tertentu, ia menimbulkan kesan pahit dan manis, atau kedua-duanya sekali.

Begitulah dengan kisah perjalanan Sultan Haji Ahmad Shah menaiki Takhta Kerajaan Pusat; dan begitulah juga dengan perjalanan Al-Marhum Sultan Yahya Petra ke alam baqa. Takdir telah melanda tanah-air pada 29 Mac, 1979, seperti lilin dipukul ribut, Sultan Yahya Petra mangkat, menyebabkan negara serta merta diselubungi kesedihan.

Al-Marhum Sultan Yahya Petra menyahut panggilan Allah selepas santapan tengahari, semasa Baginda sedang beristirahat dan bermesra dengan putra puteri Baginda dengan penuh perasaan kekeluargaan di Istana Negara.

Dan Sultan Haji Ahmad Shah menerima perutusan untuk menaiki Takhta Kerajaan Persekutuan semasa Baginda sedang berada di tengah-tengah kawan-kawannya di padang permainan di Bandar di-Raja Pekan. Pahang.

Sultan Haji Ahmad Shah terhenti, meletakkan reket tennisnya, lalu ke istana. Baginda hanya membayangkan berita ke masyarakatan biasa dari Perdana Menteri. Tetapi suara dari gagang telefon sayu berbunyi: "Ampun Tuanku, patik memohon ampun menyembahkan Kebawah Duli Tuanku, iaitu Tuanku Yahya Petra, Yang di-Pertuan Agong, telah mangkat."

Suasana seperti terhenti beberapa ketika. Segala seperti terbeku.

Kedua-dua pihak yang menghadapi telefon terpegun. Akhirnya baru terdengar suara yang tersedu-sedan: "Patik memohon ampun Ke Bawah Duli Tuanku berkenan berangkat ke Kuala Lumpur petang ini."

Sultan Haji Ahmad Shah tersedu-sedu bertitah: "Saya akan bersiap dengan segera."

Dari suasana yang riang dan meriah di tempat permainan tenis, Sultan Haji Ahmad Shah serta-merta dirundung duka, dan dengan sedusedan Baginda bertitah kepada para pegawai: "Kita berkabung dan bersiap ke Kuala Lumpur."

Penyerahan Takhta Persekutuan kepada Kebawah Duli Sultan Haji Ahmad Shah tidaklah banyak bezanya dari penyerahan Kerajaan Persekutuan kepada Dato' Hussein sebelumnya. Sultan Haji Ahmad Shah menaiki Takhta Kerajaan Persekutuan berikutan dengan kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya Petra, manakala Dato' Hussein mengambilalih Kerajaan Persekutuan berikutan dengan kepulangan ke rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Razak.

Kedua-duanya mengambilalih tanggungjawab oleh dorongan dan kehendak takdir.

Dato' Hussein Onn baru beberapa tahun sahaja berhadapan dengan rakyat di corong radio dan TV dengan linangan airmata mengumumkan kepergian Allahyarham Tun Abdul Razak. Dan pada awal tahun 1979, Dato' Hussein sekali lagi berdiri di hadapan corong radio dan TV mengumumkan kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya Petra.

Mereka yang meneliti Dato' Hussein semasa mengumumkan kedua berita pedih itu memang tidak dapat menafikan betapa sedih dan pilunya wajah itu. Bukanlah senang untuk mengumumkan berita sesuatu yang hilang dan yang tidak akan kembali lagi.

Dalam pada itu, pada 26 Jun, 1981 pula, sekali lagi Dato' Hussein membuat pengumuman sedih — persaraannya dari Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Semua perwakilan UMNO yang mendengar pengumannya di Hotel Hilton tidak dapat menahan airmata, menangkan seorang yang sudah demikian lama berjuang, tiba-tiba saja terpaksa mengundurkan diri kerana kesihatannya. Dato' Hussein seorang pemimpin yang unik, kerana ramai pemimpin yang menjalani "coronary artery by-pass operation" masih enggan mengundurkan diri.

Di Ibu Kota cuaca pada petang hari itu cuaca yang mulanya cerah tiba-tiba menjadi mendung.

Antara jam 2.30—3.00 petang awan menjadi mendung di tengah serlahan cahaya matahari yang terang benderang. Cahaya sebenderang itu dengan serta-merta digantikan oleh rantaian guruh dan kilat diikuti oleh ribut dan petir. Ramai penduduk Ibukota yang menganggapnya

satu perkara biasa kerana memang demikian biasanya cuaca di Kuala Lumpur. Tapi ada keganjilannya di sini. Awan mendung, guruh, kilat serta petir datang dengan serta merta dan berhenti juga dengan serta merta!

Memang satu keganjilan. Menurut kepercayaan orang tua-tua jika guruh di waktu pagi tiba dalam cahaya terang benderang, alamatnya tidak ada baik — "raja nak mangkat". Rakyat zaman moden tidak begitu menghiraukan perubahan ragam iklim yang mendadak ini.

Dan dalam landaan guruh dan hujan di Ibukota inilah pegawai-pegawai di Pejabat Perdana Menteri sibuk diarahkan memberitahu Ahli-Ahli Jemaah Menteri bahawa akan diadakan satu persidangan khas pada jam 4.00 petang. Perdana Menteri tidak memanggil Jemaah Menteri, melainkan ada sesuatu krisis. Semasa "krisis" pemogokan kakitangan dan pekerja-pekerja MAS, Perdana Menteri memanggil Jemaah Menteri. Kali ini susah hendak diduga. Keadaan negara diketahui tenang, tetapi Jemaah Menteri dipanggil di waktu petang pula. Menteri-menteri tertanya-tanya maksud persidangan itu.

Seriba di Bilik Jemaah Menteri, diketahuilah beritanya dari sumber-sumber di Jabatan Perdana Menteri. Dato' Hussein Onn sedang menunggu waktu yang sesuai untuk mengadap Kebawah Duli Sultan Haji Ahmad Shah yang sedang bermain tenis di Pekan. Perdana Menteri mengadap Kebawah Duli melalui telefon.

Semasa Dato' Hussein mengumumkan berita kemangkatan Sultan Yahya Petra itu, seluruh anggotanya ternyata menggeletar. Suaranya kepada anggota Kabinet terketar oleh nada penuh terharu, dan seolah-olah menyertai kepiluan itu.

Sebaik-baik Perdana Menteri memberitahu Jemaah Kabinet secara rasmi, masing-masing sugul. Peristiwa itu tiada disangka-sangka. Beberapa hari sahaja lagi Al-Marhum Sultan Yahya Petra akan berangkat ke Labuan. Segala persiapan sudah pun diatur dan disediakan dan rakyat Sabah sedang menunggu keberangkatan Baginda. Sebaliknya, berita kemangkatan Baginda yang tiba.

Peristiwa sedih begini bukanlah pula kali pertama ini menyelubungi negara. Cuma yang paling menyedihkan ialah kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya Petra itu terlalu mengejut. Yang di-Pertuan Agong Pertama, Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, dan Yang di-Pertuan Agong Ke-2, Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah, mangkat semasa di atas Takhta Kerajaan Persekutuan. Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah mangkat pada tarikh dan hari pertabalan Baginda. Sungguh pun rakyat sedih, tetapi kegeringan Baginda kedua telah pun diketahui umum. Manakala Al-Marhum Sultan Yahya Petra pula menyahut panggilan Ilahi di tengah-tengah rakyat dan negara sedang bergembira atas pemerintahan Baginda.

Sultan Haji Ahmad Shah memanggil Al-Marhum Sultan Yahya Petra sebagai "ayah" dan umum mengetahui betapa tinggi penghormatan Baginda terhadap Al-Marhum. Terlalu mendalam kesedihan Baginda terhadap kemangkatan Al-Marhum sehingga mudah membingungkan Baginda. Oleh peristiwa mendadak itu Sultan Haji Ahmad Shah terpaksa menentukan samada Baginda sanggup menggantikan Al-Marhum sebagai Ketua Negara atau pun terus bersemayam di Bandar di-Raja Pekan.

Kegementaran dan krisis perasaan itu lebih terasa kerana lebih kurang 15 jam sebelum Al-Marhum Sultan Yahya Petra mangkat, Sultan Haji Ahmad Shah dan beberapa orang rakan serta teman Baginda berbual hingga larut malam di Istana Temerloh. Salah satu "topik" yang rancak dibincangkan ialah samada Sultah Haji Ahmad Shah bersedia menjadi calon Yang di-Pertuan Agong ke-7 dalam tahun 1980.

Memang kegemaran Baginda berbual tentang beberapa topik dengan rakan-rakannya apabila sahaja Baginda mempunyai masa terluang. Selalunya Bagindalah yang mengemukakan berbagai topik — politik, ekonomi dan sosial — pada setiap kali Baginda beramah mesra.

Malam itu nampaknya Baginda gelisah. Baginda mula menyedari kenyataannya itu agak menghampakan rakan-rakannya. Untuk mengembalikan semua suasana ramah dan riang, maka Baginda pun lalu ketawa berdekah-dekah dan mengulangi titahnya: "Janganlah serius sangat. Ini takdir belaka. Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukannya. Masanya pun banyak lagi, jauh lagi. Relax.....relax."

Seorang rakan yang selalu bergurau senda dengan Baginda tiba-tiba berkata: "Ampun Tuanku. Perkara seperti ini tidak boleh dijadikan mainan. Boleh jadi seman. Ini kemungkinan belaka. Tuanku percaya kepada takdir. Jika takdir Tuhan menghendaki Tuanku ke Kuala Lumpur esok, kenalah Tuanku bersiap menerimanya."

Baginda cepat meyampuk: "Itu semua sudah tertulis. Biarlah takdir sahaja menentukannya."

Baginda kelihatan tersenyum. Mungkin Baginda ingin menguji hati dan perasaan rakan-rakannya. Tidak siapa sebenarnya mengetahui apa yang sedang beriak dalam sudut hati Baginda. Tapi kepada rakan-rakannya, titah Baginda yang begitu rupa sangat penting, kerana dalam tahun 1957, Al-Marhum Sultan Abu Bakar juga bertitah demikian kepada rakan-rakan Baginda. Al-Marhum betul-betul mengundur diri. Apabila Perlembagaan Persekutuan siap menjelang merdeka, maka dikehendaki Ketua Negara dipilih daripada sembilan Raja-Raja Melayu dan keutamaan diberikan kepada raja yang sudah lama bersemayam di atas takhta negeri itu.

Pada suatu ketika seorang rakan telah membawa persoalan yang amat

serius, iaitu kemungkinan Baginda Sultan Pahang menjadi Yang di-Pertuan Agong dalam tahun 1980. Baginda memandangnya tenang, tersenyum, lalu menjawab tegas:

"Bagi diri saya tidak mahu menjadi Ketua Negara. Tugas itu besar dan membatasi saya dari menjelajah menemui rakyat di Pahang dan bergaul dengan mereka. Saya boleh menolak pencalonan."

Seluruh rakan yang sedang berada di sisi Baginda agak terkejut dengan kenyataan Baginda. Sungguh pun tidak seseorang dapat menyeluk apa yang sedang beriak dalam hati Baginda — sama ada kenyataan itu serius atau tidak — tetapi Baginda kelihatan sungguh serius dengan titahnya itu. Masing-masing tiba-tiba senyap dan kesunyian itu menjadi menurut kata pepatah "seperti tikus jatuh ke kepuk".

Baginda tidak menduga bahawa rakan-rakan akan mengambil titahnya itu terlalu sungguh-sungguh. Masing-masing merenung antara satu dengan lain. Perbualan yang mulanya begitu rancak itu ternyata berubah menjadi sepi. Lama kelamaan Baginda sendiri menyedari bahawa titahnya itu telah diambil terlalu serius oleh rakan-rakannya. Baginda merenungi rakan-rakannya seperti ingin mengejutkan. "Mengapa?" suara Baginda riang. "Don't spoil the night". Jam di waktu itu hampir pukul 11.00 malam.

Rakan-rakan Baginda rata-ratanya adalah ahli-ahli politik belaka. Mereka kelihatan berasa hampa jika Kebawah Duli Tuanku benar-benar tidak mahu bersemayam di Kuala Lumpur. Masing-masing nampaknya seperti teringat akan sejarah perlantikan Ketua Negara yang pertama dalam tahun 1957. Al-Marhum Sultan Abu Bakar menolak pencalonan. Dan pemimpin-pemimpin Pahang, termasuklah Allahyarham (Tun) Razak Hussein, berasa hampa dan terkilan. Rakan-rakan dalam era ini tidak mahu "pisang berbuah dua kali." Mereka mengingini benar seorang Sultan Pahang menaiki Takhta Kerajaan Pusat. Jika kali ini pun terlepas juga, maka sudah tentulah masa menantikan pusingannya yang akan datang agak lama. Mungkin untuk beberapa tahun lagi. Selain itu, jika Baginda menolak pencalonan itu di waktu ini sebagai Yang di-Pertuan Agong yang Ke-7, maka sudah tentulah baginda akan menolak pencalonannya di masa-masa akan datang.

Rakyat sesebuah negeri memang sentiasa merasakan satu ke-megahan seorang raja mereka bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat. Ini adalah satu sejarah. Pihak nasionalis Melayu memang memperjuangkan "keagongan pemerintahan Melayu." Dengan kemahkotaan sultannya sebagai Yang di-Pertuan Agong, maka berertilah ia merupakan satu peristiwa yang telah berhasil mengisi perjuangannya.

Sembahyang Magrib dan Isya' yang disulami syarahan agama di pekarangan Istana Temerloh pada malam itu telah berakhir dengan kenduri. Upacara sedemikian adalah amalan Kebawah Duli dalam



bidang lawatan di-Raja ke daerah-daerah. Dua malam sebelum itu, Baginda berada di Jerantut dan Jengka. Aliran ceritanya begini:

Selepas para jemputan meninggalkan pekarangan istana, Baginda Sultan Ahmad Shah menyelesaikan perselisihan faham antara beberapa orang peserta FELDA. Baginda menasihatkan peserta-peserta itu supaya menghindari sikap kedaerahan. Peserta-peserta yang datang dari seluruh tanahair dan tinggal dalam rancangan-rancangan hendaklah menganggap semua peserta itu sebagai saudara mara belaka. Mereka tidak boleh tinggal dalam rancangan itu secara berpuak-puak. Mereka dinasihatkan supaya jangan sekali-kali mencemarkan nama keluarga dalam satu-satu rancangan. Baginda bertitah demikian kerana ada di antara mereka yang dipanggil itu dikatakan telah berbuat sesuatu yang tidak baik dan boleh mencemarkan nama baik FELDA. Baginda bertitah: "Oleh kerana nila setitik rosak susu sebelanga."

Selepas itu, masuk pulalah mengadap beberapa orang yang kononnya alim ulamak. Seorang peserta FELDA mengadu bahawa ada seorang 'alim' menjalankan dakwah apa yang dipanggil penyampaian ajaran agama yang tidak betul. Satu "perbincaraan" antara 'orang alim' dengan pihak lain telah dihakimkan oleh Kebawah Duli Sultan sendiri. Berbagai cerita telah didengar.

Pada mulanya, 'orang alim' itu menekankan kebenarannya. Katanya, dia tertatik oleh dakwah dari India kerana banyak yang sesuai dengan jiwanya. Antaranya dia mengatakan bahawa isterinya tidak boleh bekerja dalam kebun kelapa sawit dan aurat tubuh badannya hendak ditutup. Si isteri juga kena menghantarkan air untuk memandikan suaminya dan berlaku berbagai perkara yang aneh. Pendek kata, ringkasnya si isteri semata-mata bertugas untuk melayan suami.

Mengikut 'orang alim' itu, dia mula menyedari 'dakwahnya' itu tidak diterima masyarakat ketika pada satu hari semasa hendak menunaikan fardu Subuhnya, dia hampir-hampir "ditumbuk". Apabila bilal bang dan sampai kepada "assala tukhairul minan nauum", maka dia memberikan pengertian yang sebenarnya lalu pergi mengetuk pintu-pintu rumah mereka sedang tidur supaya bangun bersembahyang Subuh. Perbuatannya itu tidak mendapat sambutan mereka yang sedang nyenyak tidur, sebaliknya membawa mudarat kepadanya. 'Orang alim' kemudiannya menyatakan dia mulai insaf lalu meyembahkan bahawa beliau akan balik ke pangkal jalan, untuk menyertai alim ulamak dalam negeri itu bergerak dalam dakwah yang sebenarnya di bawah kelolaan Majlis Agama Negeri. Beliau juga berikrar untuk berpegang kepada pepatah "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung."

Banyak lagi hal rumahtangga telah dibawa mengadap Kebawah Duli. Akhirnya, kes-kes dan aduan-aduan tersebut pun berakhir. Pekarangan Istana Temerloh mulai lengang dan Kebawah Duli Tuanku masih belum

sedia beradu dan masih juga berbual-bual dengan beberapa orang sahabat di istana.

Berbagai perkara telah dibincangkan. Ada di antaranya yang serius dan ada pula menggelikan hati. Apabila masuk ke perkara yang serius masing-masing ternyata bersungguh-sungguh memberikan pandangan dan pendapat. Terkadang-kadang kedengaran ketawa berdekah. Baginda ternyata sentiasa bersahaja dan riang di tengah-tengah rakan-rakan Baginda yang tertentu. Pergaulan seperti itu bukan sahaja dapat mengeneipkan sejenak fikiran Baginda dari masalah-masalah negara yang besar, malah membolehkan juga Baginda berasa sebagai seorang hamba Allah dan insan biasa di bumi Allah ini.

Perbualan pun sudah masuk ke peringkat 'tawar'. Masing-masing mula hilang minat akibat kenyataan Baginda sungguh pun kenyataan itu sebenarnya ada alasannya. Baginda memaklumi perasaan rakan-rakan. Kepada rakan-rakan inilah kali pertama Baginda melahirkan perasaannya mengenai Takhta Pusat itu. Kepada rakyat, khususnya rakan-rakan, Takhta Kerajaan Pusat itu memanglah merupakan satu sejarah, tetapi sukarlah diselami apakah pula perasaan seseorang Ketua Negara bersemayam atas takhta yang penuh sejarah dan kebesaran serta protokol. Topik tersebut menjadikan suasana bertambah sepi dan muram. Baginda melihat jam tangannya lalu berkata: "Eh, dah tengah malam. Esok kita mempunyai acara berat." Lalu Baginda masuk beradu.

Selepas Baginda meninggalkan bilik tamu, mulalah rakan-rakan mengulangi soal titah kenyataan Baginda. Masing-masing merasa hampa dengan pendirian Baginda jika benar-benarlah itu yang terjadi. Untuk menenangkan hati, masing-masing cuba menganggap kenyataan Baginda itu hanya sebagai cabaran kepada pihak "nasionalis" dalam era ini. Masing-masing berikrar untuk menyembahkan perasaan rakyat Kebawah Duli Tuanku di masa akan datang supaya sejarah Negeri Pahang tidak 'kosong' lagi dalam rangkaian sejarah negara keseluruhannya.

Berbagai teori timbul dan dibincangkan. Ada yang mengatakan Tuanku terlalu rapat dengan rakyat Baginda dan berat untuk meninggalkan mereka. Ada yang mengatakan Baginda "pantang" meninggalkan Istana Pahang di Pekan. Dan ada pula yang mengatakan keluarga di-Raja jarang-jarang sekali meninggalkan Bandar di-Raja Pekan mungkin takut kesunyian.

Anggapan ini nampaknya semakin dekat. Ini diasaskan kepada keberangkatan Baginda ke Kuala Lumpur untuk menjalankan tugas Ketua Negara semasa Al-Marhum Tuanku Yahya Petra beristerihat serta melawat keluar negeri. Selepas bacaan doa maka diikuti oleh azan di padang bola Pekan menandakan keberangkatan Baginda. Helikopter membawa Baginda ke Kuantan dan dengan Executive Jet F. 28 Baginda

ke Kuala Lumpur. Suasana keberangkatan di-Raja itu memang diselubungi kesedihan. Ada rakyat Baginda yang hadir di padang itu yang menangis. Kerana tidak dapat menahan kesedihan, maka Tuanku Raja Permaisuri Agong, Tengku Ampuan Pahang, turut tersedu sepanjang penerbangan hingga ke Kuantan sebelum bertukar kapalterbang ke Kuala Lumpur. Raja Permaisuri mengesat airmatanya dengan sapu tangan Baginda Sultan. Jelas kelihatan betapa sedih mereka hendak meninggalkan Istana Pekan. Oleh kerana tugas mereka, maka segala kesedihan dan urusan diri itu terpaksa diketepikan.

Keberangkatan Baginda ke daerah-daerah kali ini mengambil masa tiga hari. Dua hari Baginda berangkat melawat kawasan-kawasan daerah Jerantut, termasuklah kawasan-kawasan FELDA dan kampung-kampung lama di pinggir sungai dalam daerah Jerantut. Dalam bidang lawatan di-Raja ke Jerantut, Baginda telah melancarkan Skim Baik Pulih Dusun. Esoknya Baginda dijadualkan melancarkan satu lagi Projek Baik Pulih Dusun di Chenor. Skim ini dirangka hasil dari sebuah plan Encik Qamarulzaman, Pegawai Pertanian (waktu itu di Kedah) atas arahan Menteri Pertanian. Skim itu memberi keutamaan kepada enam jenis buah-buahan. Skim ini dirangka begitu rupa supaya negara mempunyai daya pengeluar buah-buahan bukan sahaja untuk hidangan pembasuh tekak (dessert), tetapi juga untuk proses. Melaluinya juga diwujudkan zon dusun mengikut satu-satu kawasan. Dalam Skim Baik Pulih Dusun ini satu-satu skim itu orang-orang kampung juga digalakkan bergotong royong menanam semula di bawah pengawasan pegawai-pegawai pertanian. Mereka mendapat pagar chain saw, baja dan lain-lain. Pokok-pokok durian, mangga, rambutan, limau, duku, duku langsung dan nangka diutamakan.

Baginda Sultan Haji Ahmad Shah berada di Chenor hampir seluruh pagi itu 29 Mac 1979. Baginda berangkat balik ke Pekan dengan helikopter kira-kira jam 12.00 tengahari. Rombongan Menteri Pertanian bertolak balik ke Kuala Lumpur dengan kereta.

Hujan masih renyai-renyai. Tiba-tiba secretary menelifon Pejabat Pejabat Menteri menyampaikan perintah supaya menghadapi persidangan Kabinet tergempar. Masing-masing tidak dapat menduga mengapa Perdana Menteri memanggil Kabinet. Peristiwa-peristiwa negara sebenarnya tenang, dan tidak memerlukan Kabinet bersidang secara tergempar. Perdana Menteri memang jarang-jarang sekali memanggil persidangan tergempar.

Hanya setiba ke Bilik Kabinet saja baru peristiwa sedih negara diketahui. Menteri-menteri sudahpun berada dalam Bilik Kabinet menunggu Perdana Menteri. Masing-masing jelas muram. Kepada Menteri Pertanian, berita itu sangat mengejutkan kerana pada malam selamanya beliau berbual-bual dengan Sultan Haji Ahmad Shah Timba-

lan Yang di-Pertuan Agong mengenai takdir. Berbagai jenis fikiran merasuk jiwannya. Kadang-kadang berasa sedih dan kadang-kadang berasa seperti dalam mimpi. Menteri-Menteri yang hanya mengetahui "Agong mangkat" dan belum lagi mendapat berita yang sah.

Perdana Menteri secara resmi memberitahu tentang kemangkatan Tuanku Yahya Petra. Baginda mangkat secara mengejut setelah jatuh gering tidak lama selepas santap tengahari. Perdana Menteri menerangkan rancangan pemakaman di-Raja. Tengku Razaleigh Hamzah mewakili kerabat Kelantan menjelaskan Permaisuri Agong berkenaan jenazah Al-Marhum dibawa segera ke Kelantan untuk membolehkan rakyat Kelantan memberikan penghormatan akhir sebelum Al-Marhum disemadikan. Oleh kerana Tuanku Yahya Petra adalah Ketua Negara, maka kehendak keluarga Kelantan itu terpaksa disesuaikan dengan adat resam dan kebesaran negara sebagai raja.

Perdana Menteri menjelaskan Sultan Pahang sudah disembahkan atas kemangkatan itu. Semasa Perdana Menteri berhubung telefon, Baginda sedang bermain tenis di Pekan. Segala persiapan sudahpun dibuat untuk membolehkan Timbalan Yang di-Pertuan Agong berangkat ke Kuala Lumpur petang itu juga. Perdana Menteri memberitahu Menteri-menteri supaya membatalkan segala acara Kerajaan sehingga Al-Marhum selamat disemadikan di Makam di-Raja Kelantan.

Menteri-Menteri bersurai dan mematuhi segala arahan Perdana Menteri. Kebetulan saja Menteri Pertanian dijadualkan menyambut ketibaan Menteri Pertanian Thai, Prida, esoknya untuk lawatan rasmi ke Malaysia. Menteri Pertanian memanggil pegawai-pegawai waktu itu sudah pun lepas masa pejabat untuk mengirim kawat ke Bangkok. Lawatan seminggu itu termasuklah mengadap Sultan Pahang di Pekan. Baginda Sultan Pahang telah pun mengarahkan pihak mergastua untuk mencari seekor rusa untuk majlis barbecue di Kuala Tahan, tempat Menteri Thai itu dijadualkan bermalam selepas diterima mengadap di Pekan dan sebelum melawat FELDA esoknya.

Sultan Pahang berangkat tiba di Ibu Negara di waktu Esa, Baginda berangkat ke Hotel Hilton — tempat Baginda bersemayam sementara — dan beberapa orang pembesar dan rakan Baginda sedang menunggu ketibaan Baginda.

Sambil berjabat salam dengan Menteri Pertanian Baginda bertitah: "I telefon you apabila mendapat berita itu. Mulut you masinlah."

Baginda lalu ke bilik di tingkat 26. Selepas menunaikan fardu Esa tanpa lengah-lengah lagi Baginda serta Permaisuri Agong berangkat ke Istana Negara untuk menziarahi Al-Marhum Tunku Yahya Petra.

Peristiwa menyayat hati rakyat itu tidak siapa yang menduganya. Seluruh negara mula berkabung. Suasana yang membawa negara ke alam sedih itu adalah takdir belaka. Seluruh negara dan rakyat menyene-

rahan Kebawah Duli Tuanku Yahya Petra ke milik Allah dan berdoa' agar Allah melimpahkan rahmat dan meletakkan roh Baginda di kalangan orang-orang yang disayangiNya.

Bagi rakan-rakan Sultan Haji Ahmad Shah, sungguhpun peristiwa kemangkatan Al-Marhum Tuanku Yahya Petra satu peristiwa yang sedih, tetapi ada lagi yang lebih berat. Mereka merasa sukar untuk menyakinkan Sultan Haji Ahmad Shah bahawa Baginda dikehendaki bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat dan ini tidak dapat dielak lagi.



فاسوفكن رومه احمد دمان بقدفرتوان اكونغ سكارغ (دودق دوا دري' كيري) سالة سنورغ فسرطان سماس منتتوة دكوليج ملايو. كمبر اين  
داميل فد تاهون 1947.

*Pasukan Rumah Ahmad, Yang di-Pertuan Agong, (dua dari kiri) salah seorang dari peserta ketika menuntut di Kolej Melayu dalam tahun 1947.*



*Sultan Pahang Yang Pertama, Almarhum Sultan Ahmad Al Muadzam Shah yang memerintah Pahang dari tahun 1863 hingga 1914, sebagai Bendahara Pahang (Bendahara Sewa Raja) 1863 hingga 1882 sebagai Sultan Pahang I (1882 hingga 1914).*



*Almarhum Sultan Mahmud (Sultan Pahang Kedua) memerintah Pahang dari 9 Mei 1914 hingga 19 Jun 1917.*



*Sultan Pahang ketiga, Almarhum Sultan Abdullah Almu Tassim Billah, memerintah Kerajaan Negeri Pahang dari 19 Jun 1917 hingga 22 Jun 1932.*



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah ibni Almarhum Al-Mutassim Billah Al-Sultan Abdullah DK, SIMP., DMN., DK (Brunei), DK (Johor), DK (Kedah), DK (Perak), SPDK (Sabah) dan GCMG (Sultan Pahang Yang Keempat).*





*Sultan Pahang Kelima, Sultan Ahmad Shah bersama Seri Paduka Ninda Baginda, Sultan Iskandar Shah (Sultan Perak ke 30) di Perkarangan Istana Mercu, Kuala Kangsar dalam tahun 1932.*



*Sultan Ahmad Shah duduk di atas kerusi di sebelah Seri Paduka Ayahanda (kiri) dan Seri Paduka Bonda Baginda sekitar tahun 1932.*



*Majlis Istiadat Perkahwinan di-Raja di kediaman Menteri Besar di Kuala Lipis antara (1) Tengku Mahkota Pahang dengan (2) Tengku Afzan binti Tengku Muhammad dalam tahun 1954.*



*Tengku Afzan binti Tengku Muhammad diiringi masuk ke pentarakna sempena istiadat perkahwinan baginda dengan Tengku Mahkota dalam tahun 1954.*



*Tengku Afzan yang jelita ketika berusia 20 tahun telah dikahwinkan dengan Tengku Ahmad Shah, Tengku Mahkota Pahang. Ribuan rakyat pergi ke Kuala Lipis untuk menyaksikan istiadat perkahwinan selama empat hari (gambar 4 Mei 1954). Tengku Afzan adalah pemain piano berbakat sejak kecil lagi.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sedang menimang cucu Baginda berdua.*



*Yang di-Pertuan Agong dengan Tengku Mahkota.*



*Tengku Mahkota Pahang, Ketua Pasukan 'Royal Pahang Polo Club' sedang menerima 'Pahang Cup' dari Sultan Pahang (ayahanda baginda) setelah mengalahkan Pasukan Manila di Manila.*



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berganding tangan untuk memotong kek Ulangtahun Perkahwinan ke 27 dalam satu upacara di Rumah Malaysia pada 25 April 1981.*



*Yang di-Pertuan Agong berehat setelah penat bermain polo bersama cucunda Baginda.*



*Tiga orang puteri Baginda dalam satu pos istimewa — Tengku Muhaini, Tengku Shariah (Sherry) dan Tengku Nong Fatimah.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Perak sedang saling cuba siram menyiram air dalam upacara bersiram perkahwinan puteri Baginda.*



*Yang di-Pertuan Agong kelihatan amat riang turut menjirus hadirin yang ada dalam istiadat bersiram di Perkahwinan Tengku Muhaini, puteri kedua Baginda.*



*Datuk Shariff Ahmad turut menjirus air ke Tengku Muda dan yang memegangnya dari belakang ialah Pemangku Sultan Pahang.*



*Yang di-Pertuan Agong berjenaka dengan Tan Sri Ghazali Shafie selepas istiadat bersiram.*





*Perbarisan ketika menyambut Hari Keputeraan Sultan Abu Bakar Pahang pada tahun 1955/56.*

## Menanti Hari Tiba

---



umi Malaysia diselubungi mendung dan dibasahi suasana sedih. Semua lapisan rakyat berkabung atas kemangkatan Ketua Negara. Inilah kali ketiga peristiwa sepedih itu menimpa negara. Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman Yang di-Pertuan Agong Pertama mangkat sebelum tamat pemerintahan Baginda sebagai Ketua Negara. Al-Marhum Sultan Hishamuddin Yang di-Pertuan Agong Ke-2 mangkat pada tarikh dan hari Baginda dijadual ditabalkan secara rasmi. Demikianlah takdir Allah. Tak sesaat terlewat dan tak sesaat terdahulu.

Kemangkatan Al-Marhum Sultan Hishamuddin sangat menyayat hati kerana pada waktu itulah juga seluruh rakyat menunggu peristiwa sejarah Hari Pertabalan Baginda. Suasana yang sepatutnya penuh gembira itu berubah menjadi sedih dan pilu di tengah-tengah upacara sambutan yang disusun. Begitulah juga halnya dengan Al-Marhum Tunku Yahya Petra. Al-Marhum dijadualkan membuat lawatan ke Labuan selama dua hari. Acara-acara sudahpun diatur hanya menunggu keberangkatan tiba Baginda. Pulau Labuan pun sudah dihias menjadi seperti taman kayangan di waktu malam.

Tetapi semua ini adalah kehendak Allah belaka. Insan yang pergi dulu sudah menemui Tuhan, manakala yang tinggal menanti giliran, dan perlu diberi pimpinan. Ketua Negara baru perlu diadakan. Lalu Sultan Haji Ahmad Shah pun mengangkat sumpah jawatan menjalankan tugas Ketua Negara dalam satu upacara singkat di Jabatan Perdana Menteri. Pada ketika itu kesedihan oleh kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya Petra masih menghiris hati rakyat.

Sesuatu yang aneh dalam upacara ini ialah pen yang bakal digunakan oleh Sultan Haji Ahmad Shah bagi menandatangani surat sumpah jawatan itu tiba-tiba saja tidak ada dakwat. Beberapa kali Baginda

menyonyohkan pen itu, tetapi tiada dakwatnya. Akhirnya Baginda menggunakan pen lain. Pen dan surat itu kini disimpan di Muzium Negara.

Ketika persiapan dibuat untuk membawa jenazah Al-Marhum Sultan Yahya Petra ke Kelantan bagi membolehkan rakyat Kelantan memberikan penghormatan akhir Kebawah Duli Baginda, timbul satu 'masalah' baru iaitu mengenai istana untuk Sultan Haji Ahmad Shah bersemayam di Kuala Lumpur. Istana Negara masih didiami oleh kerabat di-Raja Al-Marhum, Istana Tetamu sedang dibaiki, manakala Rumah Malaysia pula sedang didiami oleh tetamu negara iaitu adik kepada Al-Malik Husain dari Jordan. Istana Pekan di Kuala Lumpur juga sedang dibaiki. Di mana Baginda hendak bersemayam?

Sebagai seorang yang cukup memahami keadaan, Sultan Haji Ahmad Shah bertitah "kalau begitu hotellah". Dengan itu, maka sebuah hotel terkemuka pun dipilih untuk Baginda menginap sementara. Pihak berkuasa hotel pun kelambakut membuat persiapan dalam masa sejam. Selepas keberangkatan balik adik raja Jordan beberapa hari kemudian, maka Sultan Ahmad Shah pun pindah bersemayam di Rumah Malaysia. YAB Perdana Menteri Dato' Hussein Onn (Tun) memohon sembah atas 'kesukaran' ini. Atas berkat dan daulat Tuanku, maka adalah di luar dugaan segala-galanya berlaku lancar. Memang terbayang kesedihan pada wajah Dato' Hussein (Tun), kerana keadaan begitu mendesak — sedih atas kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya Petra dan terjadi pula masalah tempat menginap ini. Mujurlah Sultan Haji Ahmad Shah seorang raja yang tidak cerewet sanggup tidur di atas kapal tentera, tidur di hutan Sungai Siput dan Bukit Yong (ketika menziarahi askar-askar dalam Latihan Gonzales).

"Apalah bezanya duduk di hotel, rumah juga," titah Baginda ketika menceritakan tentang peristiwa itu kemudiannya. Perdana Menteri Dato' Hussein Onn (Tun) berulang-alik ke hotel untuk menyaksikan sendiri segala kemudahan disediakan di hotel itu.

Memanglah benar Sultan Haji Ahmad Shah ini begitu 'simple'. Semasa bersemayam di hotel itu kerap kali Baginda santap 'nasi bungkus' dan nasi lemak. Baginda memang merasa lebih selesa dan berselera menikmati santapan ala kampung.

"Tak kenyang makan masakan moden," titah Baginda.

Lalu Baginda menitahkan tukang masak di Istana Pekan dibawa ke hotel untuk menyediakan masakan.

Selesai upacara pemakaman Al-Marhum Sultan Yahya Petra, maka timbullah soal pemilihan Yang di-Pertuan Agong Yang ke-7. Rakan-rakan Sultan Haji Ahmad Shah selalu berjenaka dengan Kebawah Duli: "Tuanku kena masuk calon pilihanraya". Baginda selalu menjawab: "How do you know I am going to accept or not the nomination?"

Setiap kali berjenaka dengan Baginda, jawapan yang sama itulah di-

berikannya. Terima atau tidak terima, inilah soalnya. Jika Baginda tidak menerima pencalonan kali ini, maka Pahang akan lucut peluangnya untuk menjadi Ketua Negara bagi kali kedua. Dari wajah Baginda, terbayang yang Baginda tidak mahu menjadi Ketua Negara. Baginda lebih suka bersemayam di Pahang sahaja.

Pada suatu malam di hotel itu diadakan satu perbincangan yang "serious" dengan Baginda mengenai pencalonan raja. Beberapa perkara dibincangkan. Soal Pemangku Raja Pahang dibincangkan juga. Anakanda Tengku Mahkota YTM Tengku Abdullah masih di Cambridge dan akan hanya tamat pada tahun 1980. Tengku Mahkota dititah oleh ayahanda memasuki universiti itu selepas tamat latihan tentera di Sandhurst. Sultan Haji Ahmad Shah berkehendakkan bakal Raja Pahang itu mempunyai pengalaman tentera dan civil seperti Baginda juga.

Dalam perbincangan itu, maka banyak baiknya jika Baginda bersetuju menerima pencalonan. Dengan kemangkatan Al-Marhum Sultan Yahya, dan Sultan Haji Ahmad Shah memangku jawatan Ketua Negara, maka adalah sumbang jika Baginda menolak. Sebagai raja berjiwa rakyat maka langkah menolak pencalonan dengan sendirinya akan dipandang serong oleh rakyat. Teman-teman Baginda sentiasa menekankan bahawa Baginda tidaklah seharusnya menjadi Raja rakyat Pahang sahaja dan rakyat di seluruh negara pun ingin merasa naungan Baginda. Mereka ingin merasa limpah daulat Baginda.

Dalam perbincangan malam itu berakhir dengan satu soalan. Dapat atau tidak sokongan dari Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

Sungguhpun Baginda Sultan menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan memangku jawatan itu beberapa kali tetapi adalah tidak otomatik untuk menjadi Ketua Negara. Ini sudah dijadikan tradisi raja-raja semasa Perlembagaan digubal dahulu. Di samping Baginda, maka dua negeri lagi yang berhak iaitu Perak dan Johor. Fikiran juga perlu ditinjau tentang sikap raja-raja lain.

Dengan feedback yang ada, maka soal menang tidak timbul lagi. Hari "pilihraya di-Raja" menjelang tiba. Surat-surat dan dokumen pencalonan sudah disediakan. Tawaran dari Secretariat Mohor Raja-Raja Melayu sudah pun disusun. Sultan Trengganu Al-Marhum Sultan Ismail menelefon tidak dapat datang kerana gering.

Baginda Sultan Pahang berangkat dengan kereta ke Istana Negara. Sultan Perak menjadi Pengerusi. Dan akhirnya Sultan Haji Ahmad Shah dipilih!

Keputusan "pilihanraya di-Raja" itu merupakan satu upacara yang sangat istimewa kepada Kebawah Duli Tuanku kerana ia bertepatan dengan Jubli Perak Perkahwinan baginda. Oleh kerana kesuntukan masa dan kekurangan tempat, maka sambutan Jubli Perak Perkahwinan itu disatukan dengan doa' kesyukuran. Upacara itu diadakan

di sebuah restoran di hotel itu juga. Tuanku Sultan berkehendakkan doa' kesyukuran dibacakan. Dengan tergesa-gesa, maka VIP menelefon Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Shahir.

Pihak Kerajaan pula membuat persiapan di Rumah Malaysia supaya Kebawah Duli Tuanku bersemayam di sana.

Tuanku berangkat bersemayam ke Rumah Malaysia tidak beberapa lama selepas "pilihanraya di-Raja" itu. Soal "mahu tak mahu" menjadi Yang di-Pertuan Agong sudah tidak timbul lagi. Apa yang timbul ialah soal Pertabalan.

## Sementara Di Rumah Malaysia

---



Rumah Malaysia adalah sebuah istana yang mempunyai latarbelakang yang tersendiri. Dari sebuah hotel Baginda berangkat bersemayam ke Rumah Malaysia. Pada mulanya Dato' Hussein Onn mengingini Baginda bersemayam di Istana Tetamu (dahulu dikenali sebagai Kings' House berdekatan dengan Tasek Perdana). Memang indah dan cantik tempat bekas Pesuruhjaya Tinggi British tinggal sebelum merdeka. Tempat ini sesuai bagi seorang Raja bersemayam. Sungguhpun bangunannya lama, tetapi ia mempunyai ukiran yang tersendiri dan simbolik. Dato' Hussein Onn berusaha sungguh-sungguh untuk memastikan kerja-kerja membaikinya itu siap, tetapi mustahil bagi pekerja-pekerja itu baru sahaja mula bekerja. Oleh yang demikian, sekali lagi Dato' Hussein menyembah ampun Kebawah Duli Tuanku agar memperkenankan bersemayam di Rumah Malaysia. Memang sudah diduga Baginda tidak akan keberatan kerana Baginda sendiri nampak dan maklum akan segala kesulitan itu. Dan Baginda sedikitpun tidak merasa tersinggung berangkat bersemayam di Rumah Malaysia.

Rumah Malaysia ini mempunyai sejarah yang berliku-liku. Pada mulanya Rumah Malaysia ini dikenali dengan nama Istana Anak Alang Bertatar dibina oleh Sultan Brunei yang waktu itu ialah Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin. Baginda sentiasa berulang alik ke Kuala Lumpur dan bersemayam di Istana ini. Pada masa-masa lain anakanda-anakanda dan keluarga Brunei tinggal di situ ketika mereka berada di Kuala Lumpur.

Pembinaan Istana ini cepat sekali, diawasi sendiri oleh Baginda Sultan Brunei. Istanaanya memang indah dan memang simbolik. Pernah dilaporkan akhbar bahawa semasa bersemayam di Istana itu Baginda gemar mengarang syair-syair yang tertentu.

Dalam tahun 1965, Istana Anak Alang Bertatar ditukar nama kepada Rumah Sabah. Waktu itu Tun Datu Mustapha adalah Ketua Menteri Sabah dan Istana tersebut dibeli dari Kebawah Duli Tuanku Sultan Brunei. Tun Datu Mustapha membuat serba sedikit pindaan untuk menyesuaikan dengan suasana dan cita-rasa orang-orang Sabah. Rumah ini menempa sejarah sekali lagi apabila Datuk Harris Salleh mengambilalih teraju pemerintahan Sabah. Untuk satu-satu tujuan tertentu Datuk Harris Salleh memutuskan untuk menjual rumah itu dan sebagai langkah hendak mengekalkan sejarah rumah itu, maka Kerajaan Malaysia membelinya. Dengan begitu, Rumah Sabah itu tidaklah lari dari tangan Kerajaan iaitu dari Kerajaan Brunei ke Kerajaan Sabah dan akhirnya ke Kerajaan Malaysia. Rumah ini kemudian dijadikan sebagai Rumah Tetamu dan ditukar namanya kepada Rumah Malaysia.

Selepas Baginda berangkat bersemayam di Rumah Malaysia, maka teman-teman yang rapat dengan Kebawah Duli datang mengadap atau dipanggil mengadap. Sungguhpun Baginda selalu berangkat ke Kuala Lumpur dan bersemayam di Istana Pahang di Kuala Lumpur, tetapi Baginda merasa kesunyian. Di Pekan, Pahang, Baginda bebas bersiar-siar dengan bot-botnya di laut, sama ada menunggang kuda Baginda ataupun sekurang-kurangnya mengawasi pasukan bola Pahang yang Baginda ketuai. Kini di sini Baginda terasa sunyi dan pergerakannya mengikut "appointment" lebih-lebih lagi Baginda baru sahaja menaiki Takhta Kerajaan Pusat.

Untuk mengelakkan kesepian ini, maka di Kuala Lumpur telah dibuat semacam roster untuk mengadap Kebawah Duli Tuanku. Kesunyian itu lebih dirasakan kerana anakanda-anakanda Baginda semuanya bersekolah di luar negeri. Baginda tidak boleh duduk bersendirian kerana sudah menjadi cara hidup Kebawah Duli berkawan dan beramah mesra dengan rakan-rakan. Mereka yang rapat dengan Kebawah Duli memang mengetahui sikap Baginda yang sederhana dan suka berkawan. Pada setiap malam selepas Baginda sembahyang Isya' rakan-rakan datang mengadap mengikut roster tidak rasmi yang Baginda sendiripun tidak mengetahuinya.

Selepas sembahyang dengan berpakaian Melayu dan kain pelikat, semua dititah berada di meja santapan dan bersama-sama dengan Baginda serta Raja Permaisuri Agong. Ada yang berebut-rebut hendak duduk di hujung meja jauh sedikit dari Baginda, kerana "boleh makan banyak". Yang selalu mengadap di sebelah malam termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie, Dato' Mansor Mohd. Nor, Raja Atan, Raja Amir, Cikgu Sabki, Dato' Maj. Daud, Wan Sidek, Raja Kharib, Tengku Ismail, Dato Hishamuddin Yayha, Engku Ubaidullah, Dato Sabki, kadang-kadang Dato' Khalil Yaakob datang dari Pekan, dan saya.

Berbagai acara diatur untuk mengatasi kesepian. Wayang gambar

selalu diadakan. Perbualan biasanya meliputi perkara-perkara yang serius dan kadang-kadang yang tidak serius. Kadang-kadang ada yang berjenaka dan ada pula yang bercerita. Begitulah dihabiskan waktu malam. Jadual Baginda di waktu siang bolehlah dikatakan tetap. Selepas sembahyang Subuh, Baginda berangkat ke Padang Polo — menunggang kuda hingga lebih-kurang pukul 8.30 pagi terus ke Pejabat. Pada petang hari pula, selepas Baginda menunaikan sembahyang Asyar, Baginda terus ke Padang Polo. Di sebelah petangnya pula sama-ada Baginda menunggang ataupun bermain polo untuk beberapa chaker. Baginda memerlukan kawan di waktu malam kerana memang sudah menjadi sifat Baginda tidak boleh beradu awal. Ini tidaklah bermakna keluarga di Raja tidak ada, tetapi Baginda gemar berkawan dengan semua golongan rakyat.

Selalu saja perkara yang menggelikan hati berlaku. Pada suatu malam Baginda hendak menengok orang bertadarus di Istana Negara. Memang demikian amalan Baginda di Istana Pekan, Pahang. Pada malam tersebut Baginda memandu kereta Lincoln yang besar. Bersama-sama Baginda ialah Raja Kharib, Dato' Mansor dan saya sendiri. Cermin ditutup untuk mengelak dari pandangan orangramai. Entah macam mana lampu dalam kereta terpasang dan tidak tahu bagaimana hendak dipadamkan. Apa hendak dibuat sambil Tuanku memandu kereta, Raja Kharib terpaksa menudung lampu dengan songkok. Tiba di Rumah Malaysia semuanya ketawa belaka. Tuanku berjenaka: "Negeri boleh kawal... lampu kereta tidak boleh."

Apabila ada sesuatu perkara yang serius, biasanya Baginda akan memanggil Tan Sri Ghazali Shafie dan saya. Pada suatu hari kami berdua dipanggil dan mauduknya ialah Yang di-Pertuan Agong Ke-7. Baginda memberitahu bahawa Perdana Menteri hendak menubuhkan Jawatankuasa Pertabalan dan menginginkan seorang Pengerusi yang Baginda sendiri diminta memilihnya. Dalam soal sambutan dan upacara-upacara yang memerlukan pengetahuan sejarah serta simbolik, tidaklah ada orang lain selain dari Tan Sri Ghazali Shafie. Beliau boleh dikatakan 'Pengerusi Tetap' Hari Kebangsaan dengan tema-tema yang tertentu. Baginda bertitah: "Terpulanglah kepada awak berdua."

Saya menyembahkan "Tan Sri Ghazali". Saya sendiri akan menjadi PRO Kebawah Duli Tuanku untuk menyiapkan publisiti-publisiti yang diperlukan, dan berurus dengan akhbar-akhbar. Tuanku bertitah "Teman patut tulis biografi" — tidak seperti yang lalu.

Antara masalah-masalah yang besar sekali ialah tempat pertabalan. Pada masa lalu dari Yang di-Pertuan Agong Pertama hingga Ke-6 — pertabalan dilangsungkan di Dewan Tunku Abdul Rahman. Inilah Dewan yang besar untuk umum di Kuala Lumpur. Malangnya bangunan dewan ini 'sementara' sahaja dan mungkin tidak lama. Dengan demi-



kian, segala sejarah tanahair yang berlaku di situ akan hilang begitu sahaja. Baginda berasa musykil sedikit. Sebagai seorang Raja yang berpegang kepada tradisi dan keturunan, Baginda nampaknya tidak begitu tertarik dengan idea pertabalan di Dewan Tunku Abdul Rahman itu.

Baginda berpendapat Singahsana dan tempat pertabalan tidak boleh dipisahkan dengan Istana. Soalnya ialah Singahsana yang ada di Istana Negara itu terletak dalam sebuah dewan yang sangat kecil. Selepas memikirkan dengan panjang lebar dari segala aspek, Baginda masih menghendaki pertabalan itu dilangsungkan di Istana Negara juga.

Dengan keputusan Baginda itu, timbullah lagi satu 'masalah' baru. Bukan sahaja pertabalan ini akan berlainan dari pertabalan yang lalu, malah yang lebih penting sekali ialah Istana Negara perlu diperbaiki dan Dewan diperbesar. Ini akan mengambil masa. Bagi Kebawah Duli masa tidak menjadi soal, asalkan upacara pertabalan itu dapat berlangsung di Istana Negara.

Dengan keputusan Di-Raja itu, maka beberapa perkara diperlukan. Teringat pula kepada sejarah Yang di-Pertuan Agong Ke-2 yang mangkat pada hari yang Baginda sepatutnya ditabalkan. Baginda Sultan Haji Ahmad Shah bukanlah begitu "superstitious" orangnya dan berkata itu adalah takdir dan kehendak Allah. "Kalau Allah memanggil, kita tidak boleh minta tangguh seminit sekali pun," titah Baginda.

Selepas itu, timbul pula soal hendak menyampaikan kepada Perdana Menteri. Pertabalan itu hendaklah dijadikan sebagai satu cara yang boleh merapatkan rakyat jelata dengan takhta sesuai dengan jiwa Baginda.

Kedua-dua mereka menghendaki rakyat mengambil bahagian supaya dapat disemaikan di kalangan generasi muda bahawa beraja adalah satu cara hidup turun temurun dan sistem pemerintahan seperti ini adalah sesuai untuk rakyat yang berbilang kaum.

Dalam salah satu sidang Kabinet — Rabu — Baginda menyampaikan hasratnya ini kepada Perdana Menteri. Tuanku menyangkakan Perdana Menteri akan memberikan alasan-alasan tertentu kerana itu adalah satu langkah yang tidak serupa dengan pertabalan Yang di-Pertuan Agong-Agong yang lalu. Sebaliknya, Perdana Menteri tersenyum dan menyembah Kebawah Duli Baginda. "Pertabalan itu adalah hak Tuanku. Patik akan menguruskan segala kehendak Tuanku. Masa dan bila bergantunglah kepada persiapan. Istana itu kena dibaiki dan Dewan kena diperbesarkan," ujar Perdana Menteri kepada Kebawah Duli Tuanku.

Dalam Persidangan Kabinet hari ini juga Perdana Menteri memberitahu Menteri-Menteri bahawa Tuanku berhasrat ditabalkan di Istana Negara. Perdana Menteri menyetujui alasan bahawa pertabalan itu adalah serupa dengan hari "Persandingan" dan tidak patut disalahtafsirkan. Perdana Menteri kemudian mengarahkan supaya Istana Negara

disiapkan dan Dewan dibesarkan supaya sesuai dengan Dewan Per-tabalán. Oleh kerana Istana Negara hendak dibaiki seluruhnya, maka Dewan Singhsana hendaklah diutamakan supaya pertabalán itu tidak akan begitu lama.

Dengan persiapan-persiapan diperlukan maka adalah dianggarkan Dewan yang penuh dengan ukiran sebagai Dewan Singhsana itu akan mengambil masa lebih kurang beberapa tahun.

# Proses Lantikan Yang Di-Pertuan Agong

---



Malaysia mempunyai Ketua Negara yang digelar Yang di-Pertuan Agong yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh didakwa di dalam sebarang perbincangan dalam mana-mana mahkamah. Raja Permaisuri Yang di-Pertuan Agong (yang digelar Raja Permaisuri Agong) adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-Raja selama tempoh jawatan lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutuskan surat bertandatangan kepada Majlis Raja-Raja ataupun boleh dipecat dari jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan berhenti daripada memegang jawatan tersebut apabila Baginda terhenti daripada menjadi Raja.

Adalah menjadi tradisi dan turun temurun negeri-negeri Melayu Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah dan Perlis diwarisi oleh raja-raja Melayu. Setiap negeri mempunyai adat resam dan keturunannya yang tersendiri. Dalam zaman silam, raja-raja dalam negeri-negeri Melayu menjalankan pemerintahannya yang tersendiri. Dari zaman ke zaman melalui proses yang mereka persetujui, negeri-negeri Melayu ini beransur-ansur dekat antara satu dengan lain tanpa menghilangkanan maruah dan kedaulatan masing-masing. Proses ini melalui liku-liku sejarah dan akhirnya menggunakan kuasa luar, khususnya British, sebagai negara penaung untuk menjalin hubungan antara satu dengan lain. Dengan adanya kuasa luar itu, maka negeri-negeri Melayu, termasuk negeri-negeri selat — Pulau Pinang dan Melaka — telah ditadbirkan secara pemerintahan sistem Persekutuan dan negeri. Di peringkat negeri, seorang raja menjadi kepala negeri dan merupakan lambang dan kedaulatan negeri itu.

Penyatuan ini dapat diakui selagi ada kuasa lain. Tapi, bagaimana pula kedudukan Persekutuan apabila kuasa luar itu, iaitu British, keluar dari negara ini? Adakah keturunan seseorang raja itu akan menjadi raja seluruh Persekutuan turun temurun? Jawabnya: Tidak. Ini ialah disebabkan seseorang raja dalam sesebuah negeri Melayu tidak mewarisi seluruh sembilan negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat.

Dalam zaman moden pemerintahan kuasa dari luar tidak lagi dapat diamalkan. Selepas Perang Dunia Kedua, negeri-negeri seperti Indonesia, India, Pakistan dan lain-lain sudah pun mencapai taraf kemerdekaan. Dalam zaman penjajahan dulu negara-negara ini juga menggunakan kuasa luar untuk menentukan negeri-negeri di peringkat wilayah. Negara-negara tersebut tidak susah kerana negeri-negeri di peringkat wilayahnya tidak mempunyai sistem pemerintahan beraja, sebaliknya mempunyai ketua negeri biasa. Dan dengan sendirinya di peringkat Pusat yang dikuasai oleh kuasa luar itu digantikan oleh ketua negara dari pilihan rakyat.

Tapi bagi negeri-negeri Melayu, satu formula terpaksa dicari dalam proses menuntut kemerdekaan supaya seorang ketua negara Persekutuan dilantik. Sebagai usaha menjaga dan mengekalkan kedaulatan dan kebudayaan Melayu, maka timbullah satu 'formula' bahawa Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu hendaklah diangkat dari salah seorang daripada raja-raja yang memerintah negeri-negeri Melayu. Oleh kerana latarbelakang dan sejarahnya, maka 'formula' itu dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang Merdeka iaitu sembilan orang raja yang berketurunan itu secara bergilir-gilir menjadi Ketua Negara Persekutuan untuk mewarisi sistem beraja yang turun temurun itu. Dengan persetujuan Majlis Raja-raja dan suara rakyat, maka pada 31 Ogos 1957 lahirlah sebuah takhta Kerajaan Pusat yang di atasnya bersemayam seorang raja yang berdaulat bergelar Yang di-Pertuan Agong.

Sungguhpun sistem pemilihan Yang di-Pertuan Agong itu unik, tetapi ia bukanlah satu cara yang boleh dikatakan aneh. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan diangkat bersemayam atas takhta Negeri Sembilan atas sistem yang sama. Mengikut Perlembagaan Negeri Sembilan:

Hendaklah ada seorang Yang di-Pertuan Besar bagi negeri ini untuk menjalankan kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa raja mengikut perlembagaan ini dan kedudukan tarafnya hendaklah terkanan sekali daripada orang-orang lain dalam negeri ini.

Yang di-Pertuan Besar hendaklah seorang yang dipilih oleh Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau mengikut cara yang disyaratkan kemudian dari ini dan mengikut adat negeri ini.

Tidak dipilih sesiapa menjadi Yang di-Pertuan Besar bagi negeri ini

melainkan ianya seorang Melayu, lelaki yang sempurna akal dan beragama Islam dan anak dalam nikah yang berketurunan daripada Raja Radin ibni Raja Lenggang.

Apabila mangkat seseorang Yang di-Pertuan Besar dengan meninggalkan putera-puterinya, maka Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol dan Undang Luak Rembau hendaklah segera memilih gantinya di antara putera-puteri itu, dengan syarat pada pendapat Undang Yang Empat bahawa tiada seorangpun di antara putera-puteri itu yang berkelayakan dan berkebolehan, maka hendaklah dipilih daripada keturunan yang pertama yang tersebut di bawah ini. Jika pada pendapatnya tidak juga ada yang berkelayakan dan kebolehan dalam keturunan itu, maka hendaklah dipilih daripada keturunan yang pertama yang tersebut di bawah ini. Jika pada pendapatnya tidak juga ada yang berkelayakan dan kebolehan dalam keturunan itu, maka hendaklah dipilih pula daripada keturunan yang kedua dan demikianlah seterusnya hingga keturunan yang akhir sekali seperti diatarkan di bawah ini, iaitu:

1. Kekanda atau adinda Yang di-Pertuan Besar yang mangkat;
2. Ayahanda saudara sebelah ayahanda Yang di-Pertuan Besar yang mangkat;
3. Cucunda lelaki Yang di-Pertuan Besar yang mangkat;
4. Putera kekanda atau adinda lelaki Yang di-Pertuan Besar yang mangkat;
5. Putera ayahanda saudara Yang di-Pertuan Besar yang mangkat.

Kedua sistem perlantikan ini, iaitu takhta Negeri Sembilan dan takhta Persekutuan, adalah serupa atau hampir serupa. Dalam bidang perlantikan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, maka institusi "UNDANG" adalah satu institusi turun temurun. Begitu jugalah dengan halnya kedudukan takhta raja-raja Melayu di tiap-tiap negeri iaitu Johor, Pahang, Trengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, Kedah dan Perlis. Takhta kesembilan Negeri Melayu ini merupakan keturunan dan lambang keagungan pemerintahan Kerajaan-kerajaan Melayu dari zaman silam.

Perjuangan politik orang-orang Melayu dari zaman ke zaman adalah untuk mempertahankan sistem adat resam orang-orang Melayu. Semangat nasionalisme orang-orang Melayu dari zaman ke zaman bertumpu kepada usaha mempertahankan haknya. Politik negeri ini adalah berteraskan nasionalisme Melayu dan hak Melayu. Hulubalang Melayu dan pendekar-pendekar Melayu dari zaman ke zaman bermati-matian mempertahankan hanya yang satu — keturunan dan sistem bertakhta. Sistem ini lahir dari istana raja-raja Melayu. Dalam istana raja-raja Melayulah berkembangnya adat resam dan kebudayaan Melayu negeri

ini. Pendeknya, takhta dan istana merupakan gedung adat resam dan kebudayaan Melayu.

Dalam istanalah wujud dan berkembangnya kesenian Melayu dan di Balai Rong Serilah dipamerkan seni tari, seni silat dan seni suara. Dari Balai Rong Serilah lahirnya perkataan "Seri Panggong" dan "Permaidona". Dari Balai Rong Serilah tumbuh dan berkembangnya seni dan budaya Melayu seperti Mak Yong, Menora, Gambalan, Nobat dan Nafiri. Kebudayaan Melayu asli tinggi mutunya dan mempunyai nilai-nilai kerohanian dan didikan moral.

Sudah menjadi darah daging Melayu berpegang kepada adat resam itu — sudah menjadi keperibadian Melayu. Setiap orang Melayu yang berketurunan berpegang teguh kepada adat resamnya. Inilah sebabnya pujangga Melayu zaman silam mencipta pepatah Melayu "Biar mati anak jangan mati adat".

Sistem perantikan Ketua Negara Persekutuan dengan perantikan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan tidak banyak bezanya. Keduanya ditentukan oleh institusi pemilih yang lebih kurang fungsinya seperti "electorial college system", iaitu Ketua Negara dipilih menerusi "Institusi takhta negeri", manakala Yang di-Pertuan Besar negeri Sembilan pula dipilih menerusi "Institusi Undang". Institusi pemilih atau "electorial college" bagi Ketua Negara Persekutuan mengandungi sembilan undi iaitu takhta Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kedan dan Perlis. Manakala institusi pemilih atau "electorial college" bagi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan mengandungi empat undi, iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelebu, Undang Luak Jodol dan Undang Luak Rembau.

Perbezaan yang besar hanya satu saja, iaitu tempoh pemerintahan. Ketua Negara Persekutuan Yang di-Pertuan Agong bersemayam di atas takhta Kerajaan Persekutuan selama tempoh lima tahun sahaja, manakala tempoh bersemayam Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan di atas takhta Kerajaan Negeri Sembilan pula tidak pula terhad. Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong boleh turun dari takhta atau diturunkan dari takhta dengan mengutus warkah kepada Majlis Raja-Raja atau dengan Majlis Raja-Raja sendiri ambil keputusan. Begitulah juga dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Baginda boleh turun dari takhta dengan mengutuskan warkah kepada pihak Undang yang empat atau pun Undang yang empat sendiri membuat satu-satu keputusan untuk menurunkannya.

Dengan ini, maka jelaslah cara-cara perantikan Ketua Negara Persekutuan mengandungi unsur-unsur dan adat resam serta keperibadian keturunan raja-raja zaman dulu dipadan serta dimodenkan dengan zaman politik tamaddun sekarang. Konsepnya adalah merupakan asas keturunan raja-raja zaman silam, manakala prosesnya dimodenkan.

Dengan cara demikian, nyatalah bahawa asas demokrasi memang sudah berakar tunjang begitu lama dalam sistem pemerintahan beraja di Tanah Melayu. Ini juga menunjukkan bahawa orang-orang Melayu sudah turun temurun begitu hampir temurun begitu hampir dengan pemerintahan demokrasi beraja.

Takhta tiap-tiap negeri Melayu merupakan lambang perpaduan rakyat, khasnya keturunan Melayu, dari zaman ke zaman. Takhta itulah merupakan 'suara rakyat' dan pusat kepercayaan rakyat. Institusi inilah yang diperjuang dan dipertahankan oleh rakyat. Takhta itu merupakan keperibadian orang-orang Melayu zaman silam dan sekarang ini dipermoden untuk memenuhi hasrat dan inspirasi rakyat moden. Jika negara barat menggunakan sistem pemilihan menggunakan kumpulan pemilih yang dipanggil 'electoral college', dan institusi pemilih Yang di-Pertuan Agong mengandungi unsur dan kehendak yang demikian juga. Apatah lagi dengan institusi pemilih Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang menjadi asas pembentukan institusi pemilih Yang di-Pertuan Agong.

Sistem institusi atau "electoral college system" sangat dikenali di Amerika Syarikat. Setiap kali pilihanraya Presiden soal "electoral college" ini menjadi popular, dan boleh dikatakan setiap rakyat Amerika mengetahui sistem ini.


Cara pilihan Yang di-Pertuan Agong dan sistem pilihan Ketua Negara Amerika ada persamaannya. Sistem pilihan Ketua Negara itu melalui berbagai proses dengan memakan banyak tenaga wang dan masa. Proses pemilihan Ketua Negara Amerika itu mengambil masa hampir-hampir dua tahun, bermula dari pilihanraya antara ahli-ahli parti untuk mendapatkan calon atau "Primaries" di mana calon-calonnya berkempen sama sendiri. Dan jika mereka tidak mendapat sokongan, mereka akan menarik diri sebelum ke "convention". Selalunya hanya dua tiga orang sahaja yang tiba ke peringkat "convention party".

Dalam awal tahun tujuh puluhan, sistem institusi pemilihan di-Raja ini diwujudkan pula di sebuah negara sahabat Malaysia, iaitu Arabian Gulf — United Arab Emirates. Tujuh buah negeri yang mempunyai "Sheikh" atau raja yang berasingan satu Persekutuan iaitu Abu Dhabi, Dunai, Sarjah, Ajman, Ummal, Qaiwan dan Fujairah bersetuju membentuk satu Persekutuan. Sheikh atau raja setiap negeri itu bersidang pada satu tarikh dan tempuh yang ditetapkan untuk memilih seorang Ketua Negara bagi Takhta Persekutuan Negara Emirates (UAE). Cara pemilihannya hampir menyerupai cara Malaysia. Bezanya ialah Ketua Negera tidak diwajibkan bertukar dari Takhta UAE selepas tempohnya.

Bagi Malaysia sistem pemerintahan beraja berparlimen ini memang sudah dapat membuktikan sejarahnya, baik dalam zaman silam atau moden. Ketahanannya juga telah diuji, begitu juga penerimaan rakyat.



*Sultan Haji Ahmad Shah sedang melafaz sumpah memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada tahun 1975.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berangkat tiba masuk di Balairong Seri untuk melakukan upacara Istiadat Pertabalan.*






*Yang di-Pertuan Agong sedang meneliti aturcara Hari Pertabalan bersama Datuk Hussein Onn dan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie.*




*Yang di-Pertuan Agong dengan diiringi oleh Mejar Ahmad Zubir memeriksa kawalan kehormatan selepas Istiadat Pertabalan.*



*Singgahsana Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berdiri di atas Singgahsana dalam upacara pertabalan.*



*Pemandangan yang indah di Balairong Seri.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri melambai-lambai rakyat dalam perarakan selepas Upacara Pertabalan.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkereta di dalam perarakan di-Raja melalui jalan raya bandaraya Kuala Lumpur.*

Ini sudah menjadi tradisi dan akan terus menjadi teras demokrasi di Malaysia.

Konsep ini bukan sahaja mengandungi keturunan dan salasilah keagungan pemerintahan Melayu zaman silam, malah dapat juga dipersesuaikan dengan pemikiran rakyat zaman moden. Konsep beraja di Malaysia ini mencapai kejayaannya kerana Takhta Kerajaan Pusat atau Takhta Kerajaan Negeri dipisahkan daripada gelanggang politik. Takhta tidak menyebelahi mana-mana parti politik, dan Takhta juga tidak membezakan sesuatu kaum. Kepada Rajalah terserahnya keadilan, dan hak keadilan untuk rakyat semua kaum di Malaysia adalah sentiasa terjamin. Takhta adalah lambang perundangan dan keadilan di Malaysia. Itulah salah satu sebabnya penggubalan Perlembagaan Merdeka dulu meletakkan kebebasan kehakiman dan perlantikan hakim-hakim di bawah kuasa di-Raja.

Banyak bukti yang boleh menguatkan kejayaan sistem beraja ini. Yang pertama berlaku dalam tahun 1969. Fikiran pengundi-pengundi dalam pilihanraya tahun 1969 telah di'racun' oleh pihak komunis dan penyokong-penyokongnya dari parti-parti kiri yang berusaha menimbulkan isu-isu bercorak perkauman. Rakyat Malaysia dari berbagai keturunan berpecah belah dan memandang serong antara satu sama lain. Fikiran rakyat menjadi berkecamuk oleh dakyah perkauman setengah-setengah parti politik yang disokong komunis. Keputusan pilihanraya tahun 1969 menjadi kocar-kacir. Dan dengan fikiran rakyat yang begitu kusut, maka meletuslah tragedi 13 Mei yang menimbulkan keadaan huru-hara dalam negeri ini sehingga Parlimen digantung. Pemerintahan negara tidak lagi di bawah kuasa Parlimen, tetapi di bawah kuasa mutlak Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong dengan kuasanya melantik sebuah kerajaan darurat yang tidak berbau politik.

Lazimnya Yang di-Pertuan Agong melantik seorang Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah Menteri yang terdiri dari seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada pendapat Baginda akan mendapat kepercayaan bilangan besar ahli-ahli dewan itu. Sungguhpun begitu konsepnya, tetapi Yang di-Pertuan Agong melantik YTM Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan kemudiannya melantik Allahyarham Tun Razak sebagai Pengarah Gerakan untuk mentadbirkan Kerajaan Darurat itu. Mereka keduanya adalah Ahli Dewan Rakyat.

Dengan mengamalkan konsep pemerintahan tidak berbau politik dengan kuasa mutlak Yang di-Pertuan Agong, maka dapatlah diadakan 'dialog' sihat antara ahli-ahli parti untuk mencari jalan memulihkan Parlimen. Usaha dijalankan untuk mententeramkan rakyat supaya Parlimen berkuasa semula. 'Dialog' antara parti-parti politik yang telah berhasil mententeramkan rakyat itu berhasil juga mencari punca tragedi 13 Mei itu dan mencari jalan supaya keamanan dapat dipelihara. Se-

lepas perbincangan selama lebih kurang setahun itu akhirnya berhasil mewujudkan satu 'formula politik' yang dihormati oleh semua parti. Dan dengan 'formula politik' itu juga, maka terbukalah jalan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Tertakluk dalam 'formula politik' itu ialah soal agama (agama di peringkat negeri adalah dalam kuasa raja-raja Melayu, manakala di negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah adalah tertakluk ke bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong). Soal kerakyatan, soal bahasa dan soal hak istimewa orang-orang Melayu, semua ini dianggap perkara yang 'sensitif' dan tidak boleh dipersoalkan dari segi prinsipnya dan tidak juga boleh dibawa ke dalam gelanggang politik — khususnya dalam pilihanraya. Formula yang diterima oleh semua parti politik itu dibawa ke Parlimen untuk dijadikan panduan hidup rakyat Malaysia. Pindaan empat jurusan itu diterima oleh Parlimen dan pemerintahan berparlimen pun disambung semula. Dengan cara menggunakan kuasa Yang di-Pertuan Agong itu, maka proses memulihkan kuasa Parlimen, iaitu kuasa rakyat, telah dapat dilangsungkan semula dalam masa yang singkat.

Bukti yang kedua pula berlaku dalam tahun 1977 di Kelantan. Pada tahun tersebut telah terpercik satu 'krisis politik' antara rakyat Kelantan yang kebanyakannya orang Melayu. Ini berpunca dari percaturan politik yang menggunakan agama untuk politik. Persengketaan mentafsirkan agama dan tuduh menuduh antara sesama orang Islam sebagai murtad antaranya telah membibitkan krisis politik yang bercorak agama. Berlakulah demonstrasi di merata-rata tempat sehingga meruncing dan membahayakan negara. Ahli-ahli politik yang memerintah di negeri itu berpecah belah. Akibatnya maka seluruh Negeri Kelantan terjerumus ke dalam kancah krisis. Keadaan yang runcing itu lebih membimbangkan lagi kerana ia berlaku di sebuah kawasan Malaysia yang bersempadan dengan Negeri Thai yang berada dalam keadaan darurat. Pihak komunis memang sentiasa bergerak cergas di situ, dan sudahpun timbul tanda yang mereka cuba mengambil kesempatan dari krisis politik di Kelantan itu. Sebelum krisis politik tersebut lebih jauh lagi mengancam keselamatan negara, Parlimen pun telah dipanggil khas yang mewujudkan kuasa darurat di Kelantan di bawah kuasa mutlak raja di negeri ini. Dewan Undangan Negeri Kelantan digantung. Seorang pegawai kanan dari pusat, Tan Sri Hashim Aman, telah dilantik sebagai Pengarah Gerakan.

Proses mententeramkan politik di Kelantan itu juga berjalan seperti proses dalam tahun 1969. Kepercayaan rakyat kepada kerajaan kembali pulih. Dengan menggunakan lambang takhta peringkat negeri dan Takhta Pusat, maka dalam masa yang singkat keadaan pulih semula, singkat daripada yang diduga. Dengan keadaan seperti itu, maka Perdana Menteri Dato' Hussein Onn menasihatkan supaya Dewan Unda-

ngan Negeri Kelantan dibubar dan pilihanraya diadakan. Keputusannya adalah jelas dan Kelantan kembali kepada pemerintahan kuasa Dewan Undangan Negeri — pemerintahan bertakhta.

Kedua-dua contoh ini membuktikan dengan jelas bahawa sistem pemerintahan beraja dapat digunakan untuk menyelamatkan demokrasi di negeri ini. Tidak dapat dinafikan bahawa takhta raja bagaikan satu kuasa ghaib yang timbul dalam hati setiap rakyat di negeri ini, satu ciri kepercayaan dari hati. Begitulah keadaan 'cinta' sebahagian besar rakyat negeri ini terhadap konsep pemerintahan Takhta Raja.

Banyak contoh yang diperolehi dari kedua pemerintah itu. Di samping takhta mempunyai kuasa 'ghaib' yang boleh memikat hati rakyat dan menjadi lambang perpaduan rakyat, contoh-contoh peristiwa itu juga menunjukkan kejujuran, kepercayaan dan "conviction" pemimpin-pemimpin atau wakil-wakil mereka terhadap lunas-lunas demokrasi. Kepercayaan mereka terhadap konsep demokrasi tidak dapat disangsikan. Usaha mereka memulihkan demokrasi dengan menggunakan kuasa Takhta Raja adalah satu contoh yang besar ertinya kepada semua rakyat, khususnya untuk panduan rakyat di Malaysia di masa depan. Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada berbagai-bagai keturunan dan agama, maka sistem pemerintahan seperti ini adalah penting dan dapat menyelamatkan negara daripada sebarang pilah musuh demokrasi di dalam atau di luar.

Takhta adalah kuasa yang sangat berkesan bagi mengekalkan HAK KETUANAN MELAYU. Sungguhpun pada hari ini Semenanjung dipanggil Negeri-negeri Melayu. Tanah Reserve Melayu adalah contoh yang tepat. Mungkin ada yang mengatakan bahawa tanah reserve Melayu tiada harga, tetapi ia adalah tetap dalam hak Melayu tidak boleh ditukar dan tidak boleh diberi kepada orang-orang Melayu.

Perlembagaan Negeri dan Pusat adalah berbeza. Dalam setengan-setengah negeri ada termaktub bahawa Menteri Besar hendaklah dari orang-orang Melayu, tetapi di peringkat pusat tidak ada demikian. Mengikut Perlembagaan Pusat, Perdana Menteri tidak ditetapkan. Siapa juga boleh menjadi Perdana Menteri. Keadaan ini mungkin tidak dapat dipertahankan Berlainan sekali dengan kedudukan Menteri Besar. Menteri Besar mesti orang Melayu, seperti juga dengan kedudukan Raja-raja dan termaktub dalam perlembagaan. Sebarang percubaan yang ingin membangkit dan mengungkit hak-hak ini, dengan sendirinya, menyinggung orang-orang Melayu. Mereka sekata mempertahankan ini menepati semangat pepatah "biar putih tulang, jangan putih mata".

Dalam zaman silam orang-orang Melayu mengaitkan Takhta dengan agama. Takhta berdaulat. Memang dipercayai bahawa barang siapa melanggar atau mencemuh takhta akan ketulahan. Dan sebarang

titah dari takhta itu adalah berkat. Orang Melayu berpegang kepada doa' sebagai medium menyampaikan sesuatu kepada Illahi dan memohon sesuatu dariNya. Dengan doa' itu, maka agama menyakinkan umat Islam bahawa mereka berhampiran dengan Allah.

Kepercayaan umat Islam ini terhadap agamanya tetap teguhnya. Dan dalam hubungan soal kepercayaan kepada doa' ini ada satu ceritanya yang berlaku dalam zaman keagongan pemerintahan Melayu dalam zaman silam. Kisah itu telah menjadi legenda, di mana dalam zaman kegemilangan pemerintahan Kerajaan Melayu dulu itu negerinya aman damai, penduduk-penduduknya hidup bahagia. Tiada pergaduhan dan tiada pertengkaran. Di tengah hidup mesra seperti itu, tiba-tiba lahir satu berita yang memeranjatkan — Pembunuhan.

Berita demikian tidak dipedulikan oleh anak buah di kampung. Mereka tidak dapat menerimanya. Sesudah zaman aman, perkara seperti itu tidak termasuk akal bagi mereka. Penduduk-penduduk menganggap berita itu dusta malah karut. Tapi, sungguhpun penduduk-penduduk di negeri itu tidak dapat menerimanya, peristiwa itu benar-benar berlaku. Beberapa pertengkaran berlaku antara rakyat dengan pembawa-pembawa cerita itu. Seluruh kampung menjadi riuh rendah olehnya, maklumlah peristiwa sedemikian tidak pernah dimimpikan. Apabila didapati peristiwa pembunuhan itu benar, maka beritanya pun merebak segarang, sesegar dan sehangatnya.

Peristiwa itu berlaku antara dua orang sahabat karib — Katar dan Kahar. Katar keluar kampung berniaga kerbau. Sepeninggalannya, Kahar melakukan apa sahaja bagi kesenangan keluarga Katar. Hampir-hampir tiga bulan lamanya Katar tidak balik-balik. Berniaga kerbau bukannya mudah. Kerbau terpaksa ditarik dari kampung ke kampung untuk mendapatkan pembelinya.

Pada suatu malam di tengah udara yang sepi, Katar menjelma lalu meluru ke rumah Kahar. Tanpa panjang bicara dia memanggil Kahar di halaman tangga dan menjeritkan: "pagar makan padi!". Dengan pantas Katar menikam Kahar. Dengan hanya sehelai kain di pinggang Kahar tidak dapat menangkis tikaman Katar. Darah mengalir dari beberapa liang tikaman itu dan Kahar menghembuskan nafasnya yang akhir.

Ringkas cerita, maka Katar dibawa ke pengadilan Raja. Sebelum perbicaraan dimulakan, Raja menangis tersebu-sedan. Sedikit sebanyak Raja sudah mengetahui punca pembunuhan itu. Tiap-tiap kali perbicaraan dimulakan, Raja menangis dan mengangkat tangan berdoa' meminta Allah agar menunjuk dan memberikan jalan yang seadil-adilnya. Selepas beberapa lama perbicaraan, maka pengadilan pun dibuat. Dengan air mata mengalir di pelupuk mata, maka Raja pun mengangkat

cokmarnya seraya berkata: "DARAH DIBAYAR DENGAN DARAH". Hukuman dijatuhkan. Dan penduduk-penduduk di kampung mula berpuak-puak. Puak Kahar membenci puak Katar. Keputusan Raja adil dan dihormati. Katar masuk ke penjara menanti hukuman bunuh.

Dalam perbicaraan itu, jelaslah bahawa Katar membunuh sahabatnya, Kahar. Motifnya?

Semasa Katar berniaga di luar kampung, Kahar difitnahkan. Ada kumpulan di tempat Katar berniaga ingin mencari pengaruh di kampung Katar. Kampung itu dikenali sebagai Kampung Roh. Kedua-dua sahabat — Katar dan Kahar — adalah sesiaja yang lain boleh mempengaruhi atau menguasai Kampung Roh. Persahabatan inilah menimbulkan perasaan dengki di kalangan musuh mereka di kampung lain yang memang bercita-cita memperluaskan kuasanya ke kampung tersebut. Selama berniaga kerbaunya Katar termakan fitnah bahawa rakannya telah memperkosa isterinya. Jarum fitnah itu diatur begitu halus sehingga darah Katar menggelegak, menyebabkannya hilang akal lalu melakukan jenayah tersebut.

Hari akhir Katar menjelang tiba setelah Raja menangguhkannya beberapa kali. Tapi pada suatu hari yang dianggap baik, maka Rajapun menurunkan tanda-tanggannya memerintahkan Katar dipancang. Sebelum mengambil kalam dari tempat kalam di meja, Raja menangis. Kedua-dua sahabat itu adalah orang kepercayaan Baginda.

Semasa Katar diarak ke tempat maut dengan mukanya diselimuti kain hitam, Raja berdoa':

"Ya Allah, aku hanya menjalankan perintahMu. Adalah di luar kuasa-ku untuk menyebelahi mana-mana pihak. Aku hanya berdoa' dan meminta kepadaMu Ya Allah agar dengan limpah kurniaMu meringan dan mengampunkan dosa Katar."

Katar tersungkur. Tragedi Kampung Roh itu besar ertinya kepada rakyat. Mereka mulai sedar FITNAH membawa MUSNAH. Dan nama kampung itu kemudiannya ditukar kepada Kampung Insaf!

Seluruh kampung berkabung. Ada yang berkata sekurang-kurangnya Katar telah mendapat doa' dari rakyat dan Raja di saat akhir menghembuskan nafasnya. Bersyukur kita kerana Raja mempunyai agama dan Katar mendapat doa' terakhir sebelum membayar dosanya. Manusia hanya boleh berdoa' kepada Illahi dan yang menentukannya semata-mata Allah. Jika tidak, ENTAHLAH.



## Istana Negara

---



Istana Negara ialah tempat bersemayam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Istana Negara berubah wajah di bahagian luar dan di bahagian dalamnya. Kerja ukiran dijalankan siang malam menjelang Pertabalan Ketua Negara Ke-7 pada 10 Julai, 1980. Pengubahsuaian dan ukiran berbentuk asli menaikkan darjat dan mertabat keagungan bangunan Istana Negara yang tersergam indah di atas bukit di pinggir Ibu Kota. Kegagahan Istana Negara dapat dilihat dari Bulatan Sulaiman hingga sejauh beberapa batu dari Lebuh raya ke Kelang.

Balai Rong Seri berukiran asli tempat terletaknya Singgahsana yang menjadi fokus perhatian akan dibuka kali pertamanya pada Hari Pertabalan. Di atas Singgahsana yang mempunyai tujuh anak tangga inilah Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah ditabalkan. Tangga yang bertatah air mas ini adalah simbolis menunjukkan giliran Seri Paduka Baginda bersemayam atas Takhta Persekutuan.

Setiap pelawat dari luar dan dalam negeri yang berkunjung ke Ibu Negara, akan merasa terkilan jika tidak memandangi bangunan Istana Negara yang bertukar wajah dari keadaan asalnya. Tambahan pula, kedudukan Istana Negara yang begitu unik di atas sebuah bukit berhadapan dengan Sungai Kelang, menyebabkannya menjadi lebih menarik. Dari Jalan Syed Putera sudah dapat dilihat keindahan kawasan perkarangan Istana Negara seluas 28 ekar itu penuh dengan pelbagai jenis pohon bunga dan tanaman yang tersusun dan terpelihara kemas. Keadaannya sejuk dan nyaman.

Bangunan ini mempunyai sejarahnya tersendiri. Tuan punya yang asal membinanya dalam tahun 1928 penuh dengan corak seni reka dan kebudayaan yang mempunyai nilai tinggi di zaman itu. Kemudian ia

bertukar tangan. Selepas diubahsuai, ia dijadikan Istana rasmi Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah, iaitu Raja Negeri Selangor.

Semasa Al-Marhum Sultan Hishamuddin bersemayam di Istana inilah mula-mulanya suasana dan awan politik, mula memasuki perkarangan Istana tersebut. Pada suatu ketika di tingkat anak tangga Istana di padang pekarangan Istana itulah Al-Marhum menerima mengadap wakil Parti Perikatan yang menyembahkan tuntutan Parti Perikatan untuk mengadakan pilihanraya pertama dalam tahun 1955. Dalam upacara mengadap itu jugalah pemimpin-pemimpin parti Perikatan menyembahkan Kebawah Duli Al-Marhum langkah-langkah Parti Perikatan untuk memerdekakan negara ini. Dalam penyembahan itu YTM Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) menegaskan lagi ta'at setia Parti Perikatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu. Kemerdekaan tanahair bertujuan menguatkan lagi kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Pemimpin-pemimpin Parti Perikatan yang menyampaikan sembah Kebawah Al-Marhum Sultan Hishamuddin termasuklah Yang Mulia Raja Mohamad, Orang Besar Selangor, Encik Abdul Aziz Ishak, Dato' Abu Bakar Baginda, Dato' Yahaya Abdul Razak, Hamzah Alang, Tahir Majid dan lain-lain. Perarakan menuju ke Istana sangat mengagumkan. Perbarisan bermula dari Sultan Sulaiman Kelab, Kampung Bharu, tempat UMNO mula ditubuhkan. Kepala perarakan itu sudahpun sampai ke Perkarangan Istana, tetapi ekornya masih lagi di hadapan Kelab Selangor.

Pemimpin-pemimpin Perikatan sebenarnya menganjurkan perarakan yang sama di setiap Istana di Negeri-Negeri Melayu. Dari segi moral, perbarisan dan ikrar ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu itu adalah penting kerana dibimbangi Raja-Raja akan terpengaruh. Raja-Raja semuanya menyokong konsep kemerdekaan, malah turut sama mengemukakan "Memorandum" kepada "Reid Commission" yang membuat Draf Perlembagaan Tanah Melayu.

Di waktu itu memang banyak racun dan ranjau yang cuba meragukan rakyat tentang kejujuran pemimpin-pemimpin Parti Perikatan. Tapi hubungan Parti Perikatan dengan raja-raja ini adalah mudah sedikit kerana pemimpin agung Parti Perikatan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah seorang putera raja. Soal menggulingkan kedaulatan raja memang tidak timbul di kalangan pemimpin-pemimpin Perikatan. Ramai anak raja yang menyertai pimpinan Perikatan. Umpamanya, Di Selangor Al-Marhum Raja Mohamad dan di Kelantan Y.M. Tunku Indra Putera. Manakala pemimpin-pemimpin dari rakyat biasa yang menjadi orang-orang Besar Negeri pula termasuklah Allahyarham Tun Dr. Ismail, Tan Sri Haji Noah, Tun Razak Hussain dan

ramai lagi. Tugas utama pemimpin-pemimpin ini ialah berjuang dan mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Kerajaan Persekutuan telah membeli Istana ini dalam tahun 1957 untuk dijadikan Istana Negara — tempat bersemayam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Sejak itu, beberapa perubahan dan pembesaran dilakukan. Tapi ubahsuaian dan pembesaran dalam tahun 1980 ini benar-benar menyeluruh, kerana inilah kali pertama Pertabalan dilangsungkan di Istana Negara. Sebelum ini, upacara Pertabalan dilangsungkan di Dewan Tunku Abdul Rahman.

Kerja-kerja ubahsuaian dan pembesaran di Istana Negara ini telah dimulakan sejak bulan November, 1979 di bawah arahan Kapten (L) David Wee, Akitek Kanan dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya. Apa yang benar-benar mengagumkan ialah kerja ubahsuaian dan ukiran Balai Rong Seri Istana Negara itu disiapkan dalam tempuh paling singkat kira-kira tujuh bulan, padahal, menurut kelazimannya, tugas sedemikian mengambil masa tiga tahun, menurut Kapten David Wee.

Bangunan Istana Negara mempunyai banyak bilik, masing-masing dengan kegunaannya yang khas. Bilik-bilik itu termasuklah di tingkat pertama: Bilik Singgahsana, Bilik Mesyuarat, Pejabat Tuanku, Bilik Mengadap, Bilik Tamu Khas, Bilik-bilik Beradu, Bilik-bilik Santapan Kecil dan Bilik Rehat.

Di tingkat bawah pula terdapat Bilik Mengadap (Raja Permaisuri Agong), dua Bilik Tetamu (para Duta dan Menteri), Balai Rong Seri, Dewan Kecil (Bilik Diraja), Bilik Santapan Besar, Bilik Pawagam, Klinik Gigi dan Bilik Pesakit. Di antara dewan dan bilik yang terkenal peranan dan kegunaannya di Istana Negara ini ialah Balai Rong Seri tempat tersergam indah Singgahsana yang baru untuk Pertabalan, Bilik Singgahsana dan Bilik Mengadap.

Balai Rong Seri ini terletak di sebelah barat bangunan Istana Negara dan digunakan untuk upacara-upacara seperti Upacara Pertabalan, Jamuan Negara, Istiadat Mengadap pada Hari Keputeraan dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negara. Segala peralatan dan Balai Rong Seri ini, terutama bahan-bahan ukirannya, diperbuat khas oleh para pengukir yang mahir. Bentuk-bentuk ukiran di sekeliling Balai Rong Seri sangat mengagumkan. Kelihatan indah ukiran bunga raya sebagai simbol utama disulami ukiran-ukiran dari Sabah dan Sarawak. Menteri Dalam Negeri, waktu itu Tan Sri Ghazali Shafie, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertabalan, berkata: "Ukiran-ukiran pada kayu terpilih yang menghiasi dinding-dinding di bahagian dalam Balai Rong Seri ini diukir khas oleh ahli-ahli ukir dari Pakistan dan Jurukir Tradisional Kelantan. Ia melambangkan bunga

kebangsaan — Bunga Raya dan daun-daunnya." Mereka yang masuk ke dalam ruang Balai Rong Seri tidak akan jemu-jemu melihat ukiran Seni Melayu yang halus dan seolah-olah begitu hidup.

Balai Rong Seri dengan permaidaninya berwarna kemerah-merahan lembut itu diserikan lagi oleh pancaran 17 lampu berjurai (termasuk 7 yang besar) yang menghias dan menerangi ruang yang boleh memuat 900 orang tamu. Lampu-lampu ini didatangkan khas dari Austria. Begitu juga dengan bentuk mahkota besar yang bertatah warna emas telah diletakkan di atas puncak Singgahsana dalam Balai Rong Seri itu. Mahkota ini dibuat khas oleh ahli-ahli ukir yang mahir. Dua buah lagi bentuk mahkota besar seperti itu telah diletakkan juga di atas kubah kuning di kiri kanan bangunan Istana Negara. Mereka yang lalu di situ akan tetap terpikat oleh ukiran-ukiran itu. Dan dua buah bentuk mahkota yang kecil sedikit diletakkan pula di atas pintu gerbang besar masuk ke perkarangan Istana.

Istana yang dilengkapi dengan Singgahsana adalah tempat bersemayam seorang Raja, iaitu lambang Takhta Kerajaan. Takhta wujud sejak bermulanya kerajaan beraja di Tanah Melayu dari zaman silam. Sungguhpun berlaku beberapa perubahan, tetapi semuanya masih tetap mengikuti tradisi Melayu. Takhta adalah kekal hingga sekarang. Masyarakat di Malaysia menganggap Singgahsana adalah sebagai suatu simbol yang berdaulat lagi mulia. Justru itulah Singgahsana Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong selayaknya dibuat demikian rupa dan bentuknya. "Singgahsana ini direka berpunca dari satu cara pemikiran yang melambangkan kebesaran negara."

Akitek Kanan Kapten David Wee dan orang-orangnya menjelajah ke seluruh negara untuk meneliti Singgahsana yang terdapat di setiap negeri. Kunjungan dan penelitian itu telah mengilhamkan mereka untuk mencipta Singgahsana dan Kerusi Takhta istimewa itu, dibantu oleh Encik Sahar bin Karim. Sesungguhnya ukiran-ukiran pada Singgahsana ini berasaskan idea Tan Sri Ghazali Shafie sendiri. Dan gubahan semula bentuknya yang akhir adalah gabungan pemikiran dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Instituit Teknologi MARA.

Dengan "gabungan" ilham itu terciptalah sebuah Singgahsana yang melambangkan kedaulatan, kebesaran, kekuatan dan kebudayaan Malaysia. Ini disebabkan bukan sahaja ukiran-ukirannya itu diterapkan dari Semenanjung, malah disulami juga dengan ukiran dari Sabah dan Sarawak. "Ketiga-tiganya digabung dan dimesrakan di antara satu sama lain."

Para pengukirnya ialah dari Pakaran Jurukir Tradisional, Kota Bharu, Kelantan, yang diketuai oleh Encik Abdul Latif dengan 60 orang pem-

bantunya. Mereka bekerja sepenuh masa sehingga Singgahsana tersergam indah itu dapat disiapkan dalam masa empat bulan saja. Tangan-tangan halus Encik Abdul Latif dan orang-orangnya yang bekerja dengan berhati-hati dan bersungguh-sungguh itu telah memberikan ciri yang istimewa pada Singgahsana tersebut.

Singgahsana baru yang setinggi 16 kaki dan selebar 36 kaki itu membuktikan "kemampuan kita menghasilkan sebuah Singgahsana yang penuh berunsur seni dan mengikut tradisi." Segala bahan kayunya adalah dari kayu-kayu tempatan yang sungguh kuat dan teguh, iaitu kayu cengal. Teknik pembinaannya berasaskan cara tradisi lama, sedapat mungkin tanpa menggunakan paku.

Keseluruhan bentuk Singgahsana ini menjurus ke atas menakrifkan bahawa segala makhluk dan umat manusia ciptaan Tuhan sentiasa mengingat dan menghormati Pencipta Alam, iaitu Allah Subhanahu Wata'alah. Tiang-tiang lurus yang berukir padi, siku kelawar dan ukiran lorak dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak melambangkan inspirasi, daya utama dan cita-cita rakyat berbilang kaum sebagai dorongan ke arah perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara. Tujuh anak tangga yang digabungkan itu memberi pengertian bahawa Takhta Negara adalah tinggi kedudukannya. Tujuh batang tiang dan tujuh anak tangga dibuat untuk melambangkan keseluruhan alam yang terdiri dari tujuh petala langit dan tujuh petala bumi. Lima tiang sebaris disusun di belakang Takhta melambangkan lima prinsip Rukun Negara.

Di bahagian atas Singgahsana yang baru itu terdapat dua pemilih. Pemilih pertama mengandungi lambang 14 buah negeri di dalam Malaysia dan Kerajaan Persekutuan, sementara pemilih kedua pula mengandungi sepotong ayat Al-Quran yang tertulis di sebelah atas Singgahsana itu bermaksud: "Katakanlah (Wahai Muhammad), Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintah, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintah kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintah dari sesiapa yang Engkau kehendaki."

Ayat Al-Quran ini disusun dengan begitu teliti supaya perkataan yang bermaksud "Kuasa Pemerintah" itu ditempatkan di tengah-tengah baris ayat tersebut dan menjadi pusat pada keseluruhan ayat tersebut. Sementara itu, bentuk Mahkota di atas Singgahsana itu pula ditatang di atas struktur yang bulat yang melambangkan rakyat jelata yang berbilang kaum. Kemuncak Mahkota dilengkapi dengan ukiran bulan bintang melambangkan agama Islam sebagai agama resmi negara. Singgahsana ini adalah tetap. Sekiranya Istana Negara ini berpindah nanti, Singgahsana ini akan dibawa pindah sama dan boleh disesuaikan di sana sini.

Dua buah lagi bilik yang turut menjadi ciri terpenting dalam Istana

Negara ialah Bilik Singgahsana dan Bilik Mengadap. Bilik Singgahsana terletak di Anjung Timur tingkat atas Istana dan dikenali juga sebagai Majlis Singgahsana. Ia adalah tempat Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Istiadat Menandatangani Surat Perisytiharan Memegang Jawatan. Selain itu, Majlis Singgahsana ini juga digunakan untuk upacara Istiadat Menteri-Menteri Kabinet Mengangkat Sumpah Jawatan dan Penyerahan Surat Tauliah oleh para Duta Besar asing kepada Yang di-Pertuan Agong.

Bilik Mengadap pula terletak di tingkat atas Anjung Barat Istana yang lazimnya menjadi tempat Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan menerima mengadap para tetamu kenamaan yang membuat lawatan resmi atau separuh resmi ke Malaysia. Di bilik ini juga Seri Paduka Baginda berdua berkenan menerima mengadap bakal para Duta Besar Malaysia untuk menerima Surat Tauliah dari Yang di-Pertuan Agong sebelum keluar negeri untuk memegang jawatan masing-masing.

Pembinaan Balai Rong Seri yang baru, di mana tersergan indah sebuah Singgahsana dan kerja-kerja pembesaran lain sekitar kawasan tambahan seluas 16,000 kaki persegi itu benar-benar telah mengubah wajah Istana Negara. Setelah kerja-kerjanya disempurnakan oleh Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama Jabatan Taman dan Rekreasi Dewan Bandaraya, ia menjadi semakin indah. Kehijauan Pekarangan Istana Negara benar-benar menyentuh rasa, menarik dan menyamankan sehingga menjadikannya sebuah bangunan yang begitu unik di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur.

# DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke 7

---



alam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu ke 114, pada 25 Mei 1979 bersamaan 28 Jamadilawal 1399

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazam Shah, telah diangkat sebagai Ketua Negara yang bergelar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-7.

Perlantikan Seri Paduka Baginda adalah mengikut kehendak Perlembagaan Persekutuan:

“Maka hendaklah ada seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan digelarkan Yang di-Pertuan Agong, yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh di-kena dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana Mahkamah.”

dan upacara mengangkat sumpah perlantikan telah dilangsungkan pada esok harinya.

“Permaisuri Yang di-Pertuan Agong (yang digelarkan Raja Permaisuri Agong) adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.”

Malaysia mengandungi 13 (tidak termasuk Wilayah Persekutuan) buah negeri dan mempunyai sistem pemerintahan Pusat dan Negeri. Pemerintah Kerajaan-Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak diketuai oleh Yang di-Pertuan Negeri yang dilantik oleh Ketua Negara, dan negeri-negeri lain — Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang — diketuai oleh seorang Raja dari keturunan Raja-Raja Melayu sesebuah negeri itu: manakala ketua Malaysia:

“Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja selama tempuh jawatan lima tahun tetapi boleh pada bila-bila masa

meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Majlis Raja-Raja, atau dipecat dari jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti daripada memegang jawatan apabila terhenti daripada menjadi seorang Raja”.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk dari berbagai keturunan serta menganut berbagai kepercayaan agama. Sebelum Merdeka, Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat Pulau Pinang dan Melaka terletak di bawah naungan Kerajaan British. Tetapi pada Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1957, kedudukan Kerajaan British telah digantikan oleh Ketua Negara yang bergelar Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong.

Dengan kedudukan penduduk-penduduknya yang unik itu, maka Takhta Malaysia bukan sahaja merupakan keagungan dan kemegahan anak watannya di bawah pemerintahan sistem Beraja, malah merupakan simbol perpaduan antara kaum dan keturunan. Perlembagaan memberikan keistimewaan kepada Raja-Raja Melayu dari 9 buah negeri dalam Persekutuan untuk menentukan salah seorang daripada mereka bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat.

Agama merupakan satu-satunya amalan dan kepercayaan yang dekat dengan hati rakyat; maka

“Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya.”

Oleh kerana negeri-negeri Melayu zaman silam mengamalkan Islam sebagai pegangan hidup rakyat turun-temurun, maka pada Hari Kemerdekaan semua pihak mengakui dan mempersetujui dimasukkan ke dalam Perlembagaan bahawa:

“Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”

Kebebasan beribadat memang terjamin dalam Perlembagaan dan kedudukan Agama Islam telah diletakkan di atas tempat yang suci:

“Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diistiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak-kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.”

Manakala;



"Perlembagaan Negeri Melaka dan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang serta kedua negeri di Malaysia Timur dan Wilayah hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam Negeri itu."

Sultan Haji Ahmad Shah adalah Ketua Negara Ke-7. Sungguhpun seseorang Ketua Negara hanya mengundur diri dari Takhta Kerajaan Pusat selepas lima tahun, tetapi Sultan Haji Ahmad Shah telah diangkat oleh Majlis Raja-Raja Melayu sebelum tamat tempoh tersebut berikutan dengan kemangkatan Al-Marhum Sultan Ibrahim, Ketua Negara Ke-6 pada 29 Mac, 1979, iaitu selepas bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat selama hanya empat tahun.

Apa yang berlaku itu adalah takdir Allah Subhanahu Wata'ala, dan bukanlah pula ini kali pertama peristiwa sedih itu menyelubungi negara ini. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tunku Muhammad diangkat bersemayam atas Takhta Negara pada 3 Ogos, 1957 dan mangkat pada 1 April, 1960, digantikan oleh Al-Marhum Sultan Selangor, Tuanku Hishamuddin Alam Shah Al-Haj ibni Al-Marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah. Baginda Raja Perlis, Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, telah diangkat menjadi Ketua Negara Ke-3.

Raja-raja Melayu yang diangkat bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat seperti berikut:

1. Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad — (Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan), 3.8.1957 — 1.4.1960.
2. Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah — (Sultan Selangor) 14.4.1960 — 1.9.1960.
3. Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail — (Raja Perlis) 21.9.1960 — 20.9.1965.
4. Al-Marhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin — (Sultan Trengganu) 21.9.1965 — 20.9.1970.
5. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah — (Sultan Kedah) 21.9.1970 — 20.9.1975).
6. Al-Marhum Tengku Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim (Sultan Kelantan) 21.9.1975 — 29.3.1979.
7. Sultan Haji Ahmad Shah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar — (Sultan Pahang), diangkat pada 25.4.1979.

Tuanku Haji Ahmad Shah sendiri telah diangkat menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 21.9.1975 oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Baginda telah beberapa kali menjalankan tugas Ketua Negara di bawah pemerintah Al-Marhum Tuanku Yahya. Pendeknya, tanggungjawab sebagai Ketua Negara itu adalah satu tugas amat dekat dengan jiwa Baginda.

Walaupun Seri Paduka diangkat bersemayam atas Takhta Kerajaan Persekutuan pada 25 April 1979, tetapi pertabalan Baginda sebagai Ketua Negara hanya berlangsung pada 10 Julai 1980. Pertabalan Bagindalah yang jauh sekali jaraknya dari tarikh mula Baginda bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat, iaitu lebih dari setahun. Oleh kerana pertabalan seseorang Ketua Negara itu adalah satu keistimewaan di-Raja, maka Seri Paduka telah memperkenankan upacara bersejarah itu dilangsungkan di Istana Negara. Pertabalan Ketua-Ketua Negara sebelumnya berlangsung di dewan-dewan bersejarah yang lain di luar istana.

Sungguhpun jarak tarikh naik takhta dengan tarikh pertabalan Baginda itu jauh, namun Seri Paduka tetap menjalankan tugas Ketua Negara seperti biasa. Bezanya cuma Seri Paduka tidak menggunakan pakaian dan kebesaran Negara Persekutuan (Regalia) dalam upacara-upacara rasmi sehingga pada hari Pertabalan Baginda.

Tuanku Haji Ahmad Shah mewarisi Takhta Negeri Pahang selepas kemangkatan Ayahanda Baginda Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muazam Shah. Baginda adalah Sultan yang ke-5 bersemayam atas Takhta Kerajaan Pahang. Sejarah Takhta Negeri Pahang sendiri adalah penuh dengan liku-liku yang bermula dari "Zaman Batu" hingga ke zaman tamaddun.

Sejarah Negeri Pahang:

Dari akhir kurun yang ke 15 hingga hampir-hampir seratus lima puluh tahun lamanya, Negeri Pahang diperintah oleh Raja-Raja Melayu — Islam keturunan dari Raja-Raja Melayu Melaka. Dari awal hingga ke pertengahan kurun ke 17, Negeri Pahang telah melalui beberapa keperitan oleh serangan orang-orang Aceh, Johor, Portugis dan Belanda hingga ia masuk ke bawah perintah Kerajaan Aceh.

Pada pertengahan Kurun Masehi yang ke 17, ketika kuasa Kerajaan Aceh di Semenanjung Tanah Melayu mulai lemah, pemerintahan Negeri Pahang pun bersatu dengan Johor di bawah pemerintah Raja-Raja Johor.

Mulai dari awal Kurun Masehi yang ke 18 pula, Negeri Pahang masuk menjadi sebahagian daripada wilayah pemerintahan Kesultanan Empayar Johor yang luas itu dan Bendahara Kerajaan itu telah ditempatkan untuk memerintah di Pahang sebagai daerah pegangannya.

Setelah Belanda dan British dapat melumpuhkan Kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang dengan Belanda menjajah Kepulauan Riau-

Lingga dan British merampas Singapura dari Raja-Raja Melayu, menjelang pertengahan kurun yang ke 19, Bendahara Kerajaan Johor-Riau-Lingga—Pahang di Negeri Pahang itupun memutuskan hubungan Pahang dengan Johor, Singapura dan Riau-Lingga. Dengan demikian, Negeri Pahang tiada ta'aluk kepada sesiapa.

Tetapi tiada lama lepas itu, dalam pertengahan kurun yang ke 19 itu juga, berlakulah perang saudara di Negeri Pahang (1857—1863) yang berkesudahan dengan negeri itu jatuh ke tangan Bendahara Wan Ahmad. Beliau bergelar "Sultan" lalu membentuk Kesultanan baru di negeri itu dan turun-temurun memerintah di Pahang hinggalah sekarang.

Setelah dua puluh lima tahun Sultan Ahmad (Bendahara Wan Ahmad) memerintah Negeri Pahang, British yang telah berhasil menyusupkan jarum penjajahannya ke Negeri Perak, Selangor dan Daerah Sungai Ujung di Negeri Sembilan, dapat pula memasukkan Negeri Pahang di bawah naungan perintah British.

Campur tangan British dalam pemerintahan di Negeri Pahang itu baru hanya lebih kurang tiga tahun apabila ia ditentang oleh orang-orang Melayu Pahang di bawah pimpinan beberapa Orang-Orang Besar dan pahlawan-pahlawan Pahang. Berlakulah pertempuran-pertempuran bersenjata di merata-rata tempat di Negeri Pahang, berlarut selama lima tahun (1891—1895). British telah mendatangkan ramai askarnya (terutama pasukan polis) ke Negeri Pahang bertarung dan mengejar pahlawan-pahlawan Pahang sampai ke hulu-hulu negeri Kelantan dan Terengganu. Pahlawan-pahlawan Pahang itu telah diasingkan oleh Kerajaan Siam ke negeri Siam, dan berhentikah gerakan orang-orang Melayu di Pahang menentang penjajah British. Sejak itu, semakin berkukulah British di Negeri Pahang. Negeri Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan (yang disebut Negeri-negeri Melayu Yang Bersekutu) kemudian, menjalani sejarahnya sebagai negeri-negeri yang bernaung di bawah perintah British hinggalah kepada masa Jepun menyerang dan menduduki Malaya.

Negeri Pahang melalui pendudukan tentera Jepun, ancaman penganas Komunis dan kemudian menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu lalu turut mencapai kemerdekaan negara dan dibawa bersekutu dalam Malaysia.

Wan Ahmad yang mengambil kuasa pemerintah Negeri Pahang selepas menewaskan bala-tentera abangnya sendiri (Tun Mutahir, Bendahara Pahang ke 9), menyusun adat istiadat Negeri Pahang dan menggunakan gelaran "Sultan". Mulai saat itulah seorang Raja Pemerintahan Negeri Pahang bergelar Sultan.

Salasilah keturunan kerabat di-Raja Pahang zaman tamaddun bermula dari Sultan Ahmad Al-Muazam Shah dalam tahun 1863 — 1882

dengan bergelar Bendahara Pahang Ke 9 dan selepas itu bergelar Sultan Pahang yang pertama 1882 — 1914.

Urutan keturunan kerabat di-Raja Pahang itu kemudiannya begini:

- Sultan Muhamud (1914 — 1917).
- Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah (1917 — 1932).
- Sultan Sir Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (1932—1974).
- Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah.

Sultan Pahang ke-5 bermula pada tahun 1974. Baginda diwarisi oleh putra Tengku Abdullah (YTM Tengku Mahkota Pahang Ke III) dan YM Tengku Abdul Rahman (YAM Tengku Muda Pahang).

Al-Marhum Sultan Abu Bakar bersemayam atas Takhta Negeri Pahang selama 42 tahun dan mangkat beberapa minggu menjelang hari keputeraan ke-70. Tuanku Ahmad Shah telah dimasyhurkan sebagai Tengku Mahkota Pahang pada 25hb. Mei 1944, ketika Baginda masih berusia 14 tahun. Baginda diputrakan pada 24 Oktober 1930 di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang. Seri Paduka bonda Baginda ialah Raja Hajjah Fatimah Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah, kekanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Al-Mutawakkil Kadasallah Allahi Shah. Dengan pertalian kerabat yang sedemikian, Tuanku Haji Ahmad Shah telah mendapat asuhan dalam suasana dan adat resam serta kebesaran Raja-Raja Pahang dan Perak.

Tuanku Haji Ahmad Shah melalui pendidikan awal di Sekolah Melayu Pekan, dan diberi asuhan agama yang khas. Semasa Perang Dunia Kedua meletus, Baginda sedang menuntut di Maktab Melayu, Kuala Kangsar, Perak. Dalam pemerintahan Jepun, Baginda terus berada di bangku sekolah, menfasihkan dirinya dalam bahasa Jepun. Sebaik sahaja perang tamat, Baginda meneruskan pelajarannya di Sekolah Clifford, Kuala Lipis, Pahang, sebelum balik semula ke Maktab Melayu, Kuala Kangsar. Baginda berangkat ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajarannya di Worcester College, Oxford, pada tahun 1948. Baginda mengikuti kursus dalam bidang pentadbiran awam. Selepas tamat di Worcester College Baginda ke University College Exeter, Devon, pula mengikuti kursus dalam bidang Kerajaan Tempatan. Baginda menjalani latihan praktikalnya di Urban District Council Sidmouth, Devon.

Apabila Tuanku Haji Ahmad Shah berangkat balik ke tanahair dalam tahun 1953, Baginda menjalani pula latihan tentera sebagai pegawai kadet di Port Dickson. Selepas latihan, Baginda telah dihantar berkhidmat dengan Battalion Ke-4 Askar Melayu di-Raja di Tapah, Perak, dengan menjawat jawatan pangkat Kapten. Kecekapannya dalam bidang ketenteraan memang sudah diuji. Semasa Konfrantasi Regim Soekarno dalam tahun 1963 — 1965, misalnya, Baginda telah ditugas-

kan sebagai Pegawai Pemerintah 12-Infantry Battalion Askar Wataniah, beribu pejabat di Kem Batu 5 Mentabab. (Battalion ini kemudian diserapkan ke dalam Askar Melayu di-Raja).

Sungguhpun minat Baginda dalam bidang ketenteraan sebenarnya begitu tebal, tapi ternyata Negeri Pahang lebih memerlukan seorang Putra Raja untuk diasuh mewarisi Takhta Kerajaan Negeri Pahang. Baginda melalui proses asuhan itu dengan dipindahkan berkhidmat di Ibu Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang sebagai Pegawai Tadbir. Ketika itu Ibu Pejabat Negeri Pahang masih di Kuala Lipis. Sebagai seorang pegawai tadbir mudahlah Baginda bergerak daripada sebagai seorang pegawai pemerintah tentera, apalagi Baginda sudahpun diangkat sebagai Tengku Mahkota Pahang.

Semasa dalam bidang tentera ataupun dalam bidang perkhidmatan awam, khidmat Baginda memang selalu dikhendaki menjalankan tugas sebagai Pemangku Raja apabila Al-Marhum Sultan Abu Bakar berangkat beberapa kali keluar negeri. Secara kebetulan, semasa Baginda menjadi Pegawai Pentadbir di Kuala Lipis, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussain menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri. Allahyarham Tun Razak sebagai salah seorang "Orang Besar Negeri" dan juga seorang pegawai pentadbir kanan, sudah tentulah turut banyak memberikan segala bantuan dan tunjuk ajar yang memperlengkap dan mendewasakan pengetahuan dan pengalaman pentadbiran Baginda.

Allahyarham Tun Razak yang kemudiannya sebagai Perdana Menteri dan juga Orang Besar Berempat (Orang Kaya Indra Shahabandar) berada di sisi Takhta Kerajaan Negeri Pahang semasa Tuanku Haji Ahmad Shah diistiharkan sebagai Raja Pemerintah Negeri Pahang pada 7 Mei 1974, iaitu selepas Al-Marhum Sultan Abu Bakar mangkat. Baginda ditabalkan setahun kemudiannya, pada 8 Mei 1975. (Ini ada kaitannya dengan pertabalan Tuanku Yang di-Pertuan Agong).

Tuanku Haji Ahmad Shah melangsungkan perkahwinannya dengan Tengku Hajjah Afzan binti Tengku Muhammad pada 22 April 1954. Tengku Hajjah Afzan dengan demikian diangkat menjadi Tengku Ampuan Pahang dengan bergelar DYMM Baginda Tengku Ampuan Pahang.

Tuanku Haji Ahmad Shah dan Tengku Hajjah Afzan dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan dua orang putera dan lima orang puteri iaitu Tengku Hajjah Mariam, Tengku Muhaini, Tengku Aisah, Tengku Abdullah (YTM Tengku Mahkota Pahang), Tengku Abdul Rahman (YAM Tengku Muda Pahang), Tengku Hajjah Nong Fatimah dan Tengku Hajjah Shariah.

Mengikut tata-susila Negeri Pahang, apabila Baginda Sultan tiada di Negeri Pahang, maka Tengku Mahkota akan diangkat menjadi Pemangku Raja. Oleh kerana Tengku Mahkota masih meneruskan pelajarannya

di United Kingdom hingga penghujung tahun 1980, maka Negeri Pahang telah diletakkan di bawah sebuah Jemaah Pemangku Raja dengan adinda Baginda YAM Tengku Ariff Bendahara (Tengku Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar) sebagai Pengerusinya.

TuanKu Haji Ahmad Shah mengambil berat benar tentang hal ehwal urusan perkembangan Agama Islam. Baginda sentiasa mengikuti perkembangan agama di bawah pemerintahan Baginda, dan sentiasa pula menasihatkan rakyat supaya mengamalkan suruhan Allah mengikut ajaran yang sebenarnya demi kemajuan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Hasrat Baginda itu dapat diselami dari titah ucapan di-Rajanya semasa merasmikan Persidangan Parlimen, Mesyuarat Pertama Penggal Kedua pada 17 Mac, 1980. Dalam titah ucapan pertama Baginda melakukan di ucapan demikian sebagai ketua Negara, antara lain titahnya:

"Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan, kelemahan dan kemunduran mereka. Dan dengan kejatuhan ini agama Islam bukan sahaja terancam tetapi biasa dihapuskan. Oleh itu, janganlah hendaknya ada yang cuba menghalang kemajuan, jika kita benar-benar ingin agama Islam kekal dan berkembang maju. Yang harus kita usahakan ialah bahawa dalam mengejar kemewahan kita jangan pula lupakan nilai-nilai rohaniah dan kewajipan kita sebagai orang Islam. Beta berharap segala perbezaan pendapat di kalangan rakyat Beta yang beragama Islam dapat dihapuskan dan berganding bahu untuk ketahanan negara."

Sungguhpun mempunyai tanggungjawab yang berat dan jadual yang sendat sebagai Ketua Negara, namun demikian Baginda sentiasa mem-pengerusikan Majlis Hal Ehwal Agama Islam dan adat istiadat Melayu Pahang. Baginda sentiasa berulang-alik ke Pekan untuk mempengerusikan Persidangan Majlis Agama itu dari satu masa ke satu masa. Baginda sendiri melakukan ini semata-mata kerana kemajuan Agama Islam di Pahang itu terlalu dekat dengan hati Baginda. Mengikut Perlembagaan Persekutuan:

"the Yang di-Pertuan Agong shall not exercise his functions as Ruler of his State except those of Head of the religion of Islam."

Baginda sendiri telah menunaikan Rukun Islam yang kelima sebanyak dua kali. Setiap kali menunaikan Fardhu Haji, Baginda tidak ketinggalan mengikuti dan mengkaji perkembangan serta kemajuan hal ehwal agama di negara-negara Islam di Asia Barat. Cita-cita Baginda adalah sentiasa bertumpu kepada hakikat bahawa umat Islam mestilah maju bukan sahaja dalam bidang kerohanian, malah dalam bidang

ekonomi dan masyarakat supaya Umat Islam itu sendiri mencapai taraf hidup dan "quality of life" yang setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia moden ini.

Baginda sangat berpegang kepada konsep hormat-menghormati dan harga-menghargai antara sesama insan. Penghormatan Baginda kepada keluarga di-Raja tidak dapat dipisahkan. Sungguhpun Baginda sibuk dengan tugas negara, namun demikian Baginda tidak pernah mengabaikan "Hari Hol". Baginda sentiasa mengetuai seluruh rakyat Negeri Pahang menziarahi Makam di-Raja di Pekan. Memang sudah menjadi tradisi di kalangan keluarga dan kerabat di-Raja Pahang untuk berhimpun di Makam di-Raja dan mengadakan tahlil bagi memperingati kepewiraan raja-raja yang memerintah Negeri Pahang.

Penghormatan kepada roh-roh mereka yang telah pergi itu adalah satu amalan yang mesti kepada keluarga di-Raja Pahang sebagai memberi penghormatan atas pengorbanan dan kekasteriaan raja-raja zaman silam di sisi pahlawan-pahlawan dan hulubalang-hulubalang negara mempertahankan negeri daripada serangan-serangan lanun dan penjajah. Pembacaan doa sekurang-kurangnya sepotong surrah "Al-Fatihah" oleh setiap orang adalah tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat yang dicururkan kepada raja-raja zaman silam itu. Negeri Pahang mengisytiharkan hari kelepasan am pada Hari Hol itu.

Seperti pepatah "kuah tumpah ke nasi" begitulah dibandingkan antara sifat-sifat keperibadian Al-Marhum Sultan Abu Bakar dengan anakanda Baginda Sultan Haji Ahmad Shah. Selama 42 tahun Al-Marhum Sultan Abu Bakar memerintah Negeri Pahang tiada kampung yang tidak dilawati Baginda, bahkan ia menjadi semacam jadual tahunan di-Raja menziarahi rakyat hinggak Al-Marhum membina istana hinggap di setiap daerah yang terpencil untuk bersemayam dalam bidang lawatan-lawatannya itu. Istana kecil itu memang tidak sunyi, kerana Sultan Haji Ahmad Shah mengikuti jejak langkah Al-Marhum dan membuat lawatan ke kampung-kampung menemui rakyat Baginda.

Dalam setiap lawatan ke kampung-kampung, Sultan Haji Ahmad Shah akan menyertai aktiviti-aktiviti yang diatur atas kehendak Baginda sendiri seperti ke ladang dan menuai padi serta jagung bersama-sama rakyat. Baginda juga menyertai acara-acara sukan kampung. Semasa Baginda menyertai aktiviti-aktiviti itu kelihatan Baginda seolah-olah merasakan dirinya adalah salah seorang daripada kaum tani itu sendiri. Dan rancangan pergaulan seperti itulah yang digemari Baginda dalam lawatan ke kampung-kampung.

Semasa bersemayam di Ibu Negara, kerap kali Baginda berangkat balik ke bandar di-Raja Pekan. Dan setiap kali Baginda berada di sana berita "Raja kita balik" serasa bertiup lebih cepat dari angin di kala-

ngan rakyat Baginda. Dan, dengan demikian, rakyat jelata tidak putus-putus diterima mengadap.

Sebagai Ketua Negeri maka Seri Paduka Baginda tidaklah begitu bebas menemui rakyat di luar lengkongan 94 batu persegi wilayah Ibu-kota seperti bebasnya Baginda ketika bersemayam di Pekan sebagai Sultan. Lawatan Seri Paduka Baginda ke negeri-negeri dalam Persekutuan perlu diatur oleh Raja negeri itu sendiri dengan penuh kebesaran serta adat istiadat sesebuah negeri yang sesuai dengan taraf keberangkatan seorang Ketua Negara. Namun demikian, Baginda sentiasa juga mengatur rancangan untuk mendekati perjalanan jabatan-jabatan kerajaan. Dan yang masuk ke dalam jadual tetap mingguan Baginda ialah menunaikan Fardu Juma'at di masjid-masjid dalam Wilayah Persekutuan secara bergilir. Dengan demikian, sentiasalah Baginda berada di tengah rakyat jelata.

Sebagai seorang yang mendapat latihan ala tentera, Seri Paduka sentiasa 'sensitif' dengan segala masalah keselamatan. Sebahagian daripada Negeri Pahang (Pahang Barat) masih lagi dalam kawasan keselamatan — setiap kali malapetaka menimpa rakyat sesebuah kampung — "serangan" oleh pihak penganas — Baginda akan sentiasa berkejar ke kawasan-kawasan tersebut, menzahirkan sendiri perasaan simpati Baginda kepada rakyat. Dengan keberangkatan Baginda itu, maka penduduk-penduduk merasa mendapat perlindungan dan pembelaan dari Kerajaan. Pernah di suatu ketika Baginda sudah berangkat tiba di tempat "serangan" itu ketika mangsa seragan itu masih lagi berlumuran darah oleh serangan hendap penganas komunis.

Begitulah juga perasaan Baginda terhadap tentera dan polis kita. Sebagai "Supreme Commander of the Armed Forces of the Federation" Seri Paduka bukan sahaja mengambil berat dan mendampingi perajurit, malah seluruh pasukan keselamatan, termasuk Polis di-Raja Malaysia. Semasa latihan perang "Gonzales 2" di Terengganu, Seri Paduka berangkat ke sana sehari suntuk untuk menyaksikan sendiri kecekapan pasukan keselamatan dan memberi sokongan semangat kepada mereka yang mengambil bahagian. Tidak lama selepas itu, Baginda berangkat pula menyaksikan "Gonzales 4" di sebelah utara tahananair dan berada dengan askar-askar selama dua hari juga. Dalam bulan Jun itu juga, Baginda berangkat menyaksikan latihan tentera laut di bawah nama "Pemeriksaan di-Raja Armada" TLDM.

Seri Paduka merupakan seorang yang tidak dapat dipisahkan langsung dari kegiatan sukan. Semenjak Baginda di bangku sekolah hinggalah sekarang, Baginda sentiasa mengambil berat tentang perkembangan sukan di negara. Baginda bukan setakat menolong memajukan sukan atau setakat menjadi penonton, malah turut aktif menyertai sukan, khasnya tenis, golf, hoki dan polo. Baginda sendiri adalah Yang



Dipertua Persatuan Bola Sepak Pahang, dan presiden seumur hidup bagi Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Seperti Al-Marhum ayahanda Baginda, Seri Paduka juga tidak dapat memisahkan diri dari kegemarannya dengan polo. Boleh dikatakan polo telah menjadi semacam "nasi dengan ulam" kepada Baginda. Setiap pagi selepas sembahyang subuh, Baginda akan berada di Padang Polo — kalau pun tidak bermain, Baginda akan menunggang kuda kesayangan Baginda. Semasa berangkat ke Kuala Lumpur untuk bersemayam atas Takhta Kerajaan Persekutuan, Baginda turut membawa kuda-kuda polo Baginda dan semenjak itu, Kelab Polo Selangor menjadi begitu popular.

Di peringkat Antarabangsa Baginda terkenal sebagai seorang pemain polo yang terkemuka. Baginda pernah membawa pasukannya bermain polo di United Kingdom, India, Filipina, Singapura dan beberapa kali berangkat ke Brunei untuk bermain samada dengan pasukan polo di-Raja Brunei yang diketuai sendiri oleh Sultan Brunei, Sir Muda Hassan Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, ataupun mengambil bahagian dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa di Brunei. Seri Paduka dan Baginda Sultan Brunei serta ayahanda Seri Begawan, Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin S'adul Khairi Waddin, sentiasa menggalakan belia untuk meminati permainan polo.

Pasukan Polo di-Raja Pahang bukanlah baru. Permainan Polo di kalangan keluarga di-Raja Pahang, Perak, Johor, Selangor, Terengganu, Singapura, Brunei dan lain lagi sudah lama dirubuhkan. Dalam keluarga di-Raja Pahang, permainan Polo ini digemari oleh ayahanda Baginda Almarhum Sultan Abu Bakar semasa Al-Marhum masih muda remaja lagi. Permainan ini diwarisi pula oleh Sultan Haji Ahmad Shah. Nampaknya pasukan Polo di-Raja Pahang ini akan menjadi warisan di Pahang. Kedua-dua anakanda Baginda, Tengku Abdullah dan Tengku Abdul Rahman, sudah pun menunjukkan kehandalan masing-masing dalam permainan ini. Semasa mereka masih dalam bangku sekolah lagi mereka sudah pun bermain dengan beberapa pasukan Polo British. Mereka berdua beradik adalah antara pemain-pemain yang selalu bermain dengan Prince Charles di England.

Pasukan Polo di-Raja Pahang ini amat besar ertinya kepada Baginda. Di samping mempopularkan permainan Polo pasukan di-Raja Pahang juga dapat merapatkan hubungan antara negara. Pasukan Polo di-Raja Pahang bertolak ke Manila dalam masa kedua-dua negeri itu kurang bermesra, akibat Konfrantasi Macapagal-Soekarno. Dengan lawatan itu, maka sedikit sebanyak hubungan kedua negara beransur mesra. Tidak dapat dilupakan dalam sejarah bahawa pasukan Polo di-Raja

Pahang ini memainkan peranan untuk merapatkan hubungan Brunei tik agak tidak begitu digunakan. Antara Brunei dengan Malaysia dimulakan diplomasi pasukan Polo di-Raja Pahang dengan pasukan Polo di-Raja Brunei. Hubungan ini kusut dari tarikh Malaysia ditubuhkan 1963.

Sungguhpun lawatan Pasukan Polo di-Raja Pahang ke Brunei dalam bulan Mac 1978 itu merupakan hubungan tali persahabatan antara keluarga di-Raja Pahang dengan keluarga di-Raja Brunei, Seri Paduka telah diberikan sambutan sebagai Ketua Negera. Kemesraan itu kelihatan benar manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Brunei, Sri Muda Hassanah Bolkihah serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin berangkat ke lapangan terbang Brunei menyambut keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda. Hasil lawatan rombongan polo di-Raja Pahang ke Brunei itu mempunyai erti yang sangat besar bukan saja kepada kerabat di-Raja Pahang, malah kepada seluruh Malaysia.

Polo adalah satu permainan yang pantas. Pemain-pemain ini bukan sahaja memerlukan skil dalam permainan, bahkan skil mengawasi kelakuan-kelakuan dan mood kuda. Apabila kuda naik "minyak" bola tak ke mana, kayu tak ke mana, kuda tak ke mana dan pemainnya pun mungkin patah tulang belakang atau kaki. Apabila seseorang pemain dapat mengawal kelakuan kuda Baginda sudah dapat menguasai sebahagian daripada permainan Polo.

Ramai yang cuba bermain Polo. Sebelum itu, mereka perlulah menunggang. Beberapa orang rakan cuba belajar menunggang, tetapi akhirnya terpaksa berihat di hospital. Dua orang rakan karib Dato' Wan Sidek bin Wan Abdul Rahman. Kedua-duanya terpaksa ke hospital kerana jatuh dari kuda.

Permainan Polo ini ditandingkan antara dua pasukan yang masing-masing pasukan mempunyai empat orang pemain. Padangnya berukuran 274 meter panjang, 182 meter lebar dengan lilitan bolanya 7.6 cm. Tiang golnya sejarak 7.3 meter. Pemain-pemainnya hendaklah berani, stail, ada tenaga, cekap dan pandai berkuda.

Asal usul Polo ialah dari Persia. Pada mulanya dipanggil changar. Dalam kurun ke 16 tiga orang adik beradik Sherley Brother dari England melawat Persia. Mereka sangat tertarik hati dengan permainan itu dan dipadankan mengikut kehendak orang-orang di England.

Di Tibet pula permainan itu dipanggil pula Pulu (magnanya bola). Dalam zaman pemerintahan raja di India permainan itu juga dipanggil Pulu. Dalam tahun 1850 peladang-peladang Inggeris menukar namanya kepada "Kokey atas Kuda". Selepas melalui proses dari negeri ke negeri mana akhirnya 'Pulu' ditukar kepada 'Polo'.

Polo diperkenalkan di Amerika dalam tahun 1880. Amerika Selatan

khasnya Argentina dalam tahun 1875 dan mereka main polo begitu serius. Dalam dunia moden Argentina menjadi juara polo. Polo merebak di seluruh dunia termasuk Malaysia. (Tanah Melayu).

Permainan ini terlalu pantas. Dengan demikian maka satu-satu permainan itu hanya dijalankan selama tujuh minit, dan satu-satu permainan itu dipanggil Chukkas. Perlawanan antarabangsa atau yang besar-besar dibahagikan kepada lima atau enam Chukkas dalam satu-satu perlawanan. Dalam perlawanan biasa dibahagikan kepada empat Chukkas sahaja.

Peminat-peminat sukan mengenal Baginda bukan sahaja sebagai seorang Raja, malah merasakan kehadiran Baginda di dalam gelanggang satu-satu permainan itu sebagai salah seorang peminat seperti mereka juga. Sudah menjadi kebesaran negara, "band" memainkan Lagu Kebangsaan tanda Raja Berangkat, tetapi di Stadium atau gelanggang-gelanggang sukan. Lagu Kebangsaan yang dimainkan secara instrumental itu secara spontan pula diikuti oleh suara penonton-penonton sukan menyanyi sebagai tanda hormat mereka yang "Raja peminat sukan" sudah berangkat tiba.

Sebagai Tengku Mahkota dulu, akhbar-akhbar dan penulis-penulis rencana sukan sentiasa menyifatkan Baginda sebagai "Prince of Sports". Tapi apabila Baginda diangkat sebagai Sultan Pahang dan Ketua Negara Malaysia, Seri Paduka telah diberi gelaran sebagai "The King of Sports".

## Bapa Yang Penyayang

---



ultan Haji Ahmad Shah adalah adalah seorang raja dan ketua negara yang popular. Baginda adalah seorang putera yang manja, seorang bapa yang penyayang, seorang teman yang dihormati dan seorang insan yang patuh kepada perintah Allah. Sebagai manusia biasa, baginda amat mengambil berat terhadap kesihatannya. Boleh dikatakan soal kesihatan merupakan tugas utama Baginda seharian.

Baginda sentiasa berpandu kepada rawatan moden. Apabila berangkat melawat ke kampung-kampung, Baginda akan sentiasa memerintahkan rakyatnya supaya mendapatkan rawatan di hospital. Seruan Baginda itu ada yang diterima dan ada yang tidak. Ada pula rakyat Baginda yang hanya mempercayai rawatan moden ataupun mengeneplikannya apabila seorang hamba Allah di kampung datang sujud memohon "jampi serapahnya". Kepada rakyat Baginda yang sudah demikian keyakinannya maka atas belas kasihan Baginda membacakan juga ayat-ayat suci Al-Quran. Dengan keizinan Allah Subhanahu Wata'ala ada juga yang sembuh, selepas "kecewa" melalui ubat-ubat lain. Mengikut orang kampung penyakit demikian adalah "penyakit raja" dan raja sahaja yang boleh mengubatinya. Kepercayaan ini adalah turun temurun. Tapi menurut Baginda sendiri "itu kuasa Allah". Dan ada rakyat yang memanggilnya sebagai "miracle cure."

Baginda sentiasa berdamping dengan doktor, dan yang rapat dengan Baginda ialah Dr. Wong dan Dr. Siva. Dalam salah satu lawatan di-Raja ke kawasan-kawasan pendalaman, berlaku satu peristiwa yang menarik. Mengikut orang-orang kampung adalah mudharat bagi seseorang yang makan buah tembikai meminum madu lebah. Menurut kepercayaan orang-orang kampung yang berbuat begitu akan "mabuk" (bukan mabuk mati, tetapi seperti mabuk minum arak). Dr. Siva menyangkal

ini sekeras-kerasnya. Akhirnya, Kebawah Duli melawak dan Dr. Siva serta Col. Chong (dari TUDM) pun cuba berbuat demikian.

Selepas itu, Baginda berasa bimbang. Setiap lima minit sekali Baginda bertanya kepada mereka sama ada sudah terasa kesannya. "Tidak... Tuanku," jawab mereka. Hampir-hampir dua jam Baginda sendiri menantikan kesannya, tidak juga ada sebarang kesan pada mereka.

Baginda sebenarnya tidak boleh melihat orang sakit. Baginda akan sentiasa menyuruhnya masuk ke hospital. Beberapa peristiwa lucu berlaku. Biasanya kakitangan Baginda yang selalu kena. Bila saja Baginda melihat kakitangannya "over-weight" Baginda akan menyuruhnya masuk hospital. Suatu ketika ASP Alias mendapat buasir. Lazimnya ini tidak memerlukan pembedahan. ASP Alias membuat dalih dan mengelak diri dari mengadap Kebawah Duli. Tapi akhirnya "ditangkap" juga, dimasukkan ke hospital, dan menjalani pembedahan. Seorang lain yang kena ialah Raja Amir. Beliau masuk hospital kali yang pertama terus menjalani pembedahan. Masuk kali kedua pun menjalani pembedahan. Kata Raja Amir: "Jika Tuanku tidak paksa sudah tentu kesihatan saya tidak seperti sekarang."

Yang menggelikan hati ialah bila Baginda berangkat melawat mereka di hospital. Bila mereka sudah segar, baginda mengarahkan polis pergi ke hospital meminta pihak berkuasa memberi "cuti" beberapa jam kepada pesakit-pesakit itu. Baginda menunggu di tempat-tempat tertentu seperti di Padang Polo Kuala Lumpur. Apabila pesakit-pesakit itu tiba dengan polis, di situlah baginda berasa seronok. Selalunya ada beberapa orang turut menunggu di samping Baginda. Peristiwa sedemikian menggembirakan Kebawah Duli. Malah orang yang sakit itu juga turut menjadi sembuh. Selalunya mereka ketawa berdekah-dekah, dan semuanya dianggap sebagai satu keseronokan dan jenaka yang dihargai mereka semua.

Bagi mereka yang berada dalam wad itu cemas juga. Maklumlah polis datang dan eskot mereka keluar hospital. Yang berbeza cuma mereka tidak menaiki blakmaria, sebaliknya mereka dititah menaiki kereta biasa yang dihantar khas oleh baginda. Sungguhpun demikian, segala peristiwa itu memberikan kesenangan dan penghormatan kepada mereka yang sakit. Mereka juga cepat sembuh selepas itu. Tapi mereka akan hanya keluar hospital selepas mendapat perintah dari baginda sendiri. Doktor-doktor sendiri pun sudah biasa dengan cara jenaka baginda itu.

Begitu jugalah dengan baginda. Pada satu ketika baginda berasa tidak sedap badan dan terkadang-kadang serasa ada serangan asma. Baginda terus masuk hospital. Pada awal 1980, seorang pakar dari Jepun yang mahir dalam penyakit dalam badan telah diterbangkan ke Kuala Lumpur. Pakar tersebut menjalankan satu ujian yang dipanggil Oesophaguskpi. Beberapa orang pakar tempatan yang lain turut ada

bersama, termasuklah mendiang Tan Sri Dr. Pillay; Dr. Siva dan Dr. Nik Zainal. Ujian atau testnya itu sungguh unik. Seutas tube hampir sebesar wire striker atau sebesar ibu jari telah dimasukkan ke dalam perut baginda. Tube itu mempunyai kamera yang boleh mengesan sesuatu pertanda penyakit di dalam perut.

Pada akhir tahun 1980, sekali lagi Baginda telah dikejarkan ke hospital. Kali ini lebih membimbangkan semua rakan dan teman Baginda. Mereka yang sedang berada di luar Ibukota telah dipanggil balik. Baginda sebenarnya berasa gelisah selepas berangkat balik dari Pekan, Pahang. Baginda berada di Pekan kerana menguruskan perkahwinan anakanda Tengku Aishah dengan Tengku Kamil Ikram. Baginda berada di Pekan dua minggu. Siang malam Baginda tidak diam. Ada saja yang dikerjakannya. Di samping itu, rakyat Baginda yang sentiasa manja dengan Baginda itu terus juga diterima mengadap. Hari demi hari selama dua minggu itu, Baginda terasa lesu. Sebaik berangkat balik ke Kuala Lumpur, Baginda terus menjalankan tugas negara menghadiri Malam Pungutan Derma Persatuan Volleyball Malaysia hingga jauh malam. Esoknya Baginda terasa gering.

Baginda terus menelefon rakan-rakannya. Ramai juga yang berada di luar Ibukota. Baginda terus berangkat masuk ke hospital diiringi oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Rakan-rakannya bekejar balik ke Kuala Lumpur. Semuanya diterima mengadap.

Memang semuanya berasa bimbang. Kebetulan pula pada beberapa ketika kami berada di hospital, Bangunan Bank Bumiputra sedang dijilat api. Perkara-perkara seperti itu memang menyayat hati Baginda. Sehari selepas berangkat masuk ke hospital, Professor Richard Emmanuel dari London tiba untuk merawat Baginda. Selepas itu barulah Baginda dan teman-temannya berasa lega. Walaupun demikian pihak pakar sendiri masih tetap bimbang akan keadaan Baginda.

TuanKu berada di hospital hampir dua minggu. Dato' Hussein Onn berpendapat memang elok ikut nasihat pakar-pakar supaya Baginda diterbangkan ke London bagi menjalani pemeriksaan dan mendapatkan rawatan yang lebih lengkap. Professor Richard Emmanuel menelefon Kebawah Duli beberapa kali dari London. Semasa itu juga "Dato Hussein sendiri bertolak ke London untuk menjalani pemeriksaan oleh Professor Richard Emmanuel."

Boleh dikatakan setiap hari Professor Richard Emmanuel menelefon TuanKu di Istana Pahang melaporkan sendiri tentang keadaan Dato' Hussein. Pada satu ketika Baginda agak gamam dan cemas. Baginda cuba menghubungi Tan Sri Ghazali dan saya. Waktu itu kami tiada di Ibukota. Pada malam itu, baginda tidak boleh tidur. Baginda terlalu bimbang akan kesihatan Dato' Hussein.

Pihak Polis berusaha cari Tan Sri Ghazali dan saya. Sebaik kami di-

hubungi, kamipun pergi mengadap. Baginda memberitahu apa yang dilaporkan oleh Professor Richard Emmanuel. Baginda perintahkan Professor Richard Emmanuel supaya jangan memberitahu Dato' Hussein bahawa Baginda tahu tentang ujian-ujian itu. Mengikuti Professor Richard Emmanuel dalam percakapan telefonnya dengan Baginda, Dato' Hussein, katanya, lebih bimbang lagi kerana mengetahui semasa dia meninggalkan tanahair, Kebawah Duli masih dalam 'tempoh berihat' yang baru sahaja keluar hospital.


Mengikuti Professor Emmanuel lagi, Dato' Hussein tidak mahu kesihatan Kebawah Duli Tuanku terganggu oleh berita-berita ujiannya itu. Professor Emmanuel selanjutnya menegaskan kepada Kebawah Duli bahawa ujian ke atas diri Dato' Hussein itu bukanlah sesuatu yang mesti serta merta. Dato' Hussein telahpun memberitahu Professor Emmanuel bahawa beliau akan balik ke tanahair mengikut jadual dan selepas itu barulah beliau akan berkira tentang rawatan seterusnya.

Percakapan telefon antara Prof. Emmanuel dan Kebawah Duli itu tidak mententeramkan baginda. Lebih merasahkan lagi bila akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah luar negeri masing-masing membuat berbagai laporan dan ramalan. Dalam perbualan antara Kebawah Duli dengan Tan Sri Ghazali dan saya, diberitahu bahawa beberapa kemungkinan telah dibincangkannya dengan Prof. Emmanuel itu rahsia besar, tidak harus terlepas kerana negara akan gamam. Raja Permaisuri Agong sendiri tidak diberitahu oleh Baginda tentang hal itu. Kami menyimpan rahsia itu seketat mungkin, tetapi berasa kecewa dengan berbagai ramalan yang dipercikkan oleh akhbar setiap hari.

Kesihatan Dato' Hussein memang menarik perhatian umum. Ini memanglah wajar. Dan sebagai Ketua Negara sudah tentulah Kebawah Duli merasa risau lebih-lebih lagi kerana keduanya sahabat baik. Keduanya sentiasa berbincang mengenai kesihatan masing-masing setiap kali Dato' Hussein mengadap Baginda pada hari Rabu.

Kebimbangan rakyat sebenarnya memang sudah diduga. Beberapa tahun dulu rakyat pernah kebingungan kerana kematian Allahyarham Tun Razak di London yang pergi ke London untuk menjalankan tugas. Sampai di London Tun Razak terus dimasukkan ke hospital. Tidak ada rakyat biasa yang boleh menduga Allahyarham sakit, kerana hingga ke saat akhir bertolak ke London, beliau masih lagi menjelajah ke seluruh negara. Berpapah pun Allahyarham membuat lawatan. Rakyat hampir tidak percaya akan berita kematian Tun itu.

Siapa yang tidak bimbang. Pemergian Dato' Hussein ke London pun tidak ada kenyataan akhbar. Dan ada akhbar yang membuat komen seolah-olah ada perkara yang sengaja disembunyikan tentang pemergian Dato' Hussein itu. Dato' Hussein sebagai seorang yang pendiam, pemalu dan merendah diri tidak mahu orang ramai datang ke lapangan



*Yang di-Pertuan Agong sedang meletakkan sekalung bunga bagi mengenangkan perajurit yang gugur.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang mendengar dengan teliti kisah pengalaman seorang askar yang nahas dalam pertempuran.*





*Seri Paduka sedang mendengar sesuatu penerangan dari seorang perajurit laut.*



*Seri Paduka meminta sedikit tambahan lauk untuk dinikmati bersama rekrut TLDM di Pengkalan Lumut. Para rekrut masing-masing tertoleh-toleh untuk melihat Baginda dari dekat.*



*Yang di-Pertuan Agong bertitah sesuatu kepada anak kapal Harjit Singh.*



*Seri Paduka Baginda tenang saja ketika "dipindahkan" dengan menggunakan tali dari KD Hang Tuah ke KD Mutiara.*



*Bagi Yang di-Pertuan Agong ini adalah pengalaman pertama 'jackstay transfer' bila Baginda menyeberang dari KD Mutiara ke KD Hang Tuah sewaktu Baginda memeriksa angkatan di-Raja itu.*



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu bersantap mengikut cara tentera ketika berangkat melawat Kem Latihan Tentera Kota Belud, Sabah. Datuk Haris turut mengiringinya.*



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang memeriksa kawalan kehormatan terdiri dari 104 anggota-anggota dan pegawai TUDM di Pusat Latihan Rekrut Pengkalan Tentera Utara di-Raja Malaysia di sini.*



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang bertitah sesuatu kepada salah seorang rekrut wanita yang menjalani latihan di Pusat Latihan Rekrut TUDM di Ipoh.*



*Yang di-Pertuan Agong tekun meneliti unifom dan kesegakan seorang perajurit.*



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang mendengar sesuatu penerangan dari Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamed Haniff Omar, ketika Baginda melawat Ibu Pejabat Polis.*



*Yang di-Pertuan Agong diiringi oleh Raja Permaisuri Agong sedang bertitah sesuatu kepada seorang anggota polis.*



*Seri Paduka Baginda sedang bertitah sesuatu kepada seorang anggota polis yang sedang dalam satu perbarisan.*



*Anggota polis kelihatan ghairah cuba bersalaman dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.*



*Berpakaian lengkap sebagai seorang tentera, Yang di-Pertuan Agong sedang berada dalam sebuah tank.*



*Bila di hutan bersama perajurit. Yang di-Pertuan Agong sering ingin merasa sendiri kehidupan perajurit — Baginda merasa sendiri makanan mereka.*

terbang, kerana pemergiannya itu mengikut istilahnya sendiri adalah "cuti rehat."

Pada mulanya Kebawah Duli hendak menelefon Dato' Hussein. Tapi Baginda bimbang Dato' Hussein akan terus gelisah. Biarlah nanti sehingga Dato' Hussein balik. Akhirnya, pada tarikh yang ditentukan, Dato' Hussein pun tiba balik ke tanahair selepas menjalani ujian pakar. Sekali lagi tidak ada kenyataan akhbar. Lapangan terbang lengang. Tidak berapa ramai yang hadir. Yang ada hanya ahli-ahli Kabinet dan keluarga.

Sekembali sahaja di Kuala Lumpur, Dato' Hussein terus diterima mengadap. Kebawah Duli pun ketahuilah segala kedudukan soal, sesuatu yang tidak berapa berbeza dari apa yang dilaporkan oleh Professor Richard Emmanuel.

Beberapa hari kemudian, Kebawah Duli pun berangkat ke London untuk melalui ujian lanjut — ujian yang dipanggil "onigiorrn". Prof. Emmanuel juga yang menguruskannya. Untuk memendekkan masa, sebelum itu Dr. Siva — doktor peribadi Kebawah Duli — telah bertolak dulu membuat persiapan yang perlu. Dr. Nik Zainal — seorang pakar jantung yang termuda — turut bertolak bersama Kebawah Duli dan berada di London selama seminggu. Tiga hari ditentukan untuk ujian.

Mengikut Kebawah Duli, Baginda sentiasa beriadah. Itulah sebabnya Baginda tidak lupa mengambil bahagian dalam sukan. Polo khasnya. Boleh dikatakan setiap hari baginda ke Padang Polo — sama ada bermain polo ataupun beriadah dengan menunggang kuda.

Mereka yang rapat dengan Kebawah Duli memang memahami sikap baginda terhadap kesihatan Dato' Hussein itu. Baginda mudah benar sedih jika seseorang rakannya ditimpa kemalangan. Kalangan keluarga di-Raja, khasnya Raja Permaisuri Agong, memang tahu benar akan sifat Baginda itu.

Semasa Baginda masuk ke hospital, rakan dan teman yang menziarahi Baginda sentiasa berasa sayu. Baginda selalu menitikkan airmata apabila mereka yang rapat mengunjungi dan mengadap Baginda di katil hospital. Suatu ketika sewaktu Baginda mula-mula masuk ke ward di Kuala Lumpur, saya yang mengadapnya telah dipeluk Baginda dengan airmata di pipi. Raja Permaisuri Agong bertitah "Tuanku tu memang begitu, mudah sangat sedih...." Menghadapi seorang raja yang mengalirkan airmata ketika seorang teman di luar keluarga di-Raja datang mengadap menyebabkan saya sama tersedu.

Perasaan dan kualiti penyayang inilah yang tidak mudah diperolehi orang lain. Baginda memang suka mencurahkan rasa kasih sayang itu kepada teman dan keluarga anak-anak Baginda. Sungguhpun anak-anak Baginda berada di seberang laut kerana menuntut, tetapi Baginda sentiasa menelefon mereka. Semasa Tengku Mahkota berada di Sandhurst



menuntut ilmu ketenteraan, Baginda berangkat ke London untuk menziarahi anakandanya itu. Andakanda-anakandanya lain yang menuntut di London juga diziarahinya. Begitu sayang dan mesra Baginda dengan semua anakandanya. Mereka sentiasa dihubungi dan dilawati.

Penerimaan rakyat terhadap Kebawah Duli sentiasa penuh ghairah. Liputan akhbar-akhbar mengenai Hari Pertabalan Seri Paduka pada 10 Julai, 1980 adalah salah satu contohnya. Memang liputan di dalam — juga liputan di luar negeri — adalah di luar dugaan. Penulis-penulis rencana melapor dan merakamkannya dari berbagai sudut — dari diri Baginda sebagai seorang raja hinggalah kepada diri Baginda sebagai seorang petani. Oleh kualiti baginda yang beraneka jenis, maka banyaklah sudut yang boleh digunakan para wartawan bagi tulisan mereka.

Sultan Haji Ahmad Shah adalah putera sulung dalam sebuah keluarga yang besar dan ramai. Kepada bonda Raja Hajjah Fatimah binti Al-Marhum Sultan Iskandar Shah, Baginda bukanlah setakat putra sulung, malah Baginda juga seorang putera tunggal. Bagi Tengku Ampuan Besar Pahang itu, putera Baginda adalah seorang cahayamata yang manja. Apatah lagi sifat-sifat manja itu lebih mendalam lagi dalam suasana ikatan dua keluarga. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Al-Mutawakil Kadasallah Allai Shah adalah adinda kepada Raja Hajjah Fatimah. Dengan asuhan yang begitu rupa — dari kecil hingga dewasa — maka sifat-sifat manja Baginda Sultan itu terbawa-bawa hingga sekarang. Baginda sentiasa menziarahi bondanya. Pada setiap pertemuan, kedua-duanya bersikap seolah-olah sedang berada dalam suasana antara seorang ibu dengan seorang putera yang masih dalam pangkuan. Ibu kelihatan mencembung anak, malah kalau boleh nescaya Raja Hajjah Fatimah ingin mendukung lagi puteranya itu. Apa boleh buat putera Ahmad Shah sudah menjadi seorang dewasa. Dan kasih sayangnya tidak lagi sekadar kepada bondanya, malah mengalir pula kepada rakyat seluruhnya.

Begitu juga keadaannya apabila Baginda mengadap Baginda Sultan Idris — sama ada di Istana Perak atau di Istana Pahang. Keduanya berpeluk-peluk seperti anak dengan bapa. Pendeknya, keluarga ini menepati pepatah "air dicincang tidak akan putus." Pernah pembesar-pembesar diberitahu oleh Baginda Sultan Perak: "Siapa usik Pahang, bermakna dia mengusik Perak."

Raja Hajjah Fatimah yang sudah larut usianya itu masih tetap merupakan seorang ibunda yang paling gembira kerana di samping menjadi seorang raja, puteranya itu juga adalah Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

## Tanpa Kejadian Jenayah

---



Basrat ingin membawa rakyat mengambil bahagian dalam upacara-upacara pertabalan memang dapat dicapai. Sesiapa juga yang hadir memang dapat menyaksikan beribu-ribu orang rakyat dari semua keturunan dan semua lapisan berbaris dari Istana Negara hingga ke Istana Pahang untuk menyaksikan wajah Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong. Sungguhpun bukan hari kelepasan, tetapi beribu-ribu orang masih tetap membanjiri Ibukota, berdiri di tepi-tepi jalan. Lalu-lintas tersekat lama sesuatu yang tiada disangka-sangka. Ada yang bimbang soal keselamatan. Tapi Pengerusi Sambutan, Tan Sri Ghazali Shafie, juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, lebih maklum akan apa yang dibuatnya. Sambutan rakyat ini dapat disaksikan melalui TV ke seluruh negara. Kelihatan bukan saja lambaian tangan, malah ramai yang berkejar ke kereta di-Raja untuk menyentuh tangan Baginda. Dan beberapa ketika kereta di-Raja itu terhalang sehingga perarakan itu turut terhenti sebentar.

Bukan mereka itu hendak merosakkan, tetapi hendak menyentuh tangan Baginda. Perarakan itu lebih menarik lagi kerana kuda-kuda kepunyaan rakyat keturunan Baginda mendahului perarakan itu. Selepas pertabalan, maka timbul satu cerita aneh. Ada seorang yang melompat ke 'bonet' kereta untuk berjabat tangan. Beliau yang dikatakan datang dari Pulau Pinang semata-mata dengan satu tujuan: hendak menyentuh tangan Raja.

Upacara yang mengecutkan perut ialah pertunjukan di Padang Kelab Selangor — 'Malam Gembala Ria'. Pertunjukan itu diadakan di padang luas. Pentasnya di Jalan Raja tiada pagar. Soal keselamatan ditimbulkan. Tan Sri Ghazali menegaskan tidak ada apa-apa berlaku. Dia memberi jaminan. Padang Selangor dibanjiri manusia dari segenap lapisan

masyarakat. Pertunjukan dua jam setengah berjalan tanpa gangguan. Suara yang kedengaran ialah keseronokan sahaja.

Sungguhpun pertunjukan itu satu perkara biasa, tetapi tempatnya adalah menjadi satu erti yang besar. Dengan ketiadaan kes jenayah dalam musim pertabalan, khasnya di Padang Kelab Selangor, maka jelas pada kita bahawa Baginda Sultan Haji Ahmad Shah adalah ke-sayangan rakyat.

Tiada sebarang gangguan di perarakan yang dibanjiri oleh beribu-ribu manusia di tepi jalan hinggalah ke Padang Kelab Selangor itu. Mereka yang bimbang dulu akhirnya memberikan "syabas" dan mengangkat topi kepada Tan Sri Ghazali yang menjadi Pengerusi Sambutan. Dia memang selalu dipanggil "conductor orchestra". Dia memang dapat menghimpunkan segala-gala "instrument" yang ber-bagai aneka jenis kepada satu susunan yang memberi irama lagu yang merdu dan satu nada.

Berbagai rencana telah ditulis mengenai Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke 7. Masing-masing penulis mempunyai tafsirannya masing-masing. Akhbar-akhbar tempatan telah dipandu kepada tema upacara itu dari beberapa masa terlebih dahulu. Dalam banyak rencana itu, sebuah rencana yang dirasakan paling tepat ialah yang ditulis oleh YTM Tunku Abdul Rahman (penulis khas STAR). Rencana ini penting bukan sahaja kerana ia lengkap, tetapi kerana ditulis oleh seorang insan yang pada satu masa dahulu pernah menjadi Perdana Menteri dan "architect" sejarah negara.

Rencananya dalam bahasa Inggeris itu sepenuhnya begini:

ASI SEE IT By Tunku Abdul Rahman

#### *LONG LIVE THE KING*

It has been my good fortune to witness the installation of the seventh Yang di-Pertuan Agong as head of state of Malaysia, an experience not shared by many people.

As Prime Minister, I had been responsible for the organisation of the first installation and attended to every detail as nobody in the country knew much about it.

Committees were appointed to take over the various functions and they all did their work extremely well, considering the fact that none of them had been called upon to do any such work before.

I remember the occasion when the chairman of one of the committees broke down from exhaustion and was not expected to live, and in his London accent called out: "My God, I am dying". However, he survived and he is alive today.

Everyone had a hard time but each and every one tucked himself in as a true patriot honestly, conscientiously and with dedication to duty and

everything went off well, as well as could be expected in the circumstances.

We had problems with some of our guests from the Muslim countries invited to the ceremony, particularly one which came with two representatives, one from the President of the breakaway government and the other from the King.

We did not know, when we sent out the invitations, that there were two governments in that country at the time. So when both came it was hard for us to place them in the proper order of precedence and we told them to do satisfied with the best we could do for them.

The next problem we faced was to find a suitable place to hold the ceremony of such importance as the installation and also the royal banquet. There was no building big enough or suitable enough for the purpose in Kuala Lumpur, and so it was that we bought a big mansion in Ampang Road and built and annexe in the form of a large hall which is still known as Dewan Tunku Abdul Rahman. (At one time an attempt was made to change the word "Tunku" to "Tuanku".)

The annexe had to be completed within seven weeks and the builders, working 24 hours at a stretch and non-stop, completed the job in time. The building has served many purposes and still stands today as a multi-purpose building — a monument to Malaysia's independence.

Cars had to be bought to transport the guests and drivers had to be employed. They carried out their work without any previous training and yet without complaints.

These cars were often used after that for official purposes and were subsequently auctioned off after Malaysia was born. In fact I am the possessor of one of these cars and kept it in good condition to this day.

The Royal Regalia and other paraphernalia had to be designed and ordered from London to be ready for the installation and they were obtained ready in time.

However, the throne which is the permanent institution could not be made in time and to fill the need we had to make do with a pair of leather chairs adorned with the coat of Malaya painted at the back.

The throne in use today was carved by skilled artisans who spent much time on it and was used a subsequent installations of the Yang di-Pertuan Agong, and as the King comes and the King goes under our constitutions, this seal of authority stands silently and proudly for all times a testimony of our patriotism and loyalty to the throne.

The Singgahsana which is a dais that houses and adorns the throne, is a new addition and adds glamour to the throne. The thrones were carved by an artisan whose name I have forgotten but he was an employee of a big furniture shop in "Batu Road" — now Jalan Tunku Abdul Rahman.

The ceremony would not be complete without the accompaniment of

the ancient music, the Nobat, and where could we get one suitable enough for the occasion?

The origin of the Nobat, according to Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah by Che Hassan, the Minister of the Royal Household, was that brought by the first King of Kedah from India over 1,000 years ago to mark the first dynasty of Marongse Mahawangsa who originated from India of Mongol stocks.

This Nobat is played on all big ceremonies or to mark events of importance in Kedah.

After the conversion of Islam the Nobat continued to be used to signal the time for prayer simultaneously with the call for prayer from the mosque. It is always played at marriage and death of senior members of the Royal Family and on the occasion of the installation of the Rulers.

It was unthinkable to hold the installation of the first Yang di-Pertuan Agong of the country without the accompaniment of the Nobat, in keeping with the ancient and traditional Malay custom.

So I asked the Sultan of Kedah to lend the band for the purpose and it has been used all these years. It was also used at the funeral procession of the first and second Yang di-Petuan Agong.

(When the Barisan Nasional was formed, PAS members objected on religious ground to the use of the Nobat at the funeral.)

This is the first time that the installation had been held in the palace and arrangements for the installation proceeded smoothly, as the officials had a wealth of experience to draw upon.

**I MUST COMPLIMENT TAN SRI GHAZALI SHAFIE AND HIS HELPERS AND WORKERS FOR THE WORK WELL DONE.**

I watched the Rulers and their Consorts as they made their way and took their seats in the hall, beautifully attired and so graceful in their deport.

Then shadows of the past danced in my mind brought back old memories. I saw the former Rulers and recalled their faces and even their dresses. They are all gone and new faces have appeared in their places.

The Raja of Perlis and the Raja Perempuan, and the Tunku Besar Khursiah, the first Raja Permaisuri Agong, were there. I noticed, however, the absence of the former Raja Perempuan of Trengganu. The whole ceremony left me with a feeling of nostalgia.

As the Prime Minister read his speech, I dreamt of the speeches I made before and realised that it was Datuk Hussein Onn speaking and not me. He spoke well and made the same vow I had made five times before — that is service to the Throne and the country.

It was an impressive ceremony and I pray to God that it will continue for a long, long time to come.

The nation rejoined as seen by the display of loyalty in many forms.

The happiest people are the Government servants who got their increased pay and what's more, the pensioners have been remembered with payment of arrears. This was a real blessing and a grand gesture to start off the new reign of our seventh King.

It has brought great joy and happiness to many hearts and may it herald a golden reign of D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah.

The present system of kingship is unique and it has worked extremely well and each Yang di Pertuan Agong has played his part with dignity and kingly grace.

Three stayed on for the full term of five years, whilst three died before completion of their term of office.

The most curious happenings occurred to the Sultan of Selangor, Sultan Hishammudin Alam Shah, who succeeded to the throne as the second Yang di Pertuan Agong.

For some unaccountable reason he died on the day and almost to the minute when he should have been installed, on September 1, 1960.

The religious and superstitious Malays attributed this too his failure to observe the traditional rituals of kingship.

At the opening of Parliament he had put on his full ceremonial appare together with the Star of Malaysia, although he had not been installed the Yang di Pertuan Agong yet. According to the belief of the Malays this was strictly forbidden and could only bring misfortune. No part of regalia should have been worn except after the blessing at the ceremony.

According to the Lord Chamberlain of the time. His Majesty insisted on wearing it. Immediately after the opening of Parliament he became indisposed and it was hard to diagnose the cause of his ailment.

On the day of his installation, a Wednesday it was, when I was at the Cabinet meeting, a message come to me to say that His Majesty's condition had worsened.

I immediately left the meeting and rushed off to the palace. After I had been there a few minutes he drew his last breath and passed away. I immediately looked at my watch and saw that it was exactly eleven o'clock, the time when he was to be installed. I could not explain this strange coincidence.

As for the seventh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, the media refer to him as "Our charismatic monarch", "The King with a common touch", "A King who is close to the people",

"The King is the fountain of justice", "A great sportsman", "A polo player of world standing."

A lot more glowing tributes could be added to all these, but one thing we can say is that he is going to be a popular King and for the years that lie ahead he will enjoy the love and confidence of Malaysians of all origins.

The Raja Permaisuri Agong, Tunku Puan Hajjah Afzan, has been referred to in the media as "A Queen who cares for the people", "The Queen excels in sports", "The people's Queen — adviser and friend to her subjects".

It is her charm, warmth and elegance that have touched the hearts of the people and wherever she meets the people she never fails to leave a deep impression on them.

And so we pray that the seventh Yang di-Pertuan Agong of Malaysia will continue to carry out with dignity and grace, honour and magnanimity the role entrusted to him by the people.

May Allah bless the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong and shower upon them His benevolence and kind mercies, so that they will enjoy good health, good cheer and good fortune for as long as they live.

#### LONG LIVE THE KING

Sultan Haji Ahmad Shah mempunyai kualiti-kualiti yang unik dan aneh dalam hidupnya. Keperibadian Baginda menunjukkan bahawa Baginda seorang yang mempunyai fikiran terbuka. Baginda rasional, berani, penyayang dan pandangan jauh. Setiap langkah yang diambilnya terbit dari lubuk hati Baginda sendiri. Fikirannya tajam dan pengingat. Air mukanya sering tersenyum. Keperibadiannya yang sederhana itulah yang menawan hati rakyat.

Dalam bidang lawatan di-Raja ke kampung-kampung, ke majlis-majlis kebesaran atau sebarang yang melibatkan orang ramai, Baginda selalu benar "melanggar protokol". Tangan Baginda terlalu "ringan" untuk berjabat salam dengan sesiapa juga. Kemesraan Baginda kerana keturunan di-Raja, dan keberanian Baginda pula kerana keperwiraan wataknya — keperwiraannya sebagai seorang tentera. Dan Baginda memang sentiasa megah dan bangga dengan pengalamannya sebagai seorang askar.

Dalam pada sifat-sifat keberaniannya itu, Baginda selalu pula kalah oleh perkara-perkara yang sedih. Baginda mudah menitikkan airmata apabila fikirannya dilintasi oleh perkara-perkara yang terlalu dekat dengan hati Baginda. Pada satu pagi sedang Baginda minum kopi dan melihat akhbar, Baginda terbaca berita mengenai seorang pekedai runcit membakar "stall"nya kerana rayuannya tidak dilayani pihak kuasa. Yang ampunya "stall" itu adalah bekas seorang askar.

Dengan serta merta perasaan riang Baginda itu bertukar menjadi sayu oleh berita tersebut. Baginda bertitah: "Ini tak patut." Baginda menyambung: "Askar itu menyabung nyawa untuk kita semua hidup senang dan mewah." Baginda menelefon mengarahkan Setiausaha Baginda: "Saya hendak laporan penuh. Bekas askar itu perlu ditolong."

Baginda adalah seorang yang suka merendah diri. Sebagai seorang pembesar, apatah lagi Ketua Negara, sifat-sifat demikian sudah tentulah menghadapi masalah protokol. Ini akan melibatkan ramai pegawai yang bertugas. Protokol dalam satu-satu upacara serupalah dengan setandan pinang. Jika tandan pinang itu diturunkan dengan seutas tali dari pokoknya hingga ke tanah, maka senang sangatlah hati si pemanjatnya. Dia boleh memikul tandan pinang itu ke mana-mana sahaja dia ingin pergi. Sebaliknya, jika pula tandan pinang itu terlepas dari tangannya dan jatuh ke tanah, maka terbarailah buah-buah pinang itu. Si pemanjatnya terpaksa mengutip buah-buah pinang itu, memasukkannya ke dalam guni untuk dibawa ke mana-mana.

Begitulah halnya dengan protokol. Sebarang upacara yang diatur mengikut protokol akan memuaskan hati mereka yang bekerja. Sebaliknya, mereka yang menjadi tetamu akan hanya sedap mata memandang sahaja, tetapi terlalu jauh hendak diusik, mahu pun orang ramai berdiri jarak hanya sepemeluk dari VIP itu. Dalam mana-mana istiadat, selain daripada istiadat yang memerlukan "documentation", Baginda selalu melanggar protokol — sekurang-kurangnya berjabat tangan dengan mereka yang berdiri di tepi permaidani merah. "Mereka datang dari jauh untuk berjabat tangan dengan saya," selalu Baginda bertitah. Di tiap-tiap upacara biasanya, orangramai sentiasa merempuh ke depan untuk berjabat tangan dengan Baginda.

Bulan Julai 1980 adalah Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-7. Tiap-tiap upacara telah diuji dan diarah pula supaya yang berkenaan mengikut setiap inci langkah yang telah dicatitkan dalam buku cenderamata. Jamuan Negara diadakan, dengan penyertaan pembesar-pembesar negara dalam dan luar negeri. Baginda Sultan Brunei dan Tuanku Begawan (ayahanda Sultan Brunei) ada bersama-sama.

DYMM Raja-raja turut berbaris untuk berangkat balik. Sepatutnya, Baginda berangkat dahulu sebagai Yang di Pertuan Agong sungguhpun Jamuan di-Raja itu di bawah jemputan Yang di-Pertuan Agong. Baginda berkeras juga hendak berangkat balik kemudian, sekurang-kurangnya selepas Baginda Raja-Raja. Kehendak Baginda itu akhirnya dipersetujui oleh pihak protokol. Memang di Istana Negara segala-galanya berjalan mengikut kehendak protokol.

Selepas Baginda Raja-Raja berangkat, maka Seri Paduka pun bertitah kepada pengawal-pengawal peribadi bahawa Baginda hendak terus ke Padang Kelab Selangor untuk mengucapkan "terimakasih"



kepada hampir-hampir 2,000 orang artis yang mengambil bahagian dalam pertunjukan 'Malam Gembala Ria.' Semalamnya Baginda adalah tetamu agong, dan tidak sempat berjabat salam dengan mereka kerana Baginda berangkat pulang segera malam itu bimbangkan hujan.

Apabila Baginda memberitahu kehendak Baginda di Istana Negara, maka seluruh pihak protokol "panik". Seri Paduka hendak berangkat ke padang tanpa jadual. Lebih-lebih lagi Baginda memakai kebesaran negara. Kawalan tidak disediakan, sedang jalan raja pula penuh sesak. Baginda hendak berangkat juga dengan berkata: "Esok mereka balik."

Titah Raja disambut. Titah Raja dijunjung. Kehendak Baginda dituruti. Dan mereka yang berkenaan menjalankan tugas dengan serta merta. Dalam masa beberapa minit saja selepas Baginda melahirkan hasratnya kepada protokol-hendak ke Padang Kelab Selangor, maka Baginda sudah berada di padang tersebut lebih kurang tiga batu dari Istana Negara. Baginda berjabat tangan dengan semua artis, berjabat tangan dengan penuh uniform. Protokol kelamkabut, tetapi mereka tidak menyangkakan dapat berjabat tangan dengan Baginda menadah tangan ke langit tanda kesyukuran.

Satu malam sebelum "krisis protokol" ini, Baginda bersama-sama pembesar-pembesar negeri yang lain Raja-Raja Melayu serta Yang Di Pertua Negeri, Menteri-Menteri, Wakil-Wakil Negara Asing dan pembesar-pembesar lain sudah pun membanjiri Padang Kelab Selangor menonton pementasan Perdana. Pada malam itu, Baginda tidak dapat bermesra dengan artis-artis kerana susunan protokol.

Padang Kelab Selangor mempunyai sejarah yang tersendiri. Di sini-lah pada 30 Ogos 1957 bendera Union Jack diturunkan kali akhir di bumi ini. Upacara menurunkan Union Jack tidak dapat dibuat pada hari kemerdekaan, iaitu 31 Ogos 1957, kerana pihak British mendakwa Tanah Melayu tidak pernah dijajah British, sebaliknya hanya merupakan sebuah negara naungan British sahaja.

'Malam Gembala Ria' menyambut Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-7 juga mencatat sejarah yang tersendiri. Pertunjukan yang begitu besar telah dibanjiri manusia dari segenap lapisan masyarakat. Ini bukanlah sesuatu yang luarbiasa. Apa yang menarik perhatian ramai ialah pada 'Malam Gembala Ria' itu soal keselamatan tidak dihiraukan sangat. Kawalan adalah begitu minima. Penonton-penonton riuh dengan keseronokan. Tapi ada yang berasa bimbang mengadakan pertunjukan begitu besar di tengah-tengah padang dengan semua pembesar negara berada di situ. Menteri Keselamatan Dalam Negeri waktu itu Tan Sri Ghazali Shafie memberi jaminan tiada apa yang membimbangkan. Apa yang dikatakannya itu betul. Penonton-penonton sendiri menumpukan sepenuh minat kepada pertunjukan itu. Penonton-penonton mendakwa ini juga merupakan "Daulat Tuanku Yang di-Pertuan

Agong Ke-7". Kalau pun ada yang riuh ialah kerana tidak dapat dekat dengan Baginda.

Dan sudah menjadi kebiasaan di mana-mana sahaja Baginda berangkat, khususnya ke temasya sukan, keberangkatan tiba Baginda itu disambut oleh "Negaraku" yang dinyanyikan sendiri penonton- penonton secara spontan.

Lawatan Baginda ke kampung-kampung selalu menarik perhatian mereka yang tidak memahaminya. Sudah menjadi tradisi kepada rakyat kampung datang beramai-ramai untuk diterima mengadap. Upacara itu kadangkala mengambil masa hampir setengah hari. Selalunya dikhasikan pada hari akhir. Apa yang menarik perhatian ialah hadiah yang disumbangkan Kebawah Duli Baginda oleh orang ramai. Ada yang membawa ayam, itik dan kambing. Ada pula yang membawakan beras, kelapa, pisang dan madu lebah. Baginda menerimanya dengan senyum — tidak mengira apa yang dibawa mereka.

Kepercayaan rakyat Kebawah Duli Baginda adalah nekad. Ada yang sakit. Pesakit itu diusung untuk mendapat jampi dari Baginda. Dan setiap kali pesakit dibawa mengadap, maka Baginda selalu bertitah: "bawa dia ke hospital." Tapi, kepercayaan orang-orang kampung sukar dapat ditolak. Mahu tidak mahu, Baginda membacakan juga ayat-ayat Quran meminta kepada Illahi untuk disembuhkan pesakit itu.

Ada yang membawa "bolai" atau "air botol" untuk mendapatkan penawar. Apabila ditanya kepada orang-orang kampung mereka berbuat begitu, ramai yang menjawab semata-mata mereka benar-benar percaya yang raja sahaja boleh mengubat "penyakit raja." Istilah "penyakit raja" ini amat aneh — setiap penyakit yang tidak mahu sembuh diistilahkan sebagai "penyakit raja". Mereka menunggu kedatangan Baginda ke kampung-kampung untuk mendapatkan air penawar itu.

Dengan pertolongan Allah ramai pesakit itu sembuh. Tiada siapa yang mengetahui apakah hikmatnya. Yang diketahui semata-mata Baginda meminta kepada Allah untuk menyembuhkan penyakit itu. Mengikut kepercayaan rakyat, ayahanda Baginda Al-Marhum Sultan Abu Bakar juga dahulunya dikerumuni rakyat untuk mendapatkan "jampi" bagi penyakit raja ini. Mereka yang dekat dengan Baginda pun tidak mengetahui hikmatnya. Apa yang diberitahu Baginda semata-mata supaya berserah kepada Allah.

Kepercayaan rakyat kampung kepada Kebawah Duli Baginda Sultan Haji Ahmad Shah memang memuncak. Dalam tahun 1980, misalnya, pokok-pokok buah-buahan di kampung-kampung begitu menjadi dengan musimnya. Musim buah-buahan tiba dalam musim Pertabalan Baginda. Ini juga disebut rakyat sebagai "Daulat Tuanku". Mungkin

benar dan mungkin tidak. Tetapi tidak dapat dinafikan kepercayaan rakyat terhadap kedaulatan Baginda itu.

Perasaan dan kesayangan rakyat terhadap Baginda tidak diragukan lagi. Ini jelas terbukti di mana-mana sahaja Baginda berangkat. Setiap hari Jumaat di Kuala Lumpur Baginda berangkat menunaikan Fardhu Jumaat di masjid-masjid dalam lingkungan kawasan Ibukota. Baginda berkunjung dari sebuah masjid ke sebuah masjid, dan di mana sahaja Baginda berada maka orang ramai pun datang untuk berjabat tangan. Pada Hari Raya tahun 1980 Hari Raya pertama Baginda di Ibukota sebelum pertabalan pengumuman dibuat hanya malam raya mengenai rumah terbuka di Rumah Malaysia. Pada hari raya kedua Rumah Malaysia dibanjiri rakyat dari segenap lapisan dan semua keturunan agama dan bangsa. Mereka datang mengucapkan selamat Hari Raya Kebawah Duli. Beribu-ribu yang datang.

Persiapan hanya untuk dua ribu orang, tapi khabarnya lebih enam ribu orang yang datang. Seluruh anggota Rumah Malaysia terpaksa bekejar ke hotel-hotel dan ke kedai-kedai untuk mencari kuih-muih sebagai tambahan. Dalam tahun 1980 selepas pertabalan, Rumah Terbuka diadakan di Istana Negara. Kali ini pihak Istana menyiapkan hidangan untuk hanya antara 10 ke 12 ribu orang. Telah diadakan pembancian di pintu masuk. Baginda berdiri empat jam di sebelah padi dan dua jam di sebelah petang untuk berjabat salam dengan setiap orang yang datang. Pada petang akhirnya didapati yang menziarahi Kebawah Duli berjumlah 25,320 orang.

## Musuh Kita

---



ultan Haji Ahmad Shah adalah seorang yang berpegang kuat kepada agama dan pentadbir urusan agama yang pintar. Baginda berpegang kepada prinsip bahawa seseorang mesti mempunyai agama sebagai landasan dan panduan hidupnya. Dengan pegangan agama yang sangat kuat itu, maka baginda sentiasa sensitif terhadap sebarang "ideologi politik" yang tidak mengakui dan menghormati keagungan agama, khususnya Islam. Baginda tidak mengiktiraf sebarang fahaman politik termasuk Ekstrim Sosialis, kerana Baginda menganggap sosialisma adalah rakan komunis dan pro-komunis. Baginda menganggap ahli politik yang berpuak ke kiri ini akhirnya adalah anti monarki (Raja). Maka itulah Baginda dengan sendirinya anti-komunis, kerana Baginda tidak dapat menukar tafsiran bahawa ideologi komunis adalah anti-agama dan komunis tidak mengakui wujudnya Tuhan. Blok komunis — sama ada komunis ala Russia atau ala Peking atau pun Tito (yang kononnya dianggap neutral) — adalah serupa sahaja kepada Baginda dalam hubungan mereka menentang agama. Komunis menganggap agama sebagai "candu" sahaja. Dan pendapat Baginda itu tidak dapat dinafikan. Baginda lebih teguh dengan sikapnya "anti" parti-parti puak kiri selepas Musa Ahmad balik ke pangkuan rakyat.

Musa Ahmad adalah Pengerusi Parti Komunis Malaya dan berkecimpung dalam gelombang ideologi komunis selama lebih dari 30 tahun. Beliau hanya insaf, bertaubat dan balik ke pangkal jalan selepas berada di Negeri China selama lebih 25 tahun. Musa yang belajar di Almashor, Pulau Pinang, mirip ke sifat-sifat "sosialis" dan berganding bahu dengan nasionalis Melayu, tapi kemudiannya mendekatkan dirinya kepada gerakan anasir-anasir pro komunis. Beliau sanggup menukar namanya kepada nama China Peh Wen manakala pemimpin komunis

Chin Peng pula menggunakan nama Melayu Majid. Seorang lagi komunis China, Chong Chin Nam, menurut Musa Ahmad, menggunakan pula nama Hashim.

Musa Ahmad mengambil masa lebih dari 30 tahun untuk mengetahui tentang keburukan komunis dengan sebenar-benarnya. Beliau terpengaruh oleh komunis semasa beliau condong ke pergerakan sosialis. Melalui RTM pada 6 Januari, 1981 Musa Ahmad menasihatkan orang-orang Melayu khasnya supaya insaf bahawa komunis berbuat apa sahaja untuk mencapai tujuannya. Komunis, katanya, tidak mengira pantang larang orang-orang Melayu, tidak mengira adat resam orang Melayu dan tidak juga mengira kepercayaan agama. Katanya lagi:

"Saya suami isteri terpaksa berpisah dengan dua orang anak yang dilahirkan dalam hutan untuk dibesarkan di luar. Shamsiah Pakeh pula (seorang lagi komunis Melayu) terpaksa mencampakkan bayinya yang berumur tiga bulan ke dalam sungai kerana bimbang tangisan bayi itu akan membahayakan keselamatan unit pengganas tersebut."

Pada Komunis tidak ada sifat-sifat manusia yang beriman, tidak ada peri kemanusiaan, dan tidak ada pedoman hidup.

Taktik komunis yang mengakui kebebasan agama telah menggelincirkan banyak negara, termasuk negara Islam, ke dalam perangkap komunis. Biasanya sesudah sesebuah negara itu sudah dilanda ideologi komunis, barulah mereka sedar, tetapi sudah terlambat. Banyak contohnya. Indonesia adalah salah satu daripadanya. dalam pemerintahan Soekarno, Indonesia pro komunis. Dan hanya selepas pihak komunis cuba hendak mengadakan pemberontakan dalam tahun enam puluhan sahaja, barulah rakyat Indonesia sedar komunis itu tidak boleh bersepakat dengan golongan agama.

Di Malaysia pula, sungguhpun darurat diistiharkan dalam tahun 1948, tetapi orang-orang Melayu mengetahui sikap dan motif komunis lebih dahulu dari itu, iaitu sebaik sahaja askar-askar Jepun menyerah kalah.

Dalam pemerintahan Jepun, komunis Malaya pro-British, dan berperang untuk membawa British balik ke tanahair. Gimik mereka itu diterima oleh setengah-setengah rakyat, kerana askar Jepun memerintah negeri ini dengan kekerasan waktu itu. Ada antara orang-orang Melayu yang menganut falsafah politik kiri terpengaruh lalu menyertai komunis hingga ke satu masa. Apabila BMA bertapak orang-orang Melayu yang sudahpun berfahaman komunis seperti Rashid Mydin, Wan Ali, Manap, (Manap Jepun) dan Samah yang sudah ta'asob dengan ideologi komunis masuk hutan meneruskan peperangan mereka.

Dalam masa 14 hari yang dikenal sebagai pemerintah Bintang Tiga, Pahang telah menjadi medan perang. Orang-orang Melayu dibunuh dan

rumah dibakar. Mereka ini tidak mahu mengikut komunis, maka itulah padahnya. Raub, Bentong dan Termerloh merupakan daerah keganasan. Dua orang anak beranak orang-orang Melayu telah ditanam hidup-hidup dalam satu kubur di Karak. Penghulu-penghulu pemimpin kampung pula ditembak di waktu senja. Pendek kata, keganasan mereka dalam 14 hari sebelum pemerintahan BMA tiba itu sudah cukup menyedarkan orang-orang Melayu bahawa komunis ini tidak boleh diterima.

Dengan kedatangan BMA, dan mereka yang benar-benar terpedaya oleh ideologi komunis masuk ke hutan untuk mengatur strategi berperang secara militan. Pemerintahan Bintang Tiga telah menyedarkan orang-orang Melayu Semenanjung bahawa sebenarnya pada komunis tiada pantang larang dan tiada peri kemanusiaan. Dan dalam bentuknya yang tersendiri, kedatangan Bintang Tiga itu bolehlah dikatakan semacam "rahmat" yang tersembunyi bagi orang-orang Melayu yang beriman.

Dalam masa Pemerintahan Bintang Tiga itu daerah Raub dan Bentonglah menjadi sarang komunis. Orang-orang Melayu di Batu Talam sempat mengatur garisan perjuangan menentang komunis. Pendekar-pendekar Melayu telah menyambut cabaran komunis. Komunis tewas dengan keris dan badek dari tangan orang-orang Melayu. Satu kemegahan bagi keperwiraan Melayu di Pahang. Komunis tidak dapat mengangkat muka.

Dengan pengistiharan darurat dalam tahun 1948, maka identiti komunis semakin jelas. Mereka masih meneruskan keganasannya, membunuh askar-askar Melayu, belia dan polis. Mereka membakar bas dan merosakkan pokok-pokok getah bagi merencatkan ekonomi negeri. Lombong turut dirosakkan, sementara pusat-pusat ekonomi yang lain dibinasakan juga.

Perjuangan komunis itu terus berlanjut. Sungguhpun mereka cuba menawan negara ini secara kekerasan dalam tahun 1969, tetapi gagal kerana orang Melayu tidak boleh dipengaruhi semudah dulu.

Sungguhpun kemudiannya kerajaan mengiktiraf negara-negara komunis, tetapi langkah tersebut dilakukan lebih sebagai memenuhi hubungan antarabangsa dan untuk gabungan dagangan. Lagi pun negara-negara itu adalah ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu. Tapi kita tetap tidak dapat berkompromi dengan komunis di dalam negeri. Perlembagaan antara lain meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi. Dalam Rukun Negara yang mengandungi lima prinsip itu termasuklah kepercayaan kepada Tuhan.

Keyakinan rakyat terhadap keganasan komunis lebih mendalam selepas persidangan kemuncak antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng di Baling, tahun 1956 — selepas Parti Perikatan mencapai

kemenangan gemilang dalam pilihanraya pertama tahun 1955. Dalam rundingan merdeka dengan Kerajaan British di London Tunku membawa balik kuasa pertahanan ke tangan anak negeri. Rombongan Merdeka Tunku itu juga turut membawa balik tarikh kemerdekaan — 31hb, Ogos, 1957.

Ching Peng berjanji meletakkan senjata jika Tanah Melayu merdeka. Tapi apakah yang mereka buat selepas merdeka? Mereka menimbulkan pula gimik kononnya merdeka yang dicapai itu adalah "merdeka tidak masak". Sudah tentu komunis MCP dipengaruhi oleh komunis Indonesia di waktu itu. Slogan komunis bertambah kuat apabila Sabah, Sarawak dan Singapura merdeka melalui Malaysia. Komunis menjeritkan slogan: "Tunku Abdul Rahman adalah neo-colonialist".

Sungguhpun Tunku tahu komunis tidak akan menyerah diri, tapi Tunku masih sanggup juga ke sidang kemuncak di Baling itu.

"Summit Baling" itu memanglah gentlemen. Chin Peng dan rakan-rakannya balik semula ke dalam hutan. Tidak ada tembakan. Dapat disaksikan dalam fikiran rakyat bagaimana usaha Tunku, dan bagaimana boleh musuh duduk di satu meja, tetapi Tunku tidak menggunakan kuasanya untuk meruntuhkan sidang kemuncak itu. Sebenarnya Tunku mengukur kekuatan komunis dari dekat. Dan selepas pertemuan itu jugalah Tunku berkata: "Once a communist always a communist."

Sungguhpun Tunku, David Marshall dan Chen Lock Tan berhadapan dengan Chin Peng dan rakannya termasuk Rashid Mydin, tetapi sebenarnya seluruh rakyat berhadapan dengan komunis. "Summit" itulah juga yang menyakinkan rakyat bahawa komunis tidak boleh dibuat kawan. Bukan itu sahaja. Selepas sidang kemuncak itu, komunis masih juga cuba menunjukkan kekuatannya dan keganasannya dari dalam hutan.

Di waktu itu Sultan Ahmad Shah belum lagi menjadi Raja Pahang. Tetapi, Baginda sudahpun bergelar Tengku Mahkota.

"Persidangan Kemuncak Tunku — Chin Peng itu telah menguatkan lagi pendirian saya anti-komunis, titah Seri Paduka. Bekerjasama dengan komunis itu adalah satu keperluan kerajaan di peringkat antarabangsa, tetapi ideologi komunis tidak boleh divedok. Sebagai seorang raja, maka komunis bukanlah kawan. Tidak ada komunis yang boleh menjaga taraf raja. Sihanouk adalah satu contoh. Dengan itu, saya adalah anti ideologi komunis samaada sebagai seorang Islam atau pun seorang Raja. Saya tidak akan membiarkan sebarang unsur atau ideologi atau isme atau kerabat komunis bertapak di bumi ini. Takhta lebih mahal dari harga nyawa saya dan saya akan perangi elemen-elemen ini seperti kata pepatah "biar putih tulang jangan putih mata". Saya hanya percaya kepada konsep demokrasi dan peraturan yang berpegang kepada rukun dan undang-undang," titah Baginda.

Keganasan MCP dalam tempoh 14 hari memang pahit dan maung. Peristiwa getir di Raub dan Bentong itu memang perlu sangat diketahui rakyat, khasnya golongan muda. Pengalaman Tunku Abdul Rahman menghadapi Chin Peng perlu diberitahu kepada golongan muda ini. Tunku sendiri selalu memberitahu umum tentang nasihatnya kepada Sihanouk. Tunku pernah nasihatkan Sihanouk supaya jangan berbaik dengan komunis (*don't flirt with the communists*), dan perhatikanlah apa akibatnya pada Sihanouk sekarang... hilang takhta dan hilang rakyat. Satu lagi yang sentiasa bergema kepada mereka yang anti-komunis ialah kata-kata Chin Peng kepada Tunku, kata-kata yang selalu Tunku sebutkan bila saja soal komunis ini timbul. Chin Peng memberitahu Tunku: "I am a communist, you are non-communist and between us we can never be friends." ("Saya komunis Tunku bukan komunis dan antara kita tidak akan dapat menjadi sahabat").

Sikap anti-komunis Kebawah Duli Tuanku itu tidak dapat dipersoalkan. Sikapnya itu lebih dimengertikan selepas dikaji peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar negeri. Jika seseorang itu anti-komunis, akan dibunuh dengan serta merta bila saja komunis berkuasa. Tetapi jika pula dia bersemenda dengan komunis, maka seseorang itu akan diazab dan disengsarakan oleh komunis, tidak dibunuh sekali gus.

Afghanistan adalah satu lagi contoh terdekat dengan cara-cara hidup yang dihasak komunis. Negara itu bermula sebagai sebuah negara Islam yang mempunyai sistem beraja. Jirannya Russia yang mempunyai lebih dari 40 juta umat Islam baka. Kuasa politik di Afghanistan terpengaruh oleh "slogan" Russia memupuk orang-orang Islam di Russia. Dengan itu, lahirlah gimik "Islamic Socialism" dalam Afghanistan. Dengan berkobarnya semangat dan slogan "Islamic Socialism" ini, maka kedudukan sistem beraja pun semakin terancam. Ini adalah peringkat pertama kemeresapan kuman ideologi komunis. Kepada komunis masa tidak penting. Komunis sanggup menunggu. Peringkat menolak sistem beraja itu mengambil masa beberapa tahun, seperti juga peperangan Indochina yang mengambil masa lebih dari 20 tahun. Komunis terus meracun fikiran rakyat ke peringkat tiada ketahanan lagi untuk menentang mereka. Pada peringkat kedua selepas sistem beraja diketepikan wujudlah sebuah republik untuk beberapa lama. Berbagai cara dijalankan untuk meresapkan pengaruh komunis ke dalam masyarakat Afghanistan. Akhirnya diadakan satu *coup de'tat* yang "hero"nya disokong oleh tentera Russia dan Kerajaan di bawah pimpinan baru itu pun menjadi kerajaan "proxi" Russia. Harapan untuk kembali kepada sebuah negara Islam adalah susah sekali. Pihak Russia tidak akan begitu mudah untuk berundur lagi dari bumi Afghanistan. Harapan yang ada semata-mata untuk rakyat Islam jati di Afghanistan bermuafakat dengan rakyat Islam jitu di Russia bagi mempengaruhi dan meneutralise. Ini mungkin



berlaku. Pope John Paul II datangnya dari sebuah negara satelit komunis. Oleh kerana pengaruh Kristian, khususnya Katholik kuat, maka ideologi komunis negeri itu dapat diperimbang dan diperjinak oleh pengaruh agama. Teori ini juga boleh dilakukan oleh umat Islam di Afghanistan dengan umat Islam di Russia — soalnya bergantung pada masa semamata. Jika pejuang-pejuang Islam itu tidak "dibeli" oleh komunis, ada kemungkinan pada satu hari nanti mereka akan berkomplot untuk melemahkan komunis di Russia. Untuk sekarang ini harapan mereka amat jauh sekali.

Resapan ideologi komunis ke dalam sanubari manusia, mengikut teori Russia, adalah halus. Russia mementingkan cara diplomasi untuk menawan hati orang lain. Cara Russia itu jelas kelihatan dan dibandingkan dengan cara Peking di bawah Mao dulu yang penduduk-penduduknya dulu berpegang kuat dengan agama Islam. Jelas kelihatan di kawasan-kawasan ini ada perbezaan hatta dalam satu keluarga pun kerana kepercayaan masing-masing. Golongan tua masih pergi ke masjid dan surau yang dibinanya sendiri. Sungguhpun dalam gambar kelihatan masjid-masjid berwarna warni, tetapi yang selalu ditunjukkan dalam gambar hanyalah menaranya sahaja yang menjulang ke langit. Bila seseorang masuk ke dalam masjid, terlihatlah dinding atau tingkapnya bergoyang, boleh tumbang jika ditolak dengan lidah sahaja. Pintu-pintunya, kata orang, macam pintu Abu Nawas. Bila ditanya tentangnya pemandu pelancong biasanya akan menjawab: "Ini ialah untuk dijadikan simbol keagongan Islam dulu. Sebaliknya, mereka tidak pula dapat menunjukkan usaha menjadikan Islam sesuai dengan keadaan zaman sekarang."

Cara komunis ialah menerusi sistem pelajarannya. Mereka yang pernah berbincang dengan pendidik-pendidik di Russia, nescaya akan dapat penerangan sistem pelajaran mengenainya lebih kurang begini:

Gereja dipisahkan dari negara dan sekolah pula dari gereja. Ini memang telah diistiharkan khas oleh Lenin dalam bulan Januari 1918, dan telah pun termaktub dalam Perlembagaan Pemisahan Gereja dari pentadbiran negara ini tidak pula menyekat penganut-penganut agama dan hak gereja untuk memenuhi kehendak agamanya serta berdakwah dan pada masa yang sama mengadakan peruntukan dan peluang kepada penduduk-penduduk "educational atheistic work."

Apa yang dimaksudkan di sini ialah membendung di kalangan rakyat Soviet, khususnya di kalangan golongan muda, satu pendekatan yang benar-benar berasas kepada saintifik dan materialistik ke alam semulajadi serta asal usul manusia. Sekolah-sekolah Soviet mengutamakan tanggungjawabnya ke atas usaha "atheistic education of young people, fostering in them materialistic views and communist

moral standards which embrace all the best that has been created by humanity throughout its long history."

Soal "atheistic and materialistic approach" kepada pendidikan adalah penting di sini. Konsep ini ditekankan kepada kanak-kanak sejak mereka dikenalkan kepada dunia pendidikan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan satu corak masyarakat yang mempunyai "communist morale standard" sebagai unsur perpaduannya. Cara pendidikannya bermula dari sekolah "nursery" atau kindergarten, sekolah biasa rendah dan menengah dan ke universiti. Seseorang anak itu diasuh melalui sistem pendidikan "atheistic and materialise" hampir-hampir suku abad hayatnya. Tambahan pula soal "religious education"nya terserah kepada seseorang anak itu sahaja. Masa untuk membaca buku sudah pun mengeneipkan semua sekali anak-anak itu untuk menumpukan kepada soal agama kerana agama tidak ada dalam kurikulum sekolah. Dengan sistem demikian, maka sudah tentulah seseorang anak lebih memberatkan pendidikan yang diasaskan oleh pihak pentadbiran daripada yang diasaskan agama. Kecenderungan murid lebih kabur dan muram lagi kerana sebagai seorang manusia maka anak-anak itu lebih menumpukan kepada pendidikan yang ada "economic value". Sistem ini berjaya. Sistem ini dapat menyatukan segenap lapisan masyarakat daripada apa keturunan sekalipun. Bezanya ialah penyatuan kaum atau "asemilation of society" itu tidak berasaskan kepada agama tetapi semata-mata kepada kebendaan sahaja.

Dengan lain-lain perkataan, asuhan dunia semata-mata, dan tidak ada langsung asuhan kepada akhirat. Ini sudah berlawanan dengan konsep Islam yang menekankan kepentingan dunia dan juga persiapan untuk akhirat. Dengan asuhan ala "atheistic dan materialistic" bagi mewujudkan "communist moral standard" itu, maka dengan sendirinya anak-anak itu tidak percaya kepada wujudnya Tuhan kerana falsafah komunis atau ideologi komunis menafikan wujudnya Tuhan dan menganggap agama itu candu semata-mata.

Masalah ini lebih jelas jika kita bandingkan dengan sistem pendidikan Malaysia. Di tanahair kita, agama tidak diketepikan dalam Perlembagaan. Malah agama Islam agama rasmi, dan agama-agama lain bebas dikerjakan. Rukun Negara mengutamakan soal "kepercayaan kepada Tuhan." Ini penting dan ini menunjukkan bahawa agama itu adalah diharapkan agama itu dijadikan panduan hidup. Dengan konsep itu juga bermaknalah bahawa kerajaan kita berkehendakkan setiap manusia itu mempunyai agama dan menjadikan agama itu sebagai panduan hidup. Agama adalah suci. Langkah ini lebih bertambah kuat dengan adanya satu sistem pendidikan kebangsaan yang juga agama itu dimasukkan ke dalam kurikulumnya.

Agama Islam di negara kita dipelihara dan terjamin. Pentadbirannya

diletakkan di bawah ketua negara iaitu bagi negeri yang tidak mempunyai raja seperti Melaka, Pulau Pinang, Wilayah, Sabah dan Sarawak, dan bagi negeri-negeri lain maka agama itu dipegang sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Raja sebagai raja yang berdaulat. Ini jelas menunjukkan bahawa agama itu diletakkan di atas yang diperlu dan dikehendaki oleh Allah.

Tafsiran komunis mengenai agama ini ialah bebas untuk sesiapa hendak menganutinya. Ini bergema dan yang sebenarnya adalah berupa gimik dan boleh juga dikatakan benar. Kepada mereka yang sudah kuat dengan didikan agama, maka pegangan hidup terhadap agama itu kuat dan iman mereka pun kuat. Tetapi kepada generasi muda yang tidak diasuh dengan agama maka sudah tentu agama itu akan berupa 'a dying force'. Generasi tua akan pergi tidak lama lagi dan generasi muda tidak mengambil berat atas agama. Maka jawabnya generasi muda itu akan menjadi 'Islam baka sahaja.'

Sebagai contoh ialah Rukun Islam kelima menunaikan fardhu haji. Bagi umat Islam mengukuhkan ekonominya antaranya ialah untuk menjadi bekal di Mekah. Kepada mereka yang diasuh secara "atheistic dan materialistic" sebagai moral standard mereka, maka perbelanjaan untuk memenuhi kehendak agama itu adalah membazir belaka.

Sikap ideologi komunis dengan agama ini sepertilah cerita Sang Kancil dengan buah rambutan di seberang sungai. Sang Kancil nampak buah rambutan di seberang itu sedang masak ranum. Sungai itu penuh dengan buaya. Mustahil bagi Sang Kancil hendak menyeberang ke seberang sana. Buah-buah rambutan itu begitu berselera dilihat. Memanglah Kancil dapat ilham dan bercakap dengan Sang Buaya dengan arahan itu Nabi Allah Sulaiman hendak mengetahui ada berapa ekor dalam sungai itu ta'at kepada Nabi Sulaiman. Buaya pun timbul menjadikan jambatan untuk Sang Kancil menyeberang. Kancil dapat makan buah-buah dan Sang Buaya diperbodoh-bodohkan. Itu adalah zaman Nabi Sulaiman — semua haiwan boleh bercakap. Soalnya, berapa orangkah masyarakat Islam di negeri komunis itu yang mempunyai fikiran Sang Kancil dalam zaman Nabi Sulaiman?



*Yang di-Pertuan Agong bersama keluarga dalam perjalanan mengerjakan Umrah. Paling kanan ialah puteri Baginda yang kedua — Tengku Easah.*



*Sultan Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah berbual dengan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Lapanganterbang Seri Begawan untuk menyaksikan pertandingan polo antarabangsa di Brunei. Rombongan tersebut akan berada selama enam hari bermula 4 Mac 1980.*



*Maharaja Hirohito kelihatan sedang menyambut mesra Yang di-Pertuan Agong ketika Baginda mengadakan lawatan rasmi ke Negeri Jepun baru-baru ini.*



*Tuamku disambut dengan penuh adat istiadat di Sarawak diringi oleh Ketua Menteri Dato Patinggi Taib Mahmud.*



*Dengan pakaian lengkap Laksamana Laut yang gah, Tuanku diiringi oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Haji Mohd. Adnan Robert dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh ke sambutan keberangkatan Baginda di Sabah.*



*Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sedang berbual mesra dengan Presiden Chun Doo Hwan dan Puan Chun di Istana Chong Wa Dae, Korea Selatan.*



*Yang di-Pertuan Agong dan rombongan di-Raja disambut oleh rombongan di-Raja Arab Saudi. Di sebelah Baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Putera Fahd. Ketua protokol di-Raja Arab Saudi dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Dato' Haji Kamaruddin bin Isa.*



*Yang di-Pertuan Agong berangkat melawat Taman Mini Indonesia, tertarik menyaksikan mereka yang menyambutnya secara penuh budaya.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang diiringi oleh Presiden Suharto ketika keberangkatan Baginda melawat Indonesia pada tahun 1981.*

## Ke Medan Perang

---



Peperangan adalah semacam satu "fashion" hari ini samada peperangan antara negara kecil ataupun antara negara besar. Sungguhpun Perang Dunia Kedua sudah tamat, dan setengah-setengah negara telah terbahagi sebagai "farait" untuk memenuhi kehendak politik pihak-pihak tertentu, tetapi peperangan masih tetap terus berlaku di beberapa bahagian dunia. Perang Vietnam berlanjutan lebih dari 20 tahun dan Timur Tengah masih bergolak terus. Negera-negara Afrika masih membara di peta dunia. Perang ini berjangkit. Bezanya antara Perang Dunia Kedua dengan peperangan yang sedang berlangsung sekarang ialah yang satu perang secara rasmi, umumnya antara dua buah negara kecil, manakala Perang Ke 2 satu antara blok besar, sementara yang satu lagi antara blok kecil.

Tapi biarpun perangnya antara dua buah negara kecil, biasanya masing-masing masih didalangi kuasa-kuasa besar. Ada negara yang berperang kerana perbezaan ideologi politik, ada pula yang berperang sekadar untuk merebut kekayaan negara asing. Tidak kurang juga yang berperang oleh dorongan kuasa politik dan gangguan untuk menaikkan atau mempengaruhi satu mazhab agama.

Malaysia juga tidak sunyi dari peperangan. Perang gerila melawan komunis di Malaysia berlanjutan selama 12 tahun (1948—1960) iaitu perang antara pihak yang mempercayai wujudnya Tuhan dengan pihak yang mengingkari wujudnya Tuhan. Berbagai usaha untuk mengikis kuman peperangan di Malaysia ini tidak berhasil.

Dalam tahun 1955, selepas Perikatan memenangi pilihanraya dengan cemerlangnya, Tunku Abdul Rahman Putra telah mengadakan satu persidangan kemuncak dengan Chin Peng, Ketua Parti Komunis. Dalam sidang yang diadakan di hutan Baling itu, kedua-duanya tidak berganjak dari pegangan ideologi masing-masing. Tunku dengan pega-



ngan Islam dan semangat nasionalisme, manakala Chin Peng dengan ideologi komunisnya. Sikap Tunku dalam peristiwa dengan Chin Peng ini "once a communist always a communist" (sekali komunis tetap komunis).

Selepas persidangan kemuncak itu, kedua pemimpin tersebut balik ke medan perjuangan masing-masing — Chin Peng masuk semula ke dalam hutan, sementara Tunku menyusun tenaga rakyat untuk bersatu. Kemerdekaan Tanah Melayu dalam tahun 1957 telah menguatkan kedudukan Tunku dan melemahkan kekuatan komunis. Kerajaan pimpinan Tunku mencapai kemenangan demi kemenangan hingga akhirnya dapat diistiharkan tamatnya pada penghujung Julai, 1960.

Kemenangan rakyat ini mempunyai erti yang besar. Inilah satu-satunya negara yang berjaya mencapai kemenangan di medan peperangan ke atas komunis. Di negeri-negeri lain biasanya samada komunis menang ataupun "seri". Negara-negara seperti Korea dan Vietnam hanya "aman" setelah dibahagi dua!

Sungguh pun darurat tamat di Malaya, tetapi keamanan hanya wujud untuk beberapa waktu sahaja. Dan pada penghujung tahun 1960an pihak musuh sudah mendapat sokongan dari "superpower" dan cuba hendak merampas kuasa negeri ini secara kekerasan. Dengan tenaga rakyat yang sudah memahami taktik dan tujuan komunis, maka usaha mereka itu gagal. Mereka pun menghidupkan aktiviti subversif di bawah tanah. Dengan adanya sokongan luar, maka kumpulan subversif komunis ini pun menimbulkan "drama" dari satu masa ke satu masa.

Semenjak beberapa tahun, peperangan di negeri ini berlangsung secara peperangan gerila. Askar kita yang memang mahir dalam corak peperangan ini menyebabkan musuh beku. Soal yang besar hari ini ialah kemungkinan peperangan "conventional" di negara-negara jiran itu melarat ke negara kita. Negera kita perlu sentiasa waspada dengan taktik perang conventional.

Tahun 1980 merupakan tahun bersejarah. Siri latihan peperangan "conventional" dengan nama "Gonzales" telah diadakan. Pada mulanya latihan itu diadakan di Terengganu antara askar-askar darat. Di sebelah utara, iaitu di antara hutan Perak dengan Kelantan telah diadakan pula latihan bersama tentera darat dan tentera udara. Ada satu lagi siri latihan dijayakan bersama oleh ketiga-tiga angkatan tentera darat, udara dan laut.

Jiwa ketenteraan memang merupakan darah daging Sultan Haji Ahmad Shah. Dalam mana-mana bualan, Baginda sentiasa menyentuh soal ketenteraan. Baginda kenal; berbual tentang nasib askar-askar; memuji semangat askar-askar dalam tugas; memikirkan masa depan mereka selepas bersara; menyuarakan disiplin askar-askar yang patut diikuti oleh belia. Setidak-tidaknya Baginda akan berbual tentang alat-

alat senjata yang digunakan oleh askar. Baginda banyak tahu tentang nama senjata-senjata itu. Memang hal ehwal ketenteraan begitu hidup dalam jiwa Baginda.

Ayat yang sering Baginda ulangi ialah "I am a soldier, you know". "And once a soldier, always a soldier." Memang dalam sebarang perbualan mengenai askar-askar, Baginda akan sentiasa menganggap dirinya masih seorang askar. Sifat Baginda sebagai seorang askar itu ter-bawa-bawa di mana sahaja. Begitulah dekat dan sebatinya perasaan Baginda terhadap askar-askar ini.

Sebenarnya, ayahanda Baginda Al-Marhum Sultan Abu Bakar juga sangat rapat dengan ketenteraan. Boleh jadi juga secara kebetulan atau secara dirangka ini terjadi, kerana maklumlah Negeri Pahang itu penuh dengan pendekar, perwira dan hulubalang yang handal di zaman dulu. Semangat patriotik mereka ini mengalir dalam nadi pemimpin-pemimpin Pahang hingga ke zaman moden.

Sejarah negeri Pahang memang penuh dengan peperangan hingga ke dekad Sultan Ahmad, Sultan Pahang yang I. Sungguhpun Al-Marhum Sultan Abu Bakar tidak menjadi askar biasa, (mungkin tidak berkesempatan) tetapi rasa sayangnya kepada tentera itu amat jelas. Misalnya, Baginda sanggup membiarkan mana-mana pihak menggunakan pengaruhnya untuk membentuk benteng pertahanan negara.

Kualiti Sultan Abu Bakar dapat dilihat apabila Baginda sendiri membenarkan dirinya menjadi "regular commander" dan menjadi penaung kepada Pasukan Gerila Melayu, Pahang. Pasukan ini ditubuhkan khas untuk menentang Jepun di kawasan Raub dan Lipis, kira-kira pertengahan tahun 1943. Dalam masa pemerintahan Jepun, Al-Marhum masih sanggup menjadi penaung satu pasukan bawah tanah menentang Jepun. Pasukan bawah tanah ini ditubuhkan oleh Yeop Mahiddin (sekarang Dato'). Dan apabila Force 136 bermula di Pahang dalam tahun 1945, asas penubuhannya sudah pun ada. Senang sahajalah Pengaruh Force 136 itu menjalar di Pahang.

Sebagai mengekalkan semangat ketenteraan dalam keluarga di-Raja Pahang maka beberapa orang keluarga di-Raja Pahang telah diarah untuk memasuki tentera. Arahan ini lebih berkesan lagi apabila Baginda menjadi Sultan Pahang dan Ketua Negera Malaysia yang juga menjadi "Supreme Commander of the Armed Forces". Anakanda Baginda bakal Sultan, Tengku Abdullah — Tengku Mahkota — adalah seorang tentera yang mendapat latihan di Sandhurst, United Kingdom. Kecergasan dan ketangkasan Tengku Mahkota terbukti jelas selepas keluar dari Maktab Tentera di England itu.

Dengan kualiti sedemikian, tidaklah menghairankan sesiapa juga bahawa Sultan Haji Ahmad sangat tertarik kepada aktiviti tentera. Semasa sebagai Sultan Pahang pun Baginda sentiasa melawat kem-kem

tentera di merata tempat. Baginda juga adalah Colonel Satu Pasukan Tentera.

Apabila latihan 'Gonzales 4' dilancarkan, Sultan Ahmad Shah menitahkan pegawai-pegawai tentera bahawa Baginda hendak berangkat ke sana, bersemayam dalam hutan dan beradu dalam kem. Pada mulanya ramai yang berasa bimbang, tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana Baginda sendiri sudah memutuskan untuk berangkat ke kawasan latihan perang.

Semasa latihan perang di Terengganu, Seri Paduka Baginda menziarahi askar-askar kita sehari suntuk. Dan dalam latihan perang 'Gonzales 4', Seri Paduka Baginda bukan setakat menziarahi, malah turut menyertai askar-askar itu di medan perang dan turut mencuba alat dan senjata moden itu. Dalam 'Gonzales 4' medan perang ialah di kawasan hutan dekat Sungai Siput di sebelah barat dan Bukit Yong di sebelah Pantai Timur. Seri Paduka Baginda mempelawa saya untuk bersama-sama dengan Baginda di medan perang.

Oleh kerana saya mempunyai urusan di Kedah pada hari yang sama, maka Seri Paduka Baginda berangkat secara berasingan. Tapi mengikut persetujuan, saya akan bertemu mengadap Baginda di "medan perang" pada sebelah petangnya. Saya terpaksa terburu-buru meninggalkan Kedah untuk mengadap Kebawah Duli dalam hutan Sungai Siput, Perak.

Jam 5.00 petang, saya masih lagi berada di Airport Tentera Udara di Raja Butterworth. Hujan sedang renyai-renyai. Beberapa orang pegawai Tentera Udara di-Raja Malaysia kelihatan berjalan ke sana ke mari seolah-olah ada sesuatu yang merungsingkan. Sebuah helikopter jenis Alluet sudah siap sedia lebih kurang 50 ela dari bangunan menunggu. Sebuah kereta Mercedes Benz hijau, beredar masuk ke anjung bangunan menunggu itu. Seluruh pegawai Tentera Udara di-Raja berjalan cepat menuju ke kereta tersebut. Semua memberi tabit hormat secara serentak. Mereka begitu bergaya. Pilot-pilot terdiri dari anak watan yang gagah dan mempunyai kecekapan professional sebagai juruterbang.

Seorang keluar dari Mercedes. Kesemua pegawai berjabat tangan dan mesra dan santai belaka. Seorang pegawai tinggi memberi hormat masa sangat terhadap dan penerbangan helikopter dari Butterworth ke Ipoh mengambil masa lebih satu jam. Cuaca tidak begitu baik. Arahan ialah untuk membawa saya ke Ipoh. Jika tidak, saya terpaksa berkereta lebihkurang tiga jam setengah dalam perjalanan.

Saya berkata: Ada seguni durian. Makan dululah. Nak bawa nanti helikopter berbau pula.

Pegawai: Boleh bawa Dato', tapi sikit sajalah.

Masing-masing cepat menjamah durian. Mereka bimbang kem-

punan. Maklumlah naik kapalterbang. Malang tidak berbau. Apalagi di waktu petang begitu dan cuaca tidak begitu elok pula.

Sambil ketawa, saya bercerita: "Saya baru sahaja mengalami kecemasan kapal terbang minggu lalu. Semua yang ada di situ masih ingat lagi peristiwa penerbangan 6 Jun 1980. Saya dalam penerbangan tersebut. Kapalterbang MAS Fokker yang bertolak dari Kuala Lumpur jam 5.30 petang menuju ke Ipoh itu tidak keluar tayar depannya semasa hendak turun. Kami terpaksa balik ke Kuala Lumpur. Selama dua jam setengah kapalterbang itu berlegar sebelum ia sedia mendarat secara darurat."

Ditakdirkan akhirnya kapalterbang itu mendarat selamat pada jam 7.40 petang. Semua penumpang memberikan sorak "three cheers" kepada pilot dan crewnya.

Perjalanan ke Ipoh mengambil masa lebih kurang satu jam. Sepanjang jalan hujan masih renyai-renyai dan terkadang-kadang petir dan kilat saling menyambut. Saya kecut. Tidak ada bualan. Dalam kapalterbang senyap, kecuali kelihatan dua orang pilot berkumat-kamit melalui wireless.

Sungguh pun helikopter menembusi awan dan menghubungi cuaca buruk, kedua pilot itu tetap sangat tenang. Apabila helikopter itu menghampiri Kuala Kangsar, saya ditanya hendak turun di mana? Ipoh atau Sungai Siput. Pertanyaan itu melalui surat saja. Saya terpaksa berfikir. Jika mendarat di Sungai Siput — destinasi yang dituju — tiada alat-alat yang diperlukan, kenalah mencari padang bola. Jika di Ipoh — sebuah kem tentera — ada keperluan landasan. Saya menulis: KE IPOH.

Tiba di kawasan tentera dekat Ipoh, mula kelihatan enam buah kereta termasuk Land-rover dan tiga buah keretakebal. Saya terperanjat. "Mengapa begitu?"

Pilot menjawab: "Persiapan 'nak bawa Dato' ke medan perang".

Belum pun enjin helikopter ditutup, beberapa orang pegawai menghampiri helikopter itu. Seorang daripadanya menjeritkan:

"Menjunjung titah perintah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dato' dipersila mengadap di medan perang."

"Dato' bolehlah naik mana kereta hendak naik. Dinasihatkan menaiki kereta kebal kerana markas operasi letaknya dalam kawasan bahaya," kata seorang pegawai kanan.

Lokasinya di kawasan hutan sempadan Perak dan Terengganu dan Kelantan, melalui Sungai Siput.

Siapa tidak tahu Sungai Siput, tempat yang sangat berbahaya! Sungai Siput terkenal sebagai sarang pegganas komunis semenjak darurat meletus pada tahun 1948. Tujuan latihan 'Gonzales 4' dilancarkan dari situ jelas menunjukkan pihak pemerintah ingin membersihkan kawasan tersebut dari kegiatan pegganas komunis.

Saya menuju ke arah keretakebal yang bernama "Commondos". Keadaan memang mengerikan kerana hari sudah senja dan cuaca bertambah gelap. Hujan mula turun tidak lebat, tetapi cukup untuk menukar awan senja menjadi cepat gelap.

Keretakebal tersebut besar dan berat. Di depannya pegawai kanan duduk sebelah pemandu; sebelah atas dua orang bersiap sedia dengan machinegun, manakala di dalam pula ada empat tempat duduk — dua sebelah kiri dan dua sebelah kanan. Hawa dalamnya panas. Dan pada satu selekoh kepala saya terantuk dalam kereta itu.

Dari dalam keretakebal memang tidak nampak apa-apa pun di kiri kanan jalan. Gerakgeri pemandu yang nampak. Dalam masa kecemasan pemandu hanya dapat memandangi jalan menerusi tingkap kecil.

Oleh kerana hujan, keretakebal itu pun terkadang-kadang tergelunsur dan terkadang-kadang membuang ke tepi parit.

Setelah hampir satu jam dalam perjalanan melalui jalan-jalan dalam hutan dan jambatan-jambatan sempit, tiba-tiba kelihatan api menerusi tingkap pemandu itu. Lega rasanya hati. Perjalanan hampir tiba.

Keretakebal berhenti. Saya buka pintu. Beberapa orang sudah sedia memapah saya turun. Hujan masih belum berhenti. Keadaan di sekeliling gelap gelita. Dalam kilauan lampu yang menggunakan jentera sendiri, kelihatan beberapa buah khemah dan truk-truk tentera yang celoreng.

Sebaik sahaja turun dari keretakebal terasa seolah-olah berada dalam mimpi. Perjalanan dalam keretakebal itu tadi tidak sedikitpun membayangkan ke mana saya akan dibawa. Dalam keadaan fikiran dan suasana gelita dalam hutan belantara selepas itu, saya merasa seperti ayam terlepas dari kurungan. Saya sungguh termangu-mangu dan insaf rupa-rupanya "beginilah keadaan perajurit-perajurit kita, tidak kenal susah dan bahaya."

Tiba di tempatnya, sesudah turun dari keretakebal, saya masih termangu. Keadaan gelap. Kemuncak gunung dan sebahagian danau hanya kelihatan bila kilat mengenyit sesekali. Berbagai jenis bunyi katak kedengaran dari danau itu, bunyi berupa katak betong, katak demam dan cacing gelang. Dan di kiri kanan pula diselangi bunyi cengkerik. Teringat kepada cerita penjala dengan pontianak.

Dari sinaran kilat seolah-olah kelihatan wajah seorang perempuan, cantik wajahnya. Rambutnya panjang mengembang seperti perempuan baru bangun tidur. Anehnya, sungguhpun kena jala dan air hujan, tetapi lembaga itu tidak basah. Sungguhpun seram tengkok, tapi penjala terpesona oleh kecantikan perempuan itu. Terlupa dia kepada segala-galanya dibungkus dan dipikul wanita itu balik.

Saya dikejutkan oleh isyarat, dan seorang general berkata: "Kebawah

Duli Tuanku sudah berangkat ke khemah rehat. Dato' dipersilakan ke sana."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Per-tuan Agong lengkap dengan uniform bertatah dengan pangkat "Sup-reme Commander of the Armed Forces" berdiri segak. Berdiri dalam khemah dari jauh begitu sukar hendak mengenalnya. Kebawah Duli Tuanku tiada bezanya dari general-general yang lain dalam khemah itu. Seri Paduka begitu bergaya dan segak dalam uniform tentera itu. Ini memanglah, kerana Kebawah Duli Tuanku sendiri memang lebih lama memakai uniform tentera.

"Hello Dato'" titah Seri Paduka berseloroh dalam telor Inggeris. "You missed the volleyball." Sebaik sahaja saya menyembah salam, Kebawah Duli Seri Paduka mula bercerita mengenai pertandingan volleyball petang itu, perlawanan persahabatan antara Pasukan Seri Paduka dengan Pasukan Tentera.

Sepanjang petang itu, seluruh askar dalam operasi Gonzales bercerita mengenai penyertaan Seri Paduka dalam pertandingan volleyball. Berita itu cepat menyerap ke seluruh kem dan pasukan Task Force. Memang ada di antara askar-askar itu yang belum mengetahui sifat Baginda yang gemar bercampur dengan rakyat. Ramai di antara mereka itu meng-geleng kepala ketakjuban olehnya. Saya sendiri terharu mendengarkan "remark" yang begitu mesra dari rakyat dan askar biasa yang menga-dap Baginda kali pertamanya. Dalam pada keseronokan mendengar cerita itu, saya sempat pula menyampuk memberitahu bahawa yang lebih menghairankan ialah Baginda dan Tengku Ampuan (sebelum ber-semayam di atas Takhta Kuala Lumpur) sudah pun bersama petani-petani memulakan upacara-penanam padi di Pekan. Memang sudah men-jadi kelaziman penanam-penanam padi di kampung untuk mengadakan upacara doa' selamat dan memuja padi pada mula musim menuai padi dengan Tuanku.

Seri Paduka Baginda memang tidak mahu melepaskan peluang menyertai rakyat pada bila-bila peluang terbuka. Dengan loghat kam-pung: "Pantang diajak rakyat, Baginda mahu sahaja," kata saya. Se-masa berada di Ulu Tembeling dalam salah satu lawatan Baginda ke kawasan-kawasan luar bandar, Baginda menyertai upacara "tarik tali" bersama rakyat. Upacaranya luar biasa, kerana ia diadakan dalam air sedalam lima kaki.

Memang hebat. Memang terasa tarikan orang-orang kampung yang segar dan sihat itu. Pasukan di-Raja sudah merah-merah muka masih tidak terdaya. Tapi dalam pada bertegang itu, kedengaran suara dari kalangan orangramai: "Jangan beri subsidy!". Ada yang memberi isya-rat kepada pasukan kampung supaya menarik seadanya saja kerana per-tandingan "tarik tali" itu bukanlah untuk kemenangan. Memang pun

benar ia diadakan secara "bidan terjun". Tetapi akhirnya pasukan di-Raja menang! Hanya selepas itu didapati pasukan kampung "foul" kerana jumlah penariknya lebih ramai dari pasukan di-Raja. Dan bila ditanya sebabnya, seorang tua menjawab: "Sengaja hendak bergurau dengan Raja kami." Mereka yang menyaksikannya dari atas tebing Sungai Tembeling, termasuk Tengku Ampuan, kelihatan ketawa berdekah.

Cerita saya itu menawan hati askar-askar kita. Seri Paduka yang berdiri di sebalik depan kem lebih kurang 50 ela dari tempat kami bercerita mengenai keakraban Tuanku dengan rakyat, menyampuk: "Sudahlah, perut makin kosong ni!"

Baginda sedang bersama dengan jenderal-jenderal lain — Jenderal Jamil, Jenderal Daud dan Jenderal Syed Hamzah — yang mengiring Seri Paduka ke khemah santapan di-Raja. Buluh hidup dijadikan bangku. Dan buluh dipacak dijadikan pula meja. Mungkin sebagai seorang keturunan raja dan juga Ketua Negara, seseorang akan merasa kekok dalam situasi demikian. Tetapi Seri Paduka Baginda nampaknya tidak kekok langsung. Baginda bersantap biasa saja seperti askar-askar lain. Inilah keistimewaan Baginda.

Dalam masa bersembang-sembang waktu makan itu, Seri Paduka mengesyorkan supaya saya juga berpakaian seperti tentera, celorong celoreng. Saya memang belum sempat tukar pakaian dan merasa tidak "smart". Serta merta saja seorang berkejar mencari uniform dan kasut bot. Dalam askar kita mesti smart dan penuh disiplin, titah Baginda. Apa hendak dikata? Saya cuma menjawab: "Patik tak boleh segak seperti Tuanku, kerana patik tidak pernah menjalani latihan tentera seperti Tuanku. Patik hanya memakai uniform scout sahaja dan itupun diberi title "scout curi ayam". Masing-masing ketawa berdekah.

Ada yang tersedak mendengarkan Baginda berjenaka. Memang ramai ketua-ketua askar yang belum tahu Baginda gemar berjenaka.

Pegawai yang ditugaskan tadi bawakan boot yang baru dan cantik. "Cubalah," titah Tuanku. Saya seronok dengan boot segak itu, tapi terkial-kial hendak memasukkan tali. Tak masuk. Rupa-rupanya kasut itu terlalu kecil. "Hard luck, Dato'" titah Tuanku. Saya pun memakai kasut sendiri dengan berkata: "Barang lama juga yang baik."

Baginda bersama-sama para jenderal dan pegawai-pegawai tentera terus ke khemah makan malam. Saya terperanjat melihatkan hidangan. Hampir-hampir tak percaya. Semua sajian enak, hatta belum terasa di bibir pun. Jenis masakannya bukan dari barang-barang yang dibeli dari supermarket. Ikan-ikan sungai, pucuk paku dan pucuk cemperai, kerabu, jantung pisang, rebung dan sebagainya. Saya terpesona dengan keistimewaan sajian itu. "Siapa tukang masaknyanya?" terlepas saja dari mulut saya. Seorang jenderal menjawab: "Tentera memang melatih

tukang-tukang masak untuk menyediakan makanan begini kepada askar-askar yang kadang kala lama tidak melihat alam luar.

Makanan yang disajikan memang lazat dan enak.

Hati saya berdebar-debar menunggu acara selanjutnya menembak sasaran musuh. Mortar diletakkan di empat penjuru kawasan. Ke-Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang juga "Commander-In-Chief of the Armed Forces" diiringi ke satu pondok tempat mortar "lead" itu.

Masing-masing memakai penutup telinga. Anak-anak meriam kedengaran sibuk memberikan arahan. Dan begitulah juga anak-anak meriam yang lain sibuk pula memasukkan peluru ke dalam laras meriam. Sebaik sahaja meriam siap untuk ditembak, ketua juru tembak pun menyembah Kebawah Duli menarik pesawat untuk memulakan serangan perang terhadap musuh.

Meriam "mortar" itu jenis termoden dan boleh samai ke targetnya yang jarak jauh. Kami diberitahu pelurunya itu meletup sekali lagi memusnahkan kawasan sekitar tempat jatuhnya. Tempat pertama peluru itu singgah tanahnya berubah menjadi danau kecil.

Letupan pertamanya berdentum seperti gemuruh halilintar dalam hutan belantara di tengah malam itu. Beberapa tembakan lain kemudiannya diatur begitu rupa jika musuh lari bertaburan akibat letupan pertama itu. Dalam siri letupan, maka telinga boleh menjadi "pekak" kalau tidak memakai "ear-mask"

Mereka yang lemah jantung dinasihatkan supaya jauh dari setiap tembakan meriam yang mempunyai kekuatan seperti itu.

Esoknya Seri Paduka dibawa ke medan pertempuran untuk menyaksikan sendiri serangan udara. Sebelum bertolak kami bersarapan di kem. Hidangannya istimewa lagi: ada nasi lemak, roti canai, rebus ubi, kari dan rebus pisang. Sajian itu menyerupai sajian makan tengah hari atau petang. Hairan juga melihatkan hidangan yang begitu "berat". Seorang jenderal merenung saya, bertanya: "Mengapa, Dato' dietkah?"

Tersipu-sipu saya menjawab "tidak".

Kata jenderal itu:

Motto dalam tentera, makan seberapa yang  
boleh apabila mendapat rezeki, kerana tak tahu  
bila rezeki akan datang pula.

Ini besar ertinya kerana mereka memang sentiasa berada dalam keadaan darurat dan tidak tahu bila dapat berihat. Dalam perang soal rihat tidak timbul, soal tidur jauh sekali. Ini perkara biasa kepada seseorang askar

Apabila mereka meninggalkan kem, bekalan mereka lain sekali. "Packed ration". Semua bekalannya hendaklah ringan, tetapi mencukupi. Masakan yang sudah siap adalah perlu. Sebaik-baiknya makanan



yang mempunyai keperluan "instant". Motto mereka yang berada dalam kumpulan operasi ialah: "Makan untuk hidup" dan "Bukan hidup untuk makan." Seseorang askar itu mempunyai kelengkapan yang cukup sama ada dari segi makanan, senjata dan peluru. Semuanya berada belakang masing-masing.

Cara askar bergerak di medan "perang" memang mendapat simpati. Yang berpeluang menziarah mereka dalam masa bertugas saja yang baru tahu. Dan sebarang lawatan dari pihak luar menjadi semacam inspirasi dan galakan pula kepada askar-askar kita. Sekurang-kurangnya mereka merasa dihargai rakyat, apatah lagi dengan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang bukan sahaja Ketua Negera, tetapi juga "Commander-In-Chief of the Armed Forces." Dan di samping itu, Seri Paduka juga selesa pula sebagai seorang askar biasa.

Pergaulan Seri Paduka dengan askar-askar itu mempunyai besar makna kepada mereka. Sifat-sifat Baginda suka "bertanya khabar" dan suka pula berjenaka dengan siapa juga ditemuinya amat menggelikan hati. Ada satu peristiwa sedemikian semasa Seri Paduka berada di medan perang di Bukit Yong (Kelantan). Kisahnya sangat menggelikan hati.

Ceritanya begini: Dalam siri lawatan di-Raja itu Seri Paduka Baginda mengambil kesempatan bertanya khabar kepada mereka yang ditemui. Seri Paduka Baginda tiba di kawasan "logistic", iaitu depot bekalan. Seorang perajurit Malaysia keturunan Sikh bertugas di situ. Dialog mereka lebih kurang begini:

Seri Paduka : Apa ni?

Askar : Bekalan petrol

Seri Paduka : Apa jenis petrolnya?

Askar : Jenis regular.

Seri Paduka : Apa dalam Bahasa Malaysia?

Askar : Jenis biasa, Tuanku.

Seri Paduka : Apa dalam Bahasa Sikh?

Askar itu ternganga senyap gamam. Dia tersipu-sipu.

Askar itu tidak menduga yang Seri Paduka boleh menyoal demikian. Boleh jadi askar itu terlalu berdarah gemuruh ataupun dia tidak begitu faham dengan bahasa ibundanya kerana dilahirkan di bumi Malaysia dan bumi inilah menjadi tempat tumpah darahnya. Semua ketawa mendengar peristiwa itu.

Sungguhpun mereka itu berada dalam hutan dan medan perang, jauh dari suasana moden, tetapi askar-askar itu sentiasa cuba mengalirkan suasana gembira ke dalam kem yang sepi itu. Saya sendiri terpesona menyaksikan askar-askar itu menghiasi khemah mereka dengan perhiasan dari daun-daun kayu dan buluh.

Mereka nampaknya kreatif dapat membuat 'candle light dinner' dengan mengiringkan permainan kaset. 'Candle light' yang didapati di khemah-khemah mereka itu dibuat dari buluh dan kayu. Suasana dan coraknya serupa sahaja.

Saya pernah juga menghadiri jamuan di atas kapal Mutiara (TLDM) dalam satu pemeriksaan Armada di-Raja 1980 di Laut China lebih kurang 60 batu dari Pulau Tioman. Sungguhpun kelasi-kelasi kita berada jauh dari pantai, tetapi mereka berada dalam satu koloni tersendiri. Kapal-kapalnya membawa bekalan-bekalan tertentu. Sungguhpun satu-satu jamuannya diadakan di atas deck suasananya berlainan dari suasana jamuan askar di dalam hutan. Sekurang-kurangnya kelasi-kelasi kapal dalam TLDM ini dapat membawa pakaian-pakaian untuk makan malam.

Gerakan operasi biasanya tidak tentu masa atau hadnya. Sungguhpun masing-masing membawa makanan dan bekalan yang mencukupi, tetapi kerap kali ia tidak mencukupi kerana adakalanya gerakan itu terpaksa dilanjutkan sungguhpun bekalan sudah habis. Jadi apa jalan untuk memberikan makanan tambahan? Kapal terbang. Dulu mereka menggunakan payung terjun, tetapi sekarang barang-barang makanan itu dijatuhkan secara bungkus ringan dengan menggunakan kotak kertas yang keras dibentuk seperti tong. Di sebelah atasnya kertas cardboard itu dibuat seperti "properel" kereta supaya dalam untuk menyekat bungkusannya itu daripada jatuh terhempas. Ini sudah diperkenalkan di kalangan tentera kita dan sebenarnya dicipta sendiri oleh jenderal-jenderal kita.

Satu perkara lain yang sangat menarik perhatian saya ialah ibadat seseorang askar. Sungguhpun mereka lupa kepada rihat, lupa kepada makan, lupa kepada kesenangan dan anak isteri semasa menjalankan tugas, tetapi mereka tidak melupakan Illahi.

Askar kita sentiasa menunaikan sembahyang lima waktu di mana-mana sahaja mereka berada. Mereka sentiasa berdoa' dan meminta kepada Allah S.W.T. agar mereka itu berjaya dalam tugas untuk negara dan agar Allah melindungi mereka daripada sebarang malapetaka. Mereka juga sentiasa meminta kepada Tuhan untuk mencapai kemenangan. Apa yang mereka harapkan kepada Tuhan untuk mencapai kemenangan. Apa yang mereka harapkan agar Tuhan mencucuri rahmat dan hidayahNya kerana mereka berjuang di medan perang untuk menentang musuh dari menawan ibu pertiwi.

Selepas melawat "medan perang" di Sungai Siput itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berangkat pula ke medan perang di Terengganu. Di sini diperlihatkan cara tank-tank dan pasukan meriam bergerak. Baginda juga menyaksikan latihan serangan dari udara.

Kapalterbang itu kelihatan menjuman seperti helang menyambar ayam saja. Pihak penembak anti-aircraft mengetahui saja dari mana datangnya kapalterbang musuh itu kerana ada radar. Satu jenis meriam besar yang cukup dengan radar dapat mengesan kapalterbang itu dari jarak jauh.

Apabila tembakan bermula medan perang itu tidak ubah seperti medan perang yang sebenar. Ada kalanya tiada bezanya dari cerita perang seperti dalam "Sink The Bismark" dan "The Dirty Dozen". Di tengah bunyi ledakan tembakan meriam begitu riuh pula bunyi wireless. Kapalterbang menyerang dari satu sudut ke satu sudut lain. Selepas berperang beberapa waktu, kedua-dua pihak kemudiannya senyap. Dari corong pembesar kedengaran suara "Ampun Tuanku. Mengikut komputer peperangan tadi telah menyebabkan X buah kapalterbang musuh musnah dan Y khas kita musnah dan Z orang-orang kita terkorban, manakala S orang cedera."

Taktik perang untuk menangkis serangan udara memang berlain dari cara-cara perang berhadapan dengan musuh di satu kawasan perang. Taktik ini bergantung pada susunan dan keadaan. Pihak musuh selalunya mengganggu kawalan dan benteng pertahanan dengan kapalterbang mereka menyambar rendah. Sebaik sahaja kapalterbang itu mengebom tempat-tempat pertahanan dan kubu-kubu pertahanan, maka serangan diikuti pula oleh pasukan musuh yang mengepung pusat-pusat pertahanan. Musuh sentiasa membedil kubu-kubu dan membuat serangan-serangan tidak berhenti-henti.

Selepas serangan itu tamat, mereka yang menyaksikannya tinggal termangu-mangu. Mereka terasa seperti baru saja melalui satu peperangan yang sebenarnya. Begitulah hebatnya perang latihan itu. Askar-askar kita mempunyai tujuan yang murni, perjuangan yang wajib untuk mempertahankan negara Islam, tidak menyekat agama-agama lain. Tidak siapa yang dapat menolong siapa. Tidak hairanlah askar-askar kita adalah sentiasa menyembah Allah, bila-bila masa sahaja mereka berada. Dalam medan peperangan seperti ini Allah sahajalah yang boleh melindungi mereka.

Semangat perajurit memang tinggi. Ini dapat dilihat dari perjuangan mereka di medan perang itu adalah suci murni. Mereka menentang musuh yang bertentangan sekali dengan cara hidup rakyat di negara ini. Tujuan musuh tidak lain dari hendak menjatuhkan kerajaan rakyat. Mereka juga hendak menukarkan cara hidup yang ada sekarang kepada satu cara hidup baru yang tidak berpandukan kepada ajaran Tuhan. Kejatuhan sebuah negara seperti Malaysia. Ini bererti satu pukulan hebat kepada dunia Islam.

Tiap-tiap perjuangan askar kita terhadap musuh itu ialah untuk survival di negara ini. Peperangan menentang ideologi komunis ada-

lah satu peperangan suci. Musuh kita adalah anti agama, dan anti agama ini adalah ideologi komunis.

## Bersama Tun Hussein Onn

---



Profil Sultan Haji Ahmad Shah tidak lengkap jika tidak dikaitkan hubungan mesra antaranya dengan Dato' Hussein Onn (Tun). Sebagai Ketua Negara, di zaman Perdana Menteri Dato' Hussein (Tun), banyak peristiwa yang unik dan bersejarah berlaku. Dalam tempoh kedua-dua insan ini berpengaruh memikul tanggungjawab negara, hubungan di antara mereka bukanlah sebagai antara seorang "Raja" pemerintah dengan seorang Perdana Menteri. Perhubungan mereka lebih merupakan antara dua orang sahabat karib yang mempunyai azam dan matlamat yang sama membina negara. Sultan Haji Ahmad Shah memberi hormat kepada Dato' Hussein (Tun) seperti hormat adik kepada kanda tuanya.

Sultan Haji Ahmad Shah yang mempunyai rasa peri kemanusiaan yang tebal sentiasa dapat mengisi kekosongan yang timbul antara sesiapa juga, lebih-lebih lagi dengan Dato' Hussein (Tun), kerana sebelumnya hubungan antara mereka semata-mata bercorak rasmi — di Persidangan Raja-Raja atau upacara-upacara sahaja.

Sultan Haji Ahmad Shah pernah menceritakan dengan berlinang air-mata tentang satu-satu perkara sedih yang dibincangkan antara mereka kedua. Umpamanya, mengenai kesihatan Dato' Hussein (Tun). Apabila menyentuh soal kesihatan Dato' Hussein (Tun), Sultan Haji Ahmad sentiasa berasa sedih dan mengasihahi Dato' Hussein (Tun) memandangkan azamnya yang mendalam untuk mentadbirkan negara, sunguhpun kesihatannya terganggu.

Sultan Haji Ahmad Shah berasa sangat gelisah apabila Dato' Hussein (Tun) bertolak ke London penghujung bulan November 1980 untuk menjalani satu ujian ringan di hospital di sana. Ujian tersebut berhubung dengan saluran jantung. Sebelum Dato' Hussein (Tun) tiba di London, Baginda telahpun terlebih dahulu memerintahkan Dr. Richard Emma-

nuel, pakar yang akan menjalankan ujian kepada Dato' Hussein (Tun), supaya menelefon Baginda memberitahu detik-detik proses ujian. Beberapa hasil ujian ke atas Dato' Hussein (Tun) boleh dikatakan sudah pun diketahui kerana semasa berada di Kuala Lumpur Dr. Richard Emmanuel telah memeriksa Dato' Hussein (Tun). Dr. Richard khabarnya telah membisikkan kepada Baginda bahawa sudah kelihatan tanda-tanda perlunya dijalankan coronary bypass operation. Kerana di London itu mempunyai alat-alat operasi yang termoden, maka Dato' Hussein (Tun) dinasihatkan menjalani ujian pasti di sana. Dr. Richard Emmanuel berada di Kuala Lumpur selama beberapa minggu sebelum itu kerana merawat Kebawah Duli Baginda. Kebawah Duli Tuanku memang ke London setiap tahun untuk "check-up" di sana. Tetapi pada tahun itu, Dr. Richard Emmanuel dipanggil ke Kuala Lumpur kerana Baginda tiba-tiba saja jatuh gering.

Dengan permintaan Baginda, Dr. Richard Emmanuel menelefon Kebawah Duli apabila jadual ujian terharap Dato' Hussein (Tun) telah siap diatur.

Pada satu malam Baginda gelisah. Baginda memerintahkan saya mengadap di Istana Pahang di Kuala Lumpur. Malangnya, oleh sesuatu urusan, saya tidak dapat dihubungi untuk mengadap. Pada subuh esoknya telefon berbunyi. Dari telefon terdengar "Ke mana you pergi? Tak dapat dicari, Datin pun tak tahu."

Mulanya saya ingin juga berjenaka kerana telefon dari Istana berbunyi pada pukul 5.00 pagi bukanlah satu perkara aneh. Tapi saya tidak tergamak. Dapat dirasakan kegelisahan Baginda.

Tuanku: "Ujian Dato' (Tun) tak baiklah....."

Saya: "Itu takdir belaka, Tuanku."

Menurut Dr. Richard Emmanuel, pihak keluarga Dato' Hussein (Tun) mengesyorkan supaya dijalankan pembedahan segera ke atasnya. Urusan pembedahan sedang diatur. Tapi Dato' Hussein (Tun) ingin kepastian dari Dr. Richard Emmanuel sama ada pembedahan itu boleh ditangguhkan bagi membolehkannya balik ke tanahair untuk membuat beberapa persiapan mengenai pentadbiran negara, khasnya untuk menyembahkan terlebih dulu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Hasrat Dato' Hussein (Tun) hendak mengadap Kebawah Duli terlebih dulu itulah yang menambahkan kerisauan Baginda.

Tuanku: "Itulah yang menjadikan saya terkilan. Jika apa-apa berlaku, pihak keluarga akan menyalahkan saya."

Saya: "Apa kata Dr. Richard Emmanuel, Tuanku?"

Tuanku: "Pembedahan itu boleh ditangguhkan untuk mengisi kehendak Dato' Hussein (Tun), asalkan saja, beberapa langkah diambil seperti tidak mengisi tugasnya seratus peratus dan lain."

Saya berpendapat jika pandangan Dr. Richard Emmanuel pakar yang bertanggungjawab itu sudah begitu, tidak harus lagilah Kebawah Duli merungsingkannya. Tapi saya tidak dapat menyakinkan Kebawah Duli, lalu menyembahkan "Patik ajak Tan Sri Ghazali mengadaplah siang kelak". Baginda bersetuju. Dalam bualan antara "enam mata", Tan Sri Ghazali juga bersetuju supaya baginda tidak seharusnya terkilan dengan hasrat Dato' Hussein (Tun) itu. Inilah menunjukkan kualiti seorang pemimpin dalam sebuah negara yang mempunyai sistem beraja. Perbualan berlegar sekitar pembedahan ke atas Dato' Hussein (Tun). Hujah kami pun sebenarnya tidak dapat menyakinkan Kebawah Duli. Baginda kemudiannya bertitah: "Ini semuanya takdir belaka. Terserahlah kepada Allah."

Semenjak itu, fikiran Baginda sangat terharu. Dalam setiap perbualan Baginda tetap menzhahirkan keresahan itu. "Kalaulah apa-apa berlaku kepadanya, entahlah, apa akan terjadi," titah Baginda.

Saya berulang kali memberi pandangan bahawa berpegang kepada perutusan Dr. Richard Emmanuel, tiada apa yang perlu dirungsingkan, asal sahaja Dato' Hussein (Tun) mematuhi tidak melebihi tugas hariannya. Dr. Richard Emmanuel yang berdamping dengan Istana Buckingham dikatakan menyokong pendapat Dato' Hussein (Tun) agar Ketua Negara dimaklumkan terlebih dulu.

Tan Sri Ghazali Shafie berpendapat begitu juga. "Tidak ada apa yang Tuanku hendak gelisah atau kesalkan, apa yang mungkin berlaku adalah takdir belaka," kata Tan Sri Ghazali.

Sepanjang masa menjelang Dato' Hussein (Tun) balik ke tanahair, kesihatannya sentiasa menjadi topik. Kebawah Duli sebagai Ketua Negara memang sudah semestinya berasa bimbang. Sungguh pun seorang Ketua Negara memang sudah semestinya berasa bimbang. Sungguh pun seorang Ketua Negara yang bercorak perlembagaan (constitutional monarchy), tetapi beban negara adalah bulat dalam tanggungjawab Baginda dalam masa-masa kecemasan negara kerana yang terlibat adalah Perdana Menteri. Berbagai anggapan lahir dari keadaan ini. Analisa Baginda yakin "P.M. akan mengundur diri sebelum pilihanraya." Baginda berpendapat Dato' Hussein (Tun) bukan seorang yang "gila kuasa", dan memang mempunyai sifat-sifat yang jujur. "Dato' Hussein (Tun) tidak akan menunggu lebih lama lagi daripada diperlukan selepas pembedahan" titah Baginda. "Sungguhpun kita sayang kepadanya, tetapi kita tidak boleh memperjudikan kesihatan dengan tugasnya."

Beberapa orang pemimpin sudahpun menjalani pembedahan seperti itu. Yang pertama ialah kes mendiang Tan Sri Manickavasagam, yang meninggal dunia lebih kurang tiga tahun selepas pembedahan itu. Sepanjang hayatnya, ramai rakan mendiang menasihatkannya supaya



*Yang di-Pertuan Agong sedang meluangkan masa bertitah sesuatu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed sejurus sebelum Baginda berangkat memulakan lawatan ke Kuwait.*



*Yang di-Pertuan Agong sempat berbual mesra dengan bekas Perdana Menteri Tuanku Abdul Rahman Putra dan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Wong Pow Nee semasa lawatan rasmi Baginda ke Pulau tersebut.*





*Keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dari Pahang di Pengkalan TUDM, Sungai Besri, sedang disambut oleh Tun Hussein Onn.*



*Presiden Persatuan Bagi Orang-Orang Buta Malaysia (MAB), Tun Hussein Onn menyambut Yang di-Pertuan Agong dalam satu Majlis Bankuasi Amal pada 1982.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang bertitah sesuatu kepada Tun Hussein Onn di sebuah masjid sebelum tiba waktu sembahyang.*



*Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed dan Datin Seri Dr. Hasmah sedang mengiringi Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dalam satu jamuan di-Raja.*



*Yang di-Pertuan Agong berangkat tiba di Masjid Negara bersama Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad untuk sembahyang hariraya Idulfitri.*

mengundurkan diri kerana beban tugas sebagai seorang pemimpin dan ketua parti terlalu berat dan kuat tekanannya terhadap jiwa seseorang.

Semenjak Dato' Hussein (Tun) pulang ke tanahair dan menunggukan tarikh rawatannya di London, "cuaca politik" tanahair boleh dikatakan mendung. Tarikh yang Dato' Hussein (Tun) ditetapkan menjalani pembedahan pada minggu pertama bulan Februari, 1981. Berbagai spekulasi mulai timbul.

Dato' Hussein (Tun) mengadap Kebawah Duli Tuanku mengenai tarikh pembedahan itu. Baginda sekali lagi menjadi gelisah. Kali ini bukan lagi perasaan terkilan Baginda, tetapi segala perbuatan ditumpukan kepada kesan pembedahan itu.

Semasa Dr. Richard Emmanuel berada di Kuala Lumpur, beliau telahpun mengatur jadual ujian ke atas Dato' Hussein (Tun) dan juga Kebawah Duli Tuanku. Mengikut jadual itu, Dato' Hussein (Tun) akan bercuti dan di samping itu akan menjalani ujian kesihatan di London. Apabila Dato' Hussein balik ke tanahair, Kebawah Duli Tuanku pula akan berangkat ke London untuk menjalani medical "check-up".

Seminggu selepas Dato' Hussein (Tun) balik ke tanahair, Kebawah Duli Tuanku pun berangkat ke London (27 Disember, 1980). Rawatan kepada Kebawah Duli itu ialah untuk memberi kepuasan hati pakar-pakar mengenai kesihatan Seri Paduka Baginda kerana banyak jenis alat ujian itu belum lagi ada di Kuala Lumpur di waktu itu.

Satu petang saya menerima panggilan telefon Baginda dari London mengenai kejayan ujian tersebut. Pihak pakar di London mensifatkan Kebawah Duli mempunyai jantung seorang yang berumur 20 tahun (heart of a 20 year-old man).

Baginda berkali-kali menyebut tentang pembedahan ke atas Dato' Hussein (Tun). Dr. Richard Emmanuel telah pun menetapkan tarikh pembedahan ke atas Dato' Hussein (Tun) minggu pertama bulan Februari 1981. Selepas ujian maka Baginda pun berangkat balik. Pada mulanya Baginda hendak berihat, tetapi dibatalkan kerana Baginda terlalu mengambil berat terhadap pembedahan Dato' Hussein (Tun). Kesihatannya lebih penting dari rehat.

Tarikh Dato' Hussein hendak bertolak ke London semakin dekat. Perasaan rakyat berdebar-debar dengan kedatangan tarikh itu. Pada penghujung bulan Januari 1981, persiapan-persiapan untuk Dato' Hussein (Tun) bertolak ke London bagi menjalani "coronary bypass operation". Dato' Hussein Onn mengadap Seri Paduka sehari sebelum bertolak. Baginda sangat bersedih dengan pemergian Dato' Hussein (Tun) itu. Mengikut ceritanya kedua-dua insan itu berpeluk-pelukan dan menangis terhisak-hisak di Istana Negara. Dato' Hussein (Tun), mengikut Tuanku, hendak mengadap seurus sebelum bertolak ke lapangan terbang, tetapi Tuanku berpendapat tidak payahlah. Ini akan menim-

bulkan emosi lagi. Walau bagaimana pun, Tuanku menelefon Dato' Hussein (Tun) mengucapkan "selamat jalan" sejurus sebelum Dato' Hussein (Tun) meninggalkan Sri Taman ke Subang menuju ke London.

Tarikh 29 Januari 1981 jam lebih kurang pukul 9.30 malam di Lapangan terbang Subang. Keadaan di Subang muram dan sepi. Lautan manusia tidak dapat dikawal. Lapanganterbang yang begitu besar penuh sesak menjadi kecil.

Apabila kereta Dato' Hussein tiba di porch lapangan terbang, orang ramai kelihatan seperti ombak datang memukul pantai. Mereka cuba hendak bersalam dengannya, tetapi mustahil. Mereka melambailambaikan tangan dan dalam hati berdoa' "Ya Allah, selamatkanlah pemimpin kami."

Dato' Hussein (Tun) sungguh pun dinasihatkan tidak boleh berkuat, tetapi tidak dapat menahan perasaan dan memeluk semua ahli-ahli kabinetnya dalam bilik khas di lapangan terbang. Airmata mengalir. Suasana sunyi sepi, tetapi yang kedengaran ialah sedu-sedan perasaan sedih rakyat yang datang mengucapkan selamat berangkat dan selamat balik kepada Dato' Hussein (Tun).

Selepas doa' dibacakan, maka Dato' Hussein (Tun) pun dipandu ke kapal terbang. Orang ramai tidak meninggalkan lapangan terbang selagi kapal terbang tidak bertolak. Rakyat terasa sangat pilu menge-nangkan kesihatan Dato' Hussein (Tun) itu kerana beberapa tahun dulu Allahyarham Tun Razak melalui keadaan yang sama. Kali ini rakyat mendapat tahu dan tidak dapat ditahan ke lapangan terbang sungguh pun pemergian itu tidak dihebah-hebahkan. Dato' Hussein (Tun) bertolak dengan penuh kesedihan, dengan iringan doa rakyat.

Sungguh pun Dato' Hussein (Tun) terbaring di hospital London, tetapi pentadbiran negara berjalan terus. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad memikul tanggungjawab itu dengan penuh cekap. Menteri-menteri lain menjalankan tugas masing-masing semampu mungkin. Ahli Parti UMNO di seluruh negara mengadakan doa' selamat agar rawatan ke atas Dato' Hussein mencapai kejayaan.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengarahkan saya supaya menderaf telegram dan dihantar sehari sebelum Dato Hussein (Tun) dimasukkan ke wad dan bilik pembedahan. Dengan demikian diharapkan di samping doa' ke hadrat Illahi, akan memberikan sokongan moral kepada Dato' Hussein (Tun) sebelum pisau ke dada. Tidak ada pembedahan yang tidak ada bahayanya, walau bagaimana kecil sekali-pun pembedahan itu.

TELEGRAM itu sepenuhnya berbunyi:

Beta mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah meredhai serta melindungi Orangtua Beta dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke London beberapa hari yang lalu.

Beta sentiasa berdoa' agar Orangtua Beta sentiasa berada dalam peliharaan Allah.

Beta berhadap Orangtua Beta sentiasa bersabar dan bertenang serta jangan risaukan dengan masalah Negara, dalam masa Orangtua Beta menjalani rawatan di London. Dalam masalah Negara ini Beta yakin Pemangku Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bersama dengan Ahli-ahli Jemaah Menteri yang lain mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk memikul tanggungjawab dalam masa Orangtua Beta berada di luar negeri. Apa juga yang boleh, Beta akan menggunakan segala pengaruh dan budibicara untuk menolong mereka supaya keadaan di tanahair tidak berubah seperti masa Orangtua Beta meninggalkan Kuala Lumpur tempoh hari.

Sebagai yang sudah termaktub, maka semuanya ini adalah takdir belaka dan Allah sahajalah yang mengetahui. Sebagai hambaNya Beta dan Raja Permaisuri Agong serta seluruh kerabat bersamasama merasakan perasaan yang ditanggung oleh Orangtua Beta serta keluarga dalam keadaan masa seperti yang dirasai sekarang. Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa' memohon restu dari Allah Subhanahu Wata'ala agar Orangtua Beta selamat menempuh proses rawatan di London dan ini juga adalah merupakan kehendak Allah dan kepada Allah kita meminta dan berserah segala-galanya.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta disudahi dengan salam takzim dari Beta dan Raja Permaisuri Agong jua, adanya.

28/2/81.

*Sultan Haji Ahmad Shah  
Yang di Pertuan Agong.*

Hubungan mesra dan kasih sayang antara Kebawah Duli Tuanku dengan Dato' Hussein (Tun) adalah terlalu rapat semenjak Sultah Haji Ahmad Shah menaiki Takhta Kerajaan Persekutuan. Sultan Haji Ahmad Shah menganggap Allahyarham Tun Razak sebagai "bapa" dan sebaliknya menganggap Dato' Hussein (Tun) sebagai "saudara tua" pula. Semasa hayat Allahyarham Tun Razak dulu — yang mengasuh dan memandu Baginda dari kecil — maka Sultan Haji Ahmad Shah sentiasa bersikap "manja" dengan Allahyarham Tun Razak.

Dengan kepergian Tun Razak maka Sultan Ahmad Shah menganggap Dato' Hussein (Tun) sebagai gantinya dan tempat Baginda hendak "bermanja". Sungguhpun Dato' Hussein (Tun) tidaklah dapat memberikan seperti sifat-sifat yang dicurahkan oleh Allahyarham Tun Razak kepada Kebawah Duli, tetapi anggapan Baginda adalah seperti demikian. Hubungan antara Baginda dengan Allahyarham adalah secara

semula jadi hidup sekarang, manakala hubungan antara Baginda dengan Dato' Hussein (Tun) adalah dijalin secara pergaulan ramah mesra yang bermula antara seorang Ketua Negera dengan Perdana Menteri-nya.

Kegelisahan Dato' Hussein (Tun) menantikan waktu pembedahan dengan sendirinya dirasai oleh Baginda di Kuala Lumpur. Sungguhpun beribu-ribu batu jauhnya namun demikian jarak itu tidak menjadi ukuran kegelisahan Baginda. Setiap hari Baginda mengarahkan Dr. Richard Emmanuel menghantar laporan mengenai Dato' Hussein (Tun). Setiap malam saya mengadap di samping Baginda untuk turut menghilangkan kerungsingan Baginda. Sebaik saja Dr. Richard Emmanuel menghantar berita yang mengatakan pembedahan itu sudah diuruskan dan mencapai kejayaan seperti yang diduga maka Baginda menitahkan saya menyiapkan satu lagi telegram, dengan tujuan memberi sokongan moral kepada Dato' Hussein (Tun).

Sebagai penghargaan Baginda kepada pakar-pakar yang menguruskan pembedahan itu maka satu kawat dihantar juga kepada Dr. Richard Emmanuel. Apabila menerima berita dari London itu maka jelas kelihatan air muka Baginda berubah menjadi tenang dan penuh dengan harapan. Secara kebetulan kawat itu dihantar pada hari ulangtahun ke 59.

#### TELEGRAM berbunyi:

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memakbulkan permintaan hambaNya yang berdoa agar proses rawatan "Coronary By-pass Operation" Dato' selamat dijalankan dengan jayanya. Saya telah diberitahu mengenai berita baik dan sangat mengembirakan itu oleh Dr. Richard Emmanuel sejurus selepas pakar-pakar surgeri yang diketuai oleh Dr. Donald Ross selesai melakukan pembedahan itu. Saya sendiri telah meminta Dr. Emmanuel memberitahu saya dari satu ke satu masa mengenai keadaan Dato'. Saya berasa tenang dan lega sekali apabila mendapat berita kedua pada hari Ahad dalam mana Dr. Emmanuel memberitahu bahawa Dato' bukan sahaja telah selamat tetapi sudah boleh duduk. Dr. Emmanuel telah melaporkan seluruh proses rawatan atas Dato' dari peringkat ke peringkat; dan saya sangat puashati dengan usaha kepakaran dan rawatan yang dibuat oleh mereka itu. Sungguhpun rawatan itu adalah berupa biasa sahaja tetapi saya berharap Dato' hendaklah sentiasa bertenang dan jangan runsingkan masalah di tanahair, semasa Dato' menjalani rawatan di London. Keadaan di Negara kita adalah baik. Saya dan Raja Permaisuri Agong sentiasa berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Dato' sembuh dengan secepat-cepatnya dan yakin Datin

Suhaila dan keluarga ada di samping Dato'. Insyallah, saya berdua juga mengucapkan "Harijadi'" kepada Dato' yang jatuh pada 12hb Februari ini.

9.2.81.

*Sultan Haji Ahmad Shah  
Yang di-Pertuan Agong.*

Dan pada hari yang sama Sultan Haji Ahmad Shah mengirim satu lagi TELEGRAM berbunyi:

Dr. Richard Emmanuel,

Thank you very much for informing me the excellent job done by your surgical team headed by Dr. Donald Ross who performed the coronary bypass operation of my Prime Minister Dato' Hussein Onn Stop Please convey to all concerned in particular Dr. Donald Ross my heartiest congratulations and personal thanks for the job well done Stop.

9.2.81.

*Sultan Haji Ahmad Shah  
Yang di-Pertuan Agong.*

Dalam pada fikiran rakyat masih bertumpu kepada kemajuan rawatan Dato' Hussein (Tun) di London, tiba-tiba saja diterima berita mengatakan pakar-pakar di Kuala Lumpur telah merekomenkan Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Haniff bin Omar bertolak ke London untuk menjalani ujian yang sama di sana. Sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri serta Ketua Polis Negara, maka sudah tentulah berita itu menimbulkan kegelisahan rakyat. Sultah Haji Ahmad Shah sekali lagi berasa gelisah dan bimbang, kalau kedua-duanya juga terpaksa menjalani pembedahan yang sama.

Sungguhpun saya dikedhendaki bersama-sama di Istana pada tiap-tiap hari di waktu itu, tetapi saya terpaksa menjalankan tugas negara. Dengan kehendak Kebawah Duli, maka saya semasa berada di luar Kuala Lumpur sentiasa mengadap menerusi telefon dari mana-mana sahaja saya berada.

Beberapa hari selepas Tan Sri Ghazali Shafie bertolak ke London saya pun bertolak ke Kedah. Pada satu petang saya dan beberapa orang kawan lain berada di Kuala Kedah menjamu selera. Ketika berseronok dengan jamuan di sebuah restoran atas muka laut di Kuala Kedah itu, seorang mata-mata berlari-lari membawa satu berita. "Dato', Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong nak bercakap." Jarak restoran dengan Balai Polis lebih kurang dua batu.



Saya meninggalkan hidangan bekejar ke Balai Polis dengan kereta Polis. OCPD Alor Star Dato' Kassim bin Yunus menguruskan panggilan di Balai Polis. Hati saya berdebar-debar. Berbagai-bagai fikiran merasuk kepala saya. Masa menanti panggilan yang memakan masa 10-minit seolah-olah satu jam. Panggilan tiba dan suara Baginda kedengaran dalam telefon.

Tuanku: Saya ni.

Saya: Tuanku, patik mengadap.

Tuanku: Ujian ke atas Tan Sri Ghazali, OK.

Saya: Syukurlah Tuanku.

Tuanku: Tapi, tapi Haniff, kurang baiklah.

Dengan itu, maka perasaan menjadi berbelah bagi. Suka dengan ujian Tan Sri Ghazali, tetapi sedih dengan berita Tan Sri Haniff Omar. Sambil bercakap dalam telefon, maka Baginda dengan suara yang sayu "apalah nasib kita... Perdana Menteri menjalani pembedahan dan Ketua Polis Negera pula akan menjalani pembedahan yang sama".

Dalam bualan telefon itu, Baginda teringat pula kepada peristiwa beberapa bulan yang lampau dalam mana Tan Sri Ghazali Seth, Ketua Angkatan Tentera, menjalani pembedahan di Amerika Syarikat. Secara kebetulan Kebawah Duli juga menitahkan rawatan ke atas Tan Sri Ghazali Seth untuk dihantar ke Amerika Syarikat dengan serta merta. Saya masih ingat Baginda menceritakan hal itu beberapa bulan dulu dalam masa Baginda menitahkan Dato' Hussein Onn (Tun) supaya Tan Sri Ghazali Seth dihantar dengan serta merta. Tan Sri Ghazali Seth juga adalah rakan tentera Baginda.



Selain berkenan berangkat menghadiri acara walkaton anjuran Bulan Sabit Merah Malaysia, Baginda juga menyertai acara tersebut di Padang Merbuk, Kuala Lumpur.




Yang di-Pertuan Agong menghayun kayu hokinya sesungguh mungkin dalam satu pertandingan di Stadium Merdeka. Pasukan Baginda mengalahkan Pasukan Eksekutif 6-1.



*Raja Permaisuri Agong juga peminat sukan, dan kelihatan sedang aktif dalam satu pertandingan badminton wanita.*



*Yang di-Pertuan Agong cergas dan ghairah menunggang kuda dalam satu permainan polo yang digemari Baginda.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang bertitah sesuatu mengenai sukan kepada Marina Chin.*



*Selepas berjerih bermain polo, Baginda menerima hadiah kemenangannya yang disampaikan oleh Raja Permaisuri Agong.*




*Yang di-Pertuan Agong yang terlalu gemarkan sukan mengambil kesempatan bermain bola tampar dengan perajurit tanahair.*



*Begini caranya... Yang di-Pertuan Agong menunjukkan cara tendangan penalti kepada pelatih-pelatih skuad Pra-Piala Dunia di Bukit Fraser pada tahun 1981 dulu.*



*Yang di-Pertuan Agong tekun orangnya, dan ketekunan ini terbayang juga dalam sukannya.*



*Baginda hanya merasa puas bila dapat menyaksikan sesuatu perlawanan dengan jelas, dan itulah yang Baginda lakukan.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang bertepuk mengucapkan syabas kepada pasukan Malaysia hoki di Stadium TPCA dalam tahun 1981.*



*Segar, segar, bergaya... Yang di-Pertuan Agong sedang berehat sebentar ala ahli sukan tulen.*



*Yang di-Pertuan Agong memeluk pemain badminton handalan Misbun Sidek setelah berakhir satu perlawanan.*

## Kes Dato' Harun

---



Dato' Harun Idris — semenjak di hadapkan ke mahkamah — merupakan satu tenaga politik yang mengoncangkan negara. Suasana politik lebih mencemaskan negara apabila beliau menjejakkan kakinya di Penjara Pudu. Penyokongnya menggunakan segala tenaga politik untuk menyekat pemergian Dato' Harun ke Penjara Pudu, tetapi gagal. Kes Dato' Harun adalah bukti yang nyata atas keagungan dan keluhuran undang-undang yang mengatasi segala kekuatan politik di negeri ini.

Pada akhirnya penyokong Dato' Harun mengadap Tunku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri, untuk mendapatkan pertolongan. Tunku Abdul Rahman merupakan pemimpin negara yang dicemarkan namanya oleh penyokong-penyokong Dato' Harun sendiri berikutan dengan Peristiwa 13 Mei, 1969. Dengan kehendak Allah, penyokong-penyokong Dato' Harun dapat melihat kejujuran Tunku dan kepada Tunku mereka meletakkan harapan untuk menyelamatkan Dato' Harun di Jalan Duta, Kuala Lumpur, dan mendengar apa yang dikehendaki oleh mereka. Dari Pulau Pinang Tunku datang. Adalah di luar dugaan penyokong-penyokong Dato' Harun itu apabila Tunku menasihatkan Dato' Harun supaya menjalani hukuman mahkamah; dan langkah itu adalah lebih baik kepada negara daripada "bertarik tali" dengan pihak berkuasa. Selepas itu baru boleh membuat rayuan. Penyokong-penyokong Dato' Harun berasa hampa. Akhirnya Dato' Harun melangkah kaki dan menuju ke Penjara Pudu pada 1.3.1977. Beliau berada di jail selama tiga tahun setengah, iaitu sebahagian dari hukumannya. Jika tidak diampuni, maka tahun 1984 baru dibebaskan.

Dari tarikh itu suasana politik mula berubah, lebih-lebih lagi di kalangan UMNO. Semasa Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar menjadi Ketua Pemuda UMNO, Allahyarham tidak jenuh-jenuh berusaha



menyuarakan supaya pihak berkuasa menggunakan kuasa politik membebaskan Dato' Harun. Allahyarham pernah berbincang dengan Tan Sri Ghazali Shafie mengenai soal itu. Perbincangan itu berlaku hanya beberapa hari saja sebelum Allahyarham bertolak ke Johor. Di Johor Allahyarham diserang penyakit jantung semasa dalam perbincangan dengan Pemuda dan Allahyarham diusung keluar, terus menghembuskan nafasnya yang akhir.

Namun demikian usaha penyokong Dato' Harun untuk membebaskannya secara "Pardon" atau pengampunan diteruskan. Simpati rakyat nampaknya bertambah kerana Dato' Harun sudah menjalani hukuman beberapa tahun.

Apabila Sultan Haji Ahmad Shah menaiki Takhta Kerajaan Pusat, dengan serta merta sepucuk surat disembahkan kepadanya untuk mendapat belas-kasihannya Tuanku. Surat itu disembahkan kepada Kebawah Duli di Kelab Polo, Kuala Lumpur. Pada masa itu Sultan Haji Ahmad Shah tidak boleh berbuat apa-apa; semuanya adalah tertakluk kepada undang-undang, dan Baginda baru sahaja menaiki Takhta Pusat. Tapi semenjak surat itu diterima, Baginda mula berfikir dan menimbangkan kes Dato' Harun itu.

Selalu Baginda menimbangkan soal ini. Baginda tidak mahu mengambil satu-satu tindakan dan tidak mahu menggunakan "prerogative" di-Raja atas hal kes ini kerana tidak mahu menyinggung perasaan Dato' Hussein Onn (Tun) yang pada masa itu Perdana Menteri. Apabila ura-ura Dato' Hussein Onn (Tun) hendak bersara, maka Tunku Abdul Rahman membuat rayuan kepada Kebawah Duli Tuanku Agong. Rayuan itu disampaikan kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Atas penghormatannya Dato' Seri Dr. Mahathir tidak membenarkan Tunku Abdul Rahman menyerahkan surat rayuan itu di pejabatnya, tetapi Dato' Seri Mahathir pergi ke rumah Tunku untuk mengambil rayuan itu. Sultan Haji Ahmad Shah telah dimaklumkan hal ini. Sebaliknya, Baginda rasa berat hendak memanggil Lembaga Pengampunan kerana masih tidak mahu mengecilkan hati Dato' Hussein Onn (Tun) kerana di masa yang lalu kes ini sudahpun dikemukakan kepada Lembaga, tetapi ditolak. Tetapi Baginda sedar akan kepentingan dan implikasi kemanusiaan tentang soal tersebut.

Kebetulan saja Dato' Harun dimasukkan ke hospital untuk mendapat rawatan. Baginda menitahkan supaya Dato' Harun dikekalkan dalam wad sehingga titah baru Baginda. Dengan demikian, Dato' Harun terus berada di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Selepas Dato' Hussein Onn (Tun) bersara, Baginda memanggil Tan Sri Ghazali Shafie dan saya untuk membincangkan soal tersebut. Baginda tidak mahu sama sekali pihak-pihak seperti hakim-hakim dan pihak pendakwa tersinggung. Perbincangan itu masuk ke bulan Ramadhan

1401 (1981). Sultan Haji Ahmad Shah mungkin mengambil sempena Hari Raya tahun itu untuk melakukan sesuatu. Baginda pun meletakkan tarikh Lembaga bersidang, iaitu 28 Julai, 1981. Hasrat Baginda itu tidak ditentang oleh sesiapa pun sungguhpun masing-masing ahli memberikan sikap dan pendapat masing-masing secara terbuka. Sebelum persidangan Lembaga, Baginda telah meminta laporan dari pihak penjara dan semuanya adalah baik belaka. Baginda memberikan pandangan yang cukup teliti dan saksama.

Kemudian Tuanku memberitahu mereka yang dekat tentang penghargaanannya kepada semua pihak yang berkaitan dengan kes Dato' Harun Idris atas pendapat serta pandangan masing-masing — samada mereka yang memberikan hujah-hujah dari segi undang-undang atau pun dari segi-segi yang lain.

Baginda telah membaca dokumen-dokumen dan laporan-laporan mengenai kes ini; dan Baginda memang menghargai semua pandangan dan buah fikiran itu. Menurut Baginda semuanya mempunyai asas yang tertentu serta kuat, khususnya dari segi undang-undang.

Dalam hal ini, kata Baginda, adalah perlu kita mengingatkan diri kita semua bahawa jiwa dan digniti undang-undang itu adalah terpelihara daripada mula kes ini berjalan; dan proses undang-undang telah dilaksanakan hingga ke peringkat yang setingginya di tanahair.

"Saya berani menyatakan bahawa proses undang-undang itu tidak diganggu dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, dan jiwa undang-undang terus dipelihara; dan kes ini adalah salah satu kes yang terpenting yang menunjukkan kedudukan kehakiman di tanahair kita ini adalah bebas di bawah sistem yang diamalkan di Malaysia, iaitu sistem pemberian bidang kuasa (*separation of powers*) antara Parlimen, Pentadbiran dan Kehakiman," titah Baginda lagi.

Pihak yang mentadbirkan undang-undang dari kedua pihak, iaitu pihak pendakwa dan pihak yang kena dakwa, katanya, telah berjalan jauh untuk memelihara, serta menegakkan taraf dan jiwa undang-undang negara. Dan dari hujah-hujah kedua-dua pihak itu adalah jelas menunjukkan masing-masing tidak tergelincir dari tafsiran undang-undang (*miscarriage of justice*) tanahair. Apa yang ditibangkan adalah semata-mata antara salah dan benar sahaja.

"Saya katakan begitu kerana kedua-dua pihak menerima tiap-tiap keputusan yang dibuat oleh hakim yang menghakamkan kes ini dari serendah-rendahnya hinggalah ke peringkat yang setingginya di tanahair," titahnya.

Kes Dato' Harun Idris ini, menurut Baginda, bukan sahaja membuktikan pelaksanaan undang-undang terjamin dan maruah Mahkamah sentiasa terpelihara, tetapi yang penting sekali, ia membuktikan bahawa

proses undang dan kehakiman, tidak dapat mengecualikan sesiapa juga, sama ada seseorang itu berpangkat tinggi atau rendah.

Kes ini, menurut Baginda, hendaklah sentiasa dijadikan ingatan dan contoh kepada semua pihak bahawa seseorang itu tidak dapat lari dari hukuman jika ia melanggar undang-undang; dan dalam pada itu pula undang-undang adalah merupakan perlindungan kepada pihak yang tidak bersalah.

Segala proses undang-undang telah diberi kepada Dato' Harun Idris untuk membela diri dan di semua peringkat pengadilan, titah Baginda, dan Dato' Harun tidak dapat membuktikan yang perbuatannya itu diizinkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Negara mempunyai peruntukan bahawa seseorang yang telah dihukum atau menjalani hukuman mahkamah boleh merayu pengampunan dari Ketua Negara, iaitu di peringkat Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong dan di peringkat Negeri ialah Raja-Raja.

"Sebagai Pengerusi Lembaga Pengampunan, maka kedudukan saya bukanlah sebagai Hakim Mahkamah tetapi sebagai Ketua Negara iaitu RAJA kepada semua lapisan rakyat — samaada mereka yang bebas, mereka yang menjalani hukuman dalam penjara atau mereka yang berada dalam tahanan dan sebagainya," titah Baginda.

Dengan adanya permintaan seseorang kepada Lembaga Pengampunan, maka Baginda menganggap seseorang itu mengakui kedaulatan Takhta dan seseorang itu menumpahkan taat setianya kepada Raja; dan Baginda sebagai Raja kenalah memberikan pertimbangan mengikut yang dibenarkan oleh undang-undang, bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi juga dari segi ia sebagai seorang rakyat biasa.

Dengan demikian, maka menurut Tuanku, Baginda perlu memberikan pertimbangan yang seadil-adilnya sebagai Raja kepada kedua pihak yang berkenaan supaya keputusannya itu tidak pula memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk mengambil kesempatan atau mengeksploitasikannya.

"Dalam kes Dato' Harun Idris ini, maka saya puashati dengan proses undang-undang; dan tidak ada mana-mana pihak yang mempengaruhi sebarang penghakiman (judgement); dan pihak Dato' Harun Idris pula, seorang yang berpangkat tinggi dalam negara menerima sebarang keputusan yang diberikan oleh pihak Mahkamah; dan Dato' Harun Idris menjalani hukuman itu sesuai dengan kehendak undang-undang. Tidak ada tanda-tanda menunjukkan yang beliau ini engkar daripada menjalani hukuman," titah Baginda lagi.

Dato' Harun Idris, menurut Baginda, telah menjalani hukuman dalam penjara sepertilah juga banduan-banduan yang lain. Beliau patuh kepada arahan-arahan pihak berkuasa penjara. Memandangkan beliau sudah mengisi kehendak undang-undang dan mematuhiya dalam masa

beberapa kali gagal mempertahankan diri di beberapa peringkat pengadilan, hingga kepada setinggi mahkamah, maka Baginda sebagai Raja memberikan kepadanya, sebagai seorang rakyat, pertimbangan dari segi perikemanusiaan.

"Dengan itu, maka sebagai mengambil syafaat Ramadhan, saya ingin memendekkan tempoh hukuman ke atasnya (remittance of sentence) dan berharap dapat dibuat persiapan yang tertentu supaya Dato Harun Idris keluar dari Penjara Pudu selewat-lewatnya pada 1 Ogos 1981, iaitu menjelang Hari Raya Aidilfitri. Ini tidak bermakna saya memberikan pengampunan sepenuhnya. Dengan itu, saya berharap beliau dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan keluarganya di rumah selepas sehari raya dalam penjara selama beberapa tahun yang lalu."

Baginda berharap keputusannya ini tidak dianggap oleh mana-mana pihak sebagai membelakangkan proses dan keluhuran undang-undang. Baginda berbuat demikian semata-mata dari segi perikemanusiaan, selepas memandangkan beliau sudah menjalani hukuman, selama beberapa tahun dan usianya pun sudah beransur larut.

Sebagai seorang RAJA, maka Baginda merasa patut memikirkan rayuan dari seorang hambanya yang sudah tidak ada jalan lain, dengan seadil-adilnya, jika rayuan itu tidak pula merosakkan mana-mana pihak.

Pembebasan Dato' Harun dari penjara dalam tahun 1981 telah menimbulkan sekurang-kurangnya dua tafsiran. Mereka yang daif dengan undang-undang menafsirkan pembebasan tersebut sebagai mutlak dan menganggapkan perkara tersebut sudah tamat. Ada pihak dari golongan ini bersyukur lalu berdiam diri, manakala ada pihak pula yang hairan mengapa Dato' Harun tidak berkecimpung semula ke dalam politik. Lalu mereka pun mendesak supaya Dato' Harun memasuki semula arena politik tanpa menghiraukan sebarang tafsiran.

Dalam pada itu pula, mereka yang memahami selok belok undang-undang terus mendesak supaya Dato' Harun diberikan pengampunan. Melalui pengampunan sahajalah Dato' Harun boleh bergiat semula dalam arena politik dan dalam badan-badan yang didaftarkan oleh undang-undang. Mengikut undang-undang pendaftaran petubuhan, seseorang yang sudah dihukum oleh mahkamah, sungguhpun dibebaskan dari penjara, sentiasa tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu. Misalnya, jika ia hendak memegang sesuatu jawatan politik, hendaklah ia mendapatkan kebenaran dari pihak berkuasa. Begitu jugalah yang mesti dilakukannya dengan jawatan yang lain, apatah lagi kalau dia hendak memasuki pilihanraya. Mengikut undang-undang pilihanraya, seseorang yang sudah terhukum penjara, seperti Dato' Harun tidak boleh bertanding selama lima tahun. Tapi dengan pengampunan, segala-galanya tiada halangan lagi.

Tidak berapa lama selepas Dato' Harun bebas dari penjara, pilihan-

raya UMNO pun tiba. Soalnya bolehkah Dato' Harun bertanding dalam pilihan UMNO? Desakan semakin memuncak supaya Dato' Harun bertanding. Berbagai tafsiran diberi menunjukkan beliau boleh bertanding dalam pilihan UMNO, tetapi selepas menang, hendaklah beliau meminta kebenaran dari pihak berkuasa untuk memegang sesuatu jawatan yang diberi kepadanya.

Dalam pilihan UMNO tahun 1981 Dato' Harun telah dipilih sebagai Naib Presiden. Permintaan pun dibuatlah kepada pihak berkuasa. Kerajaan lama pimpinan Dato' Hussein yang memenjarakan Dato' Harun, digantikan oleh kerajaan baru pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Sebagai mengisi slogan bahawa 'parti itu kerajaan dan kerajaan parti' maka Dato' Harun pun dibenarkan memegang jawatan Naib Presiden UMNO.

Semenjak itu timbullah pula berbagai desakan supaya Dato' Harun diberikan pula pengampunan. Pihak-pihak tertentu mendakwa bahawa mereka tiada suara dalam pengampunan melainkan terserahlah kepada kuasa istimewa Yang di-Pertuan Agong. Lalu rayuan demi rayuan dibuat oleh orang ramai.

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong berada dalam keadaan serba salah. Pengampunan bermakna "pasport" kepada seorang yang sudah memasuki penjara mendapat semula haknya seperti biasa — bersih seperti anak-anak dari segi undang-undang. Jika Dato' Harun menjadi Menteri Besar semula atau menjadi Menteri atau Perdana Menteri, maka bermaknalah seorang yang sudah masuk penjara oleh keputusan mahkamah akan memegang kuasa pemerintahan negara dan mentadbirkan undang-undang semula. Kesannya tentulah besar dan akibatnya luas. Keadaannya berlainan sekali dengan seseorang yang ditahan di bawah Undang-Undang Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Adalah satu perkara biasa memasuki semula gelanggang politik bagi seseorang yang ditahan di bawah Undang-Undang Keselamatan. Keadaan dan amalan seperti ini memang berlaku di merata negeri di dunia. Sebaliknya, bagi seseorang yang dipenjara oleh mahkamah untuk memegang teraju kerajaan adalah lain soalnya. Ini persoalan yang besar perlu dihalusi dan dipecahkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Sebagai pengetahuan umum, maka pendapat Yang di-Pertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah, mengenai perkara ini adalah seperti keterangan Baginda sendiri:

"Tugas dan tanggungjawab Ahli-Ahli Jemaah ini sangat berat. Sungguhpun tidak dibebankan dengan proses undang-undang dari satu peringkat ke satu peringkat dalam mahkamah, tetapi ahli-ahli adalah berhadapan dengan denyut jiwa masing-masing atau "conscience". Tiap-tiap keputusan dan hujah yang dikemukakan dalam mahkamah ada undang-undangnya sebagai panduan serta rujukan. Sebaliknya pula Ahli-Ahli Jemaah semata-mata berpandu kepada

"conscience" dan tiap-tiap keputusan yang diambil baik atau tidak adalah ditanggung oleh "conscience" sendiri.

"Suka saya hendak menekankan bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh Jemaah tidak boleh dijadikan sebagai tauladan atau "precedent" kepada kes-kes di masa hadapan. Jemaah menimbang dan memutuskan dengan berpandukan kepada keadaan yang ada dalam negeri pada masa ini. Dengan adanya sistem pemerintahan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara, maka kita telah dapat maju ke hadapan setapak demi setapak dalam semua lapangan, sama ada, ekonomi, sosial dan politik dengan tidak ada gangguan hinggalah kita dapat menyambut Jubli Perak (25 tahun) Kemerdekaan. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang anak watan untuk memelihara dan mempertahankan sistem pemerintahan Negera yang ada sekarang.

"Dalam pada itu pula, Jemaah mengambil kira talian dan reaksinya seperti perasaan Hakim-hakim yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Pendakwa Raya, Kedudukan Raja-Raja yang mengangkat saya ke Takhta Kerajaan Pusat, dan pihak Pentadbiran dulu dan sekarang. Begitu juga dengan reaksi dunia terhadap MARUAH NEGARA, kerana seluruh dunia menghormati sistem pemerintahan kita yang mengasingkan tanggungjawab Parlimen (legislature), Pentadbiran (Executive) dan Kehakiman (Judiciary). Sistem ini bukan sahaja dipandang tinggi oleh seluruh dunia, tetapi sudah memberi kesan kepada negara yang jelas mendapat faedah dan nikmatnya selama suku abad.

"Seperti yang kita semua ketahui, kes bekas Menteri Besar Selangor Dato' Harun Idris telah mendapat publisiti yang luas di dalam dan di luar negeri semasa perbicaraan dijalankan dulu. Dalam pada itu pula, kes ini telah menarik perhatian umum yang begitu mendalam. Beberapa rintangan telah timbul dalam proses Undang-Undang dan telah mengambil masa selama beberapa tahun, tetapi keluhuran Undang-Undang dapat juga dipelihara. Semuanya ini adalah menjadi sejarah belaka dan membuktikan pentadbiran Negara kita berjalan di atas lunas Undang-Undang.

"Dengan kes ini juga adalah jelas bahawa Undang-Undang itu merupakan "PAYUNG" kepada semua rakyat, tidak mengira sama ada seorang itu kaya atau miskin dan berpangkat ataupun rakyat biasa. Jika seseorang itu bersalah, maka beliauah yang menerima hukuman dari segi Undang-Undang dan tidak sesiapa juga yang boleh memperkosai Undang-Undang atau "No one could take the law into their own hands."

Seri Paduka mengingatkan "dalam 1981 saya telah menggunakan kuasa istimewa Yang di-Pertuan Agong (royal prerogative) untuk

meringan atau mengurangkan hukuman ke atasnya. Ini tidak merupakan pengampunan atau "royal pardon." Dengan itu, beliau telah keluar dari penjara menjelang Aidilfitri. Dalam tahun 1982, kesnya itu dikemukakan di hadapan Jemaah untuk mendapatkan pengampunan. Kedua-duanya adalah mempunyai istilah dan erti yang berlainan.

"Apa yang suka saya hendak tegaskan di sini ialah saya suka mengambil keputusan itu dulu semata-mata atas sifat perkemansiaan dan dikaji dengan keadaan atau environmen di masa itu. Keputusan yang saya buat dulu tidak seharusnya ditafsirkan sebagai langkah permulaan ke proses pengampunan."

Seri Paduka menambah: "Saya hendak mengingatkan bahawa keputusan yang diambil tidak tertakluk kepada mana-mana tekanan atau "pressure" tetapi semata-mata lahir dari hati ikhlas ahli-ahli Jemaah sendiri."

Dengan menggunakan kuasa istimewa Yang di-Pertuan Agong, maka Dato' Harun Idris mendapat pengampunan pada 31.8.1981 — sebagai mengingati dan sempena Jubli Perak Merdeka.

## Patah Tumbuh, Hilang Berganti

---



erusia 56 tahun, Dato' Seri Dr. Mahathir adalah seorang "veteran" dalam arena politik tanahair.

Selepas menandatangani Watakah Perlantikan dan Watakah Sumpah Taat Setia, maka Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengiringi Seri Paduka Baginda ke bilik khas untuk menghadiri satu upacara penganugerahan kepada bekas Perdana Menteri Dato' Hussein Onn.

Dalam satu upacara yang ringkas itu, Seri Paduka Baginda telah menganugerahkan kepada bekas Perdana Menteri bintang kebesaran negara — Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang bergelar TUN. Di hadapan Seri Paduka Baginda, di bilik itulah merupakan saat tamatnya era Hussein Onn dan bermulanya era Mahathir. Seri Paduka tidak dapat menahan perasaan sayu lalu mendakap dan memeluk Tun Hussein Onn.

Pengunduran Tun Hussein diatur begitu rupa sehingga rakyat Malaysia menerima perubahan dari "ERA HUSSEIN" ke "ERA MAHATHIR" secara tenang; dan "style" pertukaran pimpinan kali ini mempunyai cara yang tersendiri. Inilah kali pertama pilihan pucuk pimpinan diserahkan kepada Perhimpunan Agong UMNO untuk menentukan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Dengan cara demikian, maka Perhimpunan Agong UMNO Ke 32 merupakan satu perhimpunan yang menempa sejarah. Presiden UMNO menang tanpa bertanding (iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad) dan sudah menjadi tradisi menjadi Perdana Menteri, manakala jawatan Timbalan Presiden merupakan pertandingan yang hebat antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dato' Musa Hitam, iaitu bagi menentukan calon Timbalan Perdana Menteri.

Pada kali pertamanya kedua-dua pihak menjalankan kempen masing-masing. Suasana kempen boleh dikatakan lebih hebat dari kempen pilihanraya umum. Bezanya, dalam kempen pilihanraya umum masing-



masing mengeluarkan ucapan secara terbuka untuk menegakkan pendirian masing-masing. Masing-masing mempunyai pekerja-pekerja. Akhirnya pada 26 Jun, 1981 di Hotel Hilton, maka diumumkan bahawa Dato' Musa Hitam menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah. Dengan keputusan itu, maka diharapkan supaya semua ahli-ahli UMNO bersatu semula.

Semasa Tunku Abdul Rahman Putra bersara, beliau telah menonjolkan kepada Perhimpunan UMNO Allahyarham Tun Razak sebagai pengantinya; dan Allahyarham Tun Dr. Ismail sebagai Timbalan Perdana Menteri. Ahli-ahli parti menerima dengan baiknya dan tidak timbul komplot-komplot dalam parti. Allahyarham Tun Dr. Ismail pergi terlebih dulu. Allahyarham Tun Razak menunjukkan pula Dato' Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri menggantikan Allahyarham Tun Ismail, dan ahli-ahli parti menerima dengan penuh harapan. Apabila Allahyarham pergi pula, maka Dato' Hussein menunjukkan Dato' Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahli UMNO menerima dengan senangnya.

Apabila tiba giliran Dato' Hussein Onn meninggalkan pimpinan, beliau tidak pula mengikuti sistem yang diamalkan terdahulunya, tetapi menyerahkan kepada parti seluruhnya. Dengan demikian partilah yang bersuara dan Perdana Menteri Ke 4 dan Timbalannya tidak ada terhutang budi kepada sesiapa melainkan kepada parti sahaja. Samada sistem yang diwujudkan oleh Tun Hussein boleh memberi faedah kepada UMNO masa depan atau pun tidak, sejarah sahalalah yang akan menentukannya.

Tun Hussein adalah Perdana Menteri yang kedua bersara dari jawatan; dan yang pertama ialah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Kedua-duanya mempunyai "style" yang tersendiri dan sikap yang tersendiri. Semenjak Tunku Abdul Rahman meninggalkan pimpinan parti dan kerajaan, maka parti dan kerajaan yang diwarisi oleh Allahyarham Tun Razak dan Tun Hussein Onn meningkat maju dari satu ke satu masa hinggan Malaysia sebuah negara yang kecil, menjadi sebuah negara yang disegani dunia. Cara pilihan pucuk pimpinan seperti yang diwujudkan oleh Tun Hussein Onn tidak seharusnya menimbulkan "kem-kem yang berasingan dalam UMNO" akibat "saingan gergasi" antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dato' Musa Hitam. Kempen bermula sebaik sahaja Tun Hussein mengumumkan secara resmi hendak bersara di Johor Baru pada 15 Mei, 1981. Dalam ucapan itulah juga beliau mengeluarkan "formula" pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO yang sudah menjadi tradisi menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Kata Tun Hussein:

"Sebagaimana kita maklum, Perhimpunan Agung UMNO akan

diadakan pada 26 Jun, 1981 depan. Perhimpunan ini akan memilih pemimpin-pemimpin Parti, termasuklah Presiden dan Timbalan Presiden. Presiden UMNO, sebagai Ketua Parti yang menjadi teras Kerajaan, akan juga memegang jawatan Perdana Menteri.

Beban tugas dan tanggungjawab seseorang Perdana Menteri adalah berat. Bagi negara kita yang pesat membangun dan dengan keadaan politik dan sosio-ekonomi masyarakat berbilang kaum, beban ini menjadi lebih berat lagi. Keadaan seperti ini memerlukan pucuk pimpinan yang dapat menumpukan sepenuh fikiran dan tenaga kepada semua masalah dan cabaran yang dihadapi oleh negara.

"Baru-baru ini terdapat berbagai spekulasi mengenai saya. Biarlah saya menjelaskan perkara ini.

"Sepertiman termaklum saya telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih dari sepuluh tahun. Dalam tempoh ini saya telah memegang berbagai jawatan. Jawatan Perdana Menteri telah saya pegang lebih dari lima tahun.

"Dengan keadaan kesihatan saya akhir-akhir ini, saya telah menimbangkan dengan teliti beban dan tanggungjawab saya sebagai seorang Perdana Menteri dan Ketua Parti. Adalah menjadi harapan saya bahawa pembedahan yang saja jalani akan membolehkan saya menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab yang diharapkan daripada Ketua Parti kepada Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, dalam tempoh selepas pembedahan ini saya berasa bahawa kesihatan saya tidaklah sepertimana yang saya harapkan. Memandangkan kepada hal ini saya khuatir saya tidak dapat menunaikan sepenuhnya tugas dan tanggungjawab jawatan-jawatan Ketua Parti dan Perdana Menteri. Dalam kepentingan negara, jawatan Ketua Parti dan Perdana Menteri harus disandang oleh seorang yang tidak terganggu kesihatannya dan dapat memikul sepenuhnya tanggungjawab dan tugas jawatan-jawatan ini.

"Perubahan pemimpin adalah perkara biasa. Perubahan ini hendaklah berlaku dengan licin dan teratur. Bagi menjamin keadaan ini, masa bagi sesuatu perubahan itu perlulah sesuai. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, tempoh saya memegang jawatan Presiden Parti akan berakhir dengan Perhimpunan Agung ini dan Perhimpunan kali ini akan memilih pucuk pimpinan Parti. Ini merupakan masa yang paling sesuai bagi membuat perubahan. Oleh itu, saya telah membuat keputusan tidak akan menerima pencalonan untuk bertanding bagi jawatan Presiden UMNO.

"Ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa perletakan jawatan saya harus dibuat selepas Pilihanraya akan datang. Ini memang telah saya timbangkan. Tetapi, saya khuatir dengan keadaan ke-

sihatan saya ini, ada kemungkinan saya terpaksa mengundurkan diri sebelum Pilihanraya itu. Ini sekiranya berlaku mungkin menimbulkan masalah kepada orang yang mengambilalih jawatan Ketua Parti dalam menghadapi Pilihanraya. Keputusan saya untuk meletakkan jawatan Presiden Parti menjelang Perhimpunan Agung ini memberi masa yang cukup kepada pengganti saya untuk meneraju Parti.

"Tarikh saya akan meletakkan jawatan Perdana Menteri akan saya bincangkan dengan Presiden UMNO yang baru. Adalah tujuan saya hendak meletakkan jawatan ini dengan secepat mungkin.

"Kepimpinan adalah faktor utama bagi menjamin kekuatan Parti kita. Kita mestilah menjamin supaya UMNO sentiasa mempunyai barisan pemimpin yang berkaliber. Oleh itu, kita mestilah memupuk kelahiran tokoh-tokoh yang dapat meneruskan perjuangan kita. Ini sentiasa menjadi panduan saya. Pendirian ini menjadi salah satu faktor di dalam keputusan saya tidak bertanding lagi."

Istana Negara adalah penuh dengan sejarah. Sebagai lambang keagungan pemerintahan secara beraja, maka Istana Negara dapat dilihat dan menerima berbagai-bagai peristiwa sejarah — suka dan duka. Sebagai istana yang terletakinya Takhta Negara, maka ia merupakan satu institusi keagungan negara dan lambang perpaduan negara.

Kedudukan Istana Negara bukanlah seperti "White House" di Amerika Syarikat atau pun Malacanang di Filipina kerana apa juga peristiwa politik atau perubahan dalam bidang pentadbiran, maka takhta itu adalah tetap dengan keagungannya. Manakala "White House" adalah rebutan politik. Istana Negara adalah serupa dengan Buckingham Palace di England, atau pun di Istana Raja Thai ataupun Palace di Istana Raja Mekah, Arab Saudi. Takhta mengatasi pergolakan politik yang menyelubungi pentadbiran dan tidak berbau politik.

Keagungan Takhta di mana saja memang merupakan institusi penawar dan penyejuk. Apa juga yang berlaku kepada arena politik, rakyat masih mempunyai satu institusi iaitu monarki untuk mendapatkan perlindungan. Sistem monarki tidak berat kepada mana-mana aliran politik, melainkan menentang ideologi komunis.

Keagungan Takhta dalam sistem pemerintahan beraja sudah dapat diuji. Dalam mana-mana negara yang mengamalkan sistem bertakhta, maka Raja merupakan penyatuan perbezaan politik dalam sesebuah negara itu. Tiap-tiap perbezaan dan krisis politik pihak pentadbiran dapat diredakan dengan menggunakan pengaruh Takhta. Krisis politik 13 Mei 1969 ditenteramkan melalui pengaruh Takhta. Krisis di Kelantan juga ditenteramkan secara itu.

Pusingan pimpinan dalam sistem pemerintahan beraja adalah diibaratkan seperti roda kereta. Dalam bidang jarak jauhnya beratus batu

maka tayarnya perlu ditukar. Penukaran tayar tidak melibatkan penukaran rim kereta itu. Tayar ditukar tetapi rimnya tetap gagah. Pemimpin pergi pemimpin datang, tetapi sistem pemerintahan secara beraja tidak cemar atau pudar. Itulah yang dikatakan oleh pujangga "patah tumbuh hilang berganti."

## Lawatan Ke Negara Asing

---



Setiap Perdana Menteri mempunyai "style"nya sendiri. Semasa Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman, merangka pentadbiran negara dirangkanya sesuatu yang sesuai dengan keadaan sebelum dan selepas merdeka. Allahyarham Tun Razak merangka pentadbirannya mengikut "style"-nya selaras dengan tindakan darurat bari mempercepat perlaksanaan pembangunan. Tun Hussein Onn pula meletakkan kepercayaan kepada setiap orang yang diberikan tanggungjawab dan hanya campur-tangan bila timbul satu-satu perkara baru. Beliau memerlukan latarbelakang terperinci terlebih dulu sebelum sedia membenarkan berbincang dengannya.

Bila tiba era keempat, pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad juga merangka "style" pentadbirannya secara pragmatis dan meletakkan beberapa garis tertentu padanya. Beliau sendiri meneliti satu-satu perangkaan dasar dan pelaksanaannya secara terperinci — dari sebesar-besar kepada sekecil-kecil projek. Misalnya, hingga berkali-kali beliau membawa perkara-perkara seperti kebersihan bandar. Dan sebagai seorang doktor, beliau pergi jauh mengenai kecantikan dan kebersihan di merata-rata tempat. KEPADANYA "apabila tandas bersih dan cantik, maka akan bersihlah fikiran seseorang pelaksana projek."

Dalam hubungan luar negeri pula Dato' Seri Dr. Mahathir meletakkan keutamaannya kepada ASEAN, ke bidang hubungan negara-negara Islam dan ke peringkat Commonwealth. Keutamaan seperti ini besar ertinya kerana pelaksanaan dasar negara tertumpu kepada bidang-bidang ini.

Sesuai dengan keutamaannya itu, maka beliau sendiri melawat negara-negara ASEAN selepas mengambilalih tanggungjawab negara. Seperti Perdana Menteri-Perdana Menteri dahulunya, Dato' Seri Dr.

Mahathir juga membuat lawatan ke Indonesia sebagai tugas utamanya. Selepas itu, beliau melawat negara-negara ASEAN yang lain. Berpegang teguh pada prinsipnya, Dato' Seri Dr. Mahathir tidak menghadiri persidangan Negara-negara Commonwealth di Australia yang diadakan beberapa bulan selepas beliau mengambilalih tugas Perdana Menteri.

Dan sesuai pula dengan prinsip pendekatan itu, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberikan keutamaan itu. Ketua Negara Malaysia membuat lawatan ke negara asing dengan berkunjung berangkat ke Indonesia. Seri Paduka kemudian berkunjung berangkat ke negara Kuwait dan negara di-Raja Arab Saudi.

Kunjungan di-Raja ke negara-negara Kuwait dan negara di-Raja Arab Saudi mempunyai sejarah yang tertentu. Kuwait dan Arab Saudi keduanya mengamalkan sistem beraja. Perbezaan antara Kuwait dan Arab Saudi dengan Malaysia ialah kedua-dua raja negara Islam itu merupakan Ketua Eksekutif, manakala Malaysia mengamalkan sistem seperti di England, Thailand dan Jepun. Dengan kata-kata lain, Takhta Malaysia merupakan kedaulatan negara yang tiada kaitannya dengan politik. Ketua Negara Malaysia adalah lambang kedaulatan dan perpaduan negara. Segala pentadbiran dan pengurusan politik terserah kepada Perdana Menteri dan Kabinetnya. Sistem Malaysia ini, seperti yang telah diterangkan di peringkat awal tadi, terpisah dari iklim politik dan takhta merupakan tiang perpaduan kaum dari sebarang parti politik atau kaum serta lapisan masyarakat.

Kunjungan di-Raja ke negara-negara Kuwait dan Arab Saudi berlanjutan dalam era pembangunan. Kedua negara itu merupakan salah satu punca Malaysia untuk mendapatkan bantuan pendapatan kewangan bagi menjayakan projek-projek pembangunan negara. Dengan struktur pemerintahan dan adat resam negara-negara tersebut seperti itu, maka lawatan di-Raja ke dua-dua negara Asia Barat itu mempunyai corak yang berlainan. Dalam lawatan-lawatan kedua-dua negara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengetuai rombongan-rombongan di-Raja sebagai mengembangkan hubungan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut dan Kebawah Duli mengetuai rombongan perserorangan. Rombongan di-Raja ke dua buah negara tersebut diiringi oleh dua orang Menteri, Menteri Pengiring saya sendiri, dan Menteri yang meneruskan rundingan perdagangan, Tengku Razaleigh Hamzah. Semasa ke negara Saudi pula, Tengku Rithauddeen menjadi Menteri yang menguruskan rundingan perdagangan. Sementara saya juga dipilih sebagai Menteri Pengiringnya.

Perbincangan bermula antara "Empat Mata" iaitu antara kedua-dua

Raja, dan selepas itu diikuti pula oleh Menteri dan pegawai-pegawai lain. Sudah menjadi adat dan tradisi serta sistem pemerintahan di sana bahawa apa juga yang diperkenankan oleh rajanya adalah muktamad. Rundingan antara raja dengan raja adalah lebih senang dan selesa kepada raja-raja Arab itu. Mereka berasa mereka berunding sama sendiri dan setaraf. Dalam satu perbincangan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Marhum (Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka) Baginda Al-Malek Khalid, berkata: "saya menganggap rakyat Malaysia bukan setakat sahabat, tetapi adalah sebahagian daripada rakyat Saudi."

Sifat-sifat kerabat di-Raja antara Takhta Malaysia dengan Arab Saudi memang banyak dizahirkan oleh Raja Khalid. Adalah dirangka Baginda Raja Khalid memberikan jamuan negara untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, manakala Duli Yang Teramat Mulia Putra Mahkota (Putra Fahd) pula memberikan jamuan perpisahan. Tanpa memberi sebarang alasan, dengan tiba-tiba Raja Khalid mengumumkan beliau turut bersama dalam jamuan perpisahan yang diberikan oleh Putra Fahd (sekarang Raja Saudi).

Dalam jamuan yang sepatutnya penuh dengan protokol itu, mereka berbual tiada habis-habisnya. Sungguh pun mereka baru bertemu, tetapi nampaknya seolah-olah mereka sudah mempunyai tali persaudaraan yang erat dan mesra. Sikap Raja Khalid yang sedemikian (menghadiri satu-satu upacara di luar jadual) boleh dikatakan tidak pernah dilakukannya. Rombongan di-Raja dari Malaysia sendiri sangat terkejut dengan tindakan Raja Khalid itu. Dari kalangan Istana Riyadh, tindakan itu adalah satu keistimewaan yang ditunjukkan Baginda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Satu lagi peristiwa yang memeranjatkan ialah menziarahi Ka'abah. Sungguh pun pada masa-masa lalu ada beberapa orang yang diberi keistimewaan memasuki Ka'abah, tetapi jumlahnya adalah terhad. Bagi rombongan di-Raja Tuanku Agong, Raja Khalid telah memberikan kebenaran kepada semua ahli rombongan (termasuklah jurugambar dan para wartawan) untuk memasukinya. Memanglah tidak dibenarkan mengambil gambar dalam Ka'abah. Begitu juga halnya di makam Rasulullah, semua yang menziarahi dibenarkan masuk.

Dan begitulah juga dengan kapalterbang Al-Malik Khalid. Dua buah kapalterbang di-Raja itu diberi untuk kegunaan Tuanku Agong semasa berada di sana. Dalam kapalterbang-kapalaterbang tersebut sungguh mengagumkan. Semuanya lengkap dengan alat-alat hubungan ke seluruh dunia dan di dalamnya juga lengkap dengan bilik-bilik di-Raja.

Dalam perbincangan-perbincangan mengenai projek-projek bantuan,



*Orang Tua Pahang — 100 tahun — Pakcik Rahman bin Samad datang berpapah dan merasa bersyukur bila diperkenankan menemui Yang di-Pertuan Agong.*



*Untuk si kecil selalu ada hadiah dari Yang di-Pertuan Agong pada setiap hari raya.*





*Seri Paduka Baginda sedang bersembahyang hari raya diiringi oleh Tun Hussein Onn.*



*TuanKu yang diiringi oleh Ketua Menteri Dato' Patinggi Taib Mahmud sedang menyaksikan satu daripada cara istiadat menyambut Baginda.*



*Yang di-Pertuan Agong sedang menyerahkan sebungkusan hadiah kepada seorang pesakit ketika Baginda berangkat melawat Hospital Tentera Kem Trendak di Melaka.*



*Paling seronok bila setiap keberangkatan Yang di-Pertuan Agong melawat sesebuah kampung. Baginda cuba menarik tali bersama rakyat. Inilah salah satu caranya Baginda merapati dan mendekati hati rakyatnya secara mesra.*



*Yang di-Pertuan Agong berkenan menerima mengadap kanak-kanak berbagai kaum di satu Majlis Rumah Terbuka dan memberi sedikit nasihat kepada mereka.*




*Yang di-Pertuan Agong sedia ingin mendengar jawapan dari seorang kanak-kanak cacat tentang dirinya.*



*Turun ke tengah sawah. Yang di-Pertuan Agong mencuba sendiri memotong padi di Kampung Serandu. Pekan.*



*Rakyat tersenyum gembira dapat bersua muka dengan Yang di-Pertuan Agong sewaktu Baginda berkenan melawat kompleks Geraktani di MADA dalam lawatan rasminya ke Kedah.*




*Yang di-Pertuan Agong merasa amat selesa cuba menggoreng sesuatu disaksikan oleh hadirin wanita yang turut terpesona akan kerelaan Baginda itu.*




*Yang di-Pertuan Agong sedang memegang tangan MP Michael Tembakar dalam satu upacara pengislaman di Kiningau. Encik Tembakar mengambil Ahmad sebagai nama Islamnya.*



*Baginda sedang menyiram pokok yang baru ditanamnya sebagai sempena satu lawatannya.*



*Sesekali ke pasar dalam satu lawatan rasmi, Baginda meneliti ikan-ikan yang dijual.*



*Yang di-Pertuan Agong sentiasa rajin bertanya khabar kepada rakyat yang dilawatinya, khususnya di sekitar diri, kesihatan dan bidang kerja seseorang.*

*Atas: Yang di-Pertuan Agong bertitah mengusik "anak comel" kepada seorang anak yang hadir di Pameran Angkatan Tentera pada Hari Tentera tahun 1981.*





*Peminat kecil kagum bila pipinya dijamah oleh Yang di-Pertuan Agong ketika Baginda berangkat melawat sebuah kampung.*





*Menumbuk padi? Yang di-Pertuan Agong tidak sedikitpun kelihatan canggung bila melakukannya di Kampong Paya Sepayang, Rompin.*

kedua-duanya (Tuanku Agong dan Al-Malek Khalid) telah dapat mengatasi beberapa perkara yang sudah lama tidak terselesaikan di peringkat-peringkat bawah. Dalam sebarang perbincangan sama ada rasmi atau tidak rasmi, kedua-duanya menumpukan perhatian kepada usaha memajukan kedudukan ekonomi umat Islam di seluruh dunia. Dari perbincangan-perbincangan mereka itu jelaslah terbukti bahawa negara-negara Arab Saudi mengaitkan sains Islam dalam konteks pembangunan masyarakat Islam. Dalam pada itu, amalan "menuju ke akhirat" tidak juga ketinggalan. Pada setiap waktu sembahyang fardhu, kelihatanlah mereka menunaikan sembahyang fardhu di mana-mana saja terdengar azan dari masjid-masjid yang bertaburan di merata-rata tempat. Kebawah Duli Tuanku Agong, dalam titah Baginda kepada mahasiswa-mahasiswa Madinah, terus terang mengatakan:

"Pembangunan fisikal di negara-negara Islam ini besar ertinya kepada kita di Malaysia. Sebagai sebuah negara Islam Malaysia adalah sentiasa mengikuti perkembangan kemajuan di negara-negara Islam, khususnya di Asia Barat. Di samping asuhan rohani yang melahirkan "disiplin diri" di kalangan umatnya, maka kerajaan-kerajaan Islam di Asia Barat ini tidak pula melupa atau membelakangkan pembangunan ekonomi negara untuk memberi kesenangan-kesenangan hidup kepada rakyatnya. Dengan kata-kata lain, kerajaan-kerajaan di dunia Islam, sebelah sini, benar-benar menterjemahkan kehendak agama kita yang menggalakkan umat Islam berusaha merebut kekayaan serta kesenangan di dunia dan seimbang dengan itu pula mereka juga membuat "persiapan untuk akhirat."

Titah Baginda, sungguhpun pelajar-pelajar itu berada di negara tersebut sebagai penuntut, tetapi perlulah juga mereka mengikut perkembangan dan mengambil kira kemajuan ini supaya setelah pulang ke tanahair nanti mereka akan dapat memainkan pula peranan masing-masing di negaranya sendiri. Di negara kita, titah Baginda selanjutnya, sudah mula timbul gejala-gejala di kalangan setengah-setengah pihak, kononnya, sebagai sebuah negara Islam rakyat Malaysia tidak lagi perlu menumpukan perhatian kepada kehidupan di dunia.

"Jika Umat Islam di Malaysia mempunyai sikap demikian, mereka akan rugi kerana kerajaan kita di Malaysia, sepertilah juga di negara-negara Arab di sini, sedang membelanjakan wang yang banyak untuk membuat projek-projek bagi meninggikan ekonomi orang Islam. Jika Umat Islam di Malaysia dipengaruhi oleh dakwah palsu ini, maka orang-orang bukan Islam akan lebih maju dari orang Islam dan orang-orang Islam akan ketinggalan di negara mereka sendiri."

"Atas kebimbangan inilah," titah Baginda, "saya sengaja meminta masukkan dalam aturcara lawatan saya di negara-negara Islam ini acara menemui penuntut-penuntut dan juga melawat pembangunan-

pembangunan ekonomi dan fisikal di negara-negara itu. Apa yang saya harapkan kepada penuntut-penuntut yang belajar di universiti-universiti negara-negara Islam seperti di Asia Barat ini ialah supaya dapat menguasai falsafah perjuangan negara seluruhnya dengan menggunakan 'formula Islam'. Kita di Malaysia juga berbuat demikian, tetapi di salah-tafsirkan oleh setengah-setengah pihak."

Seri Paduka mengingatkan bahawa para pelajar mempunyai tugas yang amat penting apabila pulang ke tanahair nanti. Masyarakat kita di Malaysia amat mendahagakan panduan Islam dalam konteks pembangunan. Pelajar-pelajar itu, tambah Baginda, diasuh di dalam suasana negara Islam, di samping menuntut ilmu akademi, secara tidak langsung, adalah diasuh dengan cara hidup sebuah negara Islam yang sebenar. Umat Islam di negara-negara Asia Barat, khususnya di negara Arab Saudi tanah tumpah darah Nabi Muhammad S.A.W., adalah sentiasa menggembeling tenaga untuk merebut kekayaan dunia dan akhirat. Mereka lebih teruk dan susah dengan iklim yang panas, tetapi mereka tetap gigih merebut kekayaan dunia.

"Saya meletakkan harapan yang penuh kepada penuntut-penuntut Malaysia yang diasuh cara hidup seperti ini untuk mempengaruhi fikiran rakyat Malaysia apabila balik kelak. Penuntut-penuntut Malaysia ini saya ibaratkan sebagai "pendakwah-pendakwah Pembangunan Negara" yang berorientasikan Islam apabila balik ke tanahair kelak."

Pertemuan dengan para pelajar dan mahasiswa di Arab Saudi itu diuruskan atas permintaan Kebawah Duli Tuanku sendiri. Dua perjumpaan telah diadakan — satu di Universiti Madinah dan satu lagi perjumpaan ramah mesra dengan Kebawah Duli Tuanku. Dalam kedua-dua perjumpaan itu, penuntut-penuntut di sana menganggap Kebawah Duli Tuanku sebagai seorang Raja yang benar-benar berjiwa rakyat suka menemui rakyat di mana-mana sahaja Baginda berada. Itulah juga falsafah yang diperjuangkan oleh Rasulullah dahulu — sentiasa berganding bahu dengan rakyat, memahami kehendak mereka dan mengaturkan pentadbiran untuk rakyat. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke negara Arab itu telah ditakrifkan juga sebagai melambangkan hasrat umat Islam di Malaysia hendak merapatkan hubungan silaturrahim dengan rakyat Islam di Asia Baratm khususnya di Saudi Arabia.

Kemesraan Kebawah Duli Tuanku dianggap oleh pelajar-pelajar itu sebagai melambangkan kekuatan, menjadi ilham kepada mereka untuk merebut ilmu pengetahuan dan memahami cara-cara perjuangan orang Arab, bukan sahaja dalam bidang agama, tetapi juga dalam bidang fizikal dan material dan konteks pembangunan dunia moden.

Semua negara di dunia mengatur strategi pembangunannya sendiri. Rancangan pembangunan di negara-negara Islam di Asia Barat ini adalah menarik perhatian. Di zaman purba, hatta di zaman Rasulullah

S.A.W. sekalipun, orang-orang Arab menunggang kuda atau unta di padang pasir. Kuda dan unta inilah menjadi jentera pengangkutan. Dalam zaman moden ini pula pandangan dalam padang pasir itu adalah berlainan — sama ada manusia berjalan sendiri ataupun mereka menggunakan kereta. Di tengah-tengah padang pasir kelihatan kereta dan jentera. Jalan raya dibina begitu besar, terkadang-kadang lebih besar dari otoban di Jerman Barat atau Superhighway di Amerika Syarikat. Dulu orang-orang Arab ini berteduh di kawasan "oasis" atau dunsundun buah tamar sahaja, tetapi kini mereka berteduh di flet-flet dalam kampung baru di tengah padang pasir itu. Bukan setakat itu sahaja, di sekeliling bandar atau kota di seluruh Saudi, hatta di sekeliling Kota Mekah, Mina atau Arafah, kelihatan pokok-pokok ditanam dengan subur. Pokok-pokok ini bukan sahaja sebagai hiasan, tetapi juga memberi perlindungan setiap masa kepada manusia, khususnya dalam musim haji.

Bangunan-bangunan dibina, termasuklah lapangan terbang khas di Saudi, untuk kesenangan berjuta-juta umat Islam ke Mekah setiap tahun. Masjid Mekah mempunyai alat-alat yang termoden bagi kesenangan orang-orang haji. Kerajaan di-Raja Arab Saudi melengkapkan tempat ibadat bagi kesenangan kepada umat Islam yang menziarahinya. Itulah juga yang dilakukannya di Madinah.

Mekah adalah kota Islam — untuk umat Islam menunaikan fardhu haji. Jika pihak Kerajaan Arab Saudi memisahkan konsep pembangunannya dengan perjuangan Islam, maka sudah tentulah Kota Mekah itu tidak diperlengkap dan diberi kesenangan. Oleh kerana konsep pembangunannya dirangka dalam konteks "falsafah Islam", maka konsep pembangunannya juga dikaitkan dengan perkembangan Islam. Dengan demikian, maka umat Islam seluruh dunia mendapat faedah dari pembangunan Saudi itu.

Kerajaan di-Raja Saudi tidak rungsing soal "foreign exchange." Wang dari hasil minyaknya tidak berhabisan. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa negara-negara asing, khususnya negara-negara Islam, mengunjungi Arab Saudi untuk mendapatkan bantuan kredit.

Program pembangunan di negara-negara Arab itu berasaskan "formula Islam". Dan pembangunan di negara-negara Arab tiada hadnya. Adalah menjadi hakikat bahawa Arab Saudi menggunakan perjuangan Islam dengan perjuangan pembangunan masyarakat. Kepentingan agama tidak terjejas. Dalam pada itu pula, pembangunan masyarakatnya menjinakkan padang pasir. Dengan teknologi moden usaha menjinakkan padang pasir untuk dijadikan kampung halaman itu sudah berjaya. Mengikut pendapat pemimpin Arab, jika pembangunan itu dihadkan hanya kepada pembangunan yang dipelopori oleh Nabi semata-mata, maka umat Islam sudah tentulah ditindas oleh orang-orang bukan Islam. Teknologi pembangunan zaman Rasulullah dulu adalah terhad

kepada keadaan dalam zaman itu. Tidak bermakna kita tidak boleh melangkah ke hadapan untuk kemajuan lebih dari itu kerana Rasulullah memang menggalak dan mementingkan pengetahuan dan penyelidikan. Hasil penyelidikan manusia zaman moden inilah yang digunakan oleh umat Islam.

Perbezaan pergerakan Islam di negara-negara Arab dengan Malaysia agak berlainan. Di sana Islam dan sains Islam itu digunakan bagi pembangunan, makakala di Malaysia kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin Islam menggunakan Islam itu sebagai alat perjuangan politik. Mereka menggunakan "gimik-gimik" yang ditokok-tambah seperti "kafir-mengkafir".

Penggunaan teknologi moden di negara-negara Arab ini adalah mengagumkan. "Teknologi air"nya, misalnya, amat menarik perhatian. Di Arab Saudi air bukan lagi menjadi masalah, bukan sahaja untuk kegunaan manusia, bahkan untuk haiwan dan tumbuhan-tumbuhan.

Pada zaman dulu, rakyat Arab bergantung kepada air takungan dan lopak-lopak dalam padang pasir sahaja. Sekarang mereka menggunakan "water desalination plant" iaitu kilang penawar air masin dari air laut. Seluruh air minum disediakan dari air laut. Jika dikira dengan jumlah orang yang melawat Mekah atau Madinah, maka sudah tentu mereka akan kekurangan air. Sebaliknya tidak. Air dihantar melalui saluran paip ke merata-rata tempat.

Dalam pada itu, ada pula yang baru proses air. Yang mengagumkan ialah "recycling of the waste water" iaitu diproses semula air yang sudah dipakai untuk kegunaan tanaman khas yang memberi perlindungan dan mencantikkan bandar-bandar.

Lawatan di-Raja ke Kuwait dan Arab Saudi adalah merupakan detik pertama bagi Malaysia menghidangkan konsep Universiti Islam Antara-bangsa. Tuanku Agong memulakan perbincangan dengan kedua-dua raja itu mengenai topik kemajuan dan perkembangan umat Islam di dunia. Semasa Tuanku Agong mengemukakan konsep Universiti Islam kepada kedua-dua raja itu, konsep tersebut mendapat sambutan di luar dugaan. Kedua-dua orang pemimpin berjanji akan memberikan sokongan kepada konsep itu dengan tidak ada hadnya. Sungguhpun Arab Saudi mempunyai universiti Islam antarabangsa menampung penuntut-penuntut dari negeri-negeri luar, tetapi Raja Khalid memberikan sokongan Baginda dengan tidak ada hadnya. Pemimpin-pemimpin Arab memandang konsep itu bukan sebagai "academic rivalry" tetapi sebagai satu lagi langkah di kalangan negara-negara Islam untuk mengembangkan falsafah Islam ke seluruh dunia.

Selepas lawatan di-Raja ke Kuwait kemudiannya diikuti pula oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir dan Tan Sri Ghazali Shafie yang

masing-masing pergi ke beberapa negara Arab yang lain untuk mengemukakan konsep Universiti Islam Antarabangsa itu.

## Ke Garisan Suku Abad

---



emerintahan Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-7 memang mencatatkan banyak peristiwa bersejarah. Antara yang terpenting dalam pemerintahan Bagindalah Malaysia melangkah garisan suku abad Merdeka. Perayaan Jubli Perak Merdeka Malaysia dirai'kan begitu hebat sesuai dengan nilai kemerdekaan 25 tahun itu sendiri. Setiap rakyat dapat menoleh ke belakang dengan penuh kebanggaan kerana sebahagian program untuk mengisi kemerdekaan berhasil — ibarat pokok sudah mengeluarkan buah. Pokok-pokok itu berbuah tanpa hentinya kerana rakyat sendiri turut memainkan peranan untuk mengekalkan keadaan yang damai dan mewah.

Perayaan ulangtahun Hari Kemerdekaan sebuah negara yang dulunya pernah dijajah adalah peristiwa yang memegahkan. Pada hari itulah pihak pemerintah menunjukkan kegagahan negaranya, sesuatu yang ditunjukkan melalui perarakan — kebanyakannya perarakan ala tentera. Dalam perarakan itulah tergambar kesegakan para perajurit, meresap ucapan-ucapan patriotik yang menzahirkan kemegahan pemimpin-pemimpinnya.

Setengah-setengah negara memang sengaja mengadakan perayaan yang lebih hebat pada Hari Kebangsaannya bagi mengikis sesuatu kelemahan. Para pemimpin berdiri segak di khalayak ramai dengan gayutan bintang-bintang kebesaran seolah-olah tiada berlaku sebarang kecemasan dalam negara, sungguhpun hati rakyatnya pedih oleh kesengsaraan jiwa.

Gambaran sedemikian tidak terdapat di bawah pemerintahan Sultan Haji Ahmad Shah. Penyerahan kuasa pentadbiran dari Dato' Hussein Onn (Tun) kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berlangsung licin di bawah pemerintahan Baginda.

Sebelumnya peristiwa sedemikian berlaku juga dalam pemerintahan Yang di-Pertuan Agong ke-5 (Baginda Sultan Abdul Halim Muadzam Shah) ketika Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyerahkan teraju kerajaan kepada Tun Abdul Razak Hussain.

Pertukaran pemimpin berlaku lagi secara tiada diduga dalam pemerintahan Yang di-Pertuan Agung ke-6 (Allahyarham Sultan Yahya Petra), bila Dato' Hussein Onn (Tun) dengan penuh sedu mengumumkan kepergian Tun Abdul Razak, dan mewarisi teraju Perdana Menteri.

Pertukaran pemimpin kali ketiga dari Dato' Hussein Onn (Tun) kepada Dato' Seri Dr. Mahathir membawa kesan yang luas. Di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir berlaku berbagai perubahan politik. Ramai pemimpin politik yang dianggap "veteran" atau "pre-Merdeka" mengundur diri ataupun diundurkan. Di peringkat negeri dan pusat ramai pemimpin "post-Merdeka" mengambilalih dalam Dewan-Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Iklim politik mula memasuki era lebih "solistikated". Zaman berkempen naik basikal, berjalan kaki atau bermotobot sudah berganti kepada zaman berkempen menggunakan kereta, keretapi dan kapalterbang. Zaman makan nasi bungkus di desa berganti dengan zaman "coffee house" di kota.

Perubahan dan pusingan pemimpin seperti ini memang tidak dapat dielakkan. Zaman dulu kurang jumlah pemuda yang gemar memasuki arena politik; sekarang politik merupakan rebutan. Ada yang gagal dalam jawatan-jawatan lain terus menceburi politik untuk menjadi pemimpin. Ada pula yang terkorban. Yang muda mengambilalih tempat yang tua yang mengundur diri.

Dato' Seri Dr. Mahathir mungkin orang terakhir menjadi Perdana Menteri dari kumpulan "pre-Merdeka" atau "Angkatan 46" (UMNO lahir dalam tahun 1946) yang menjadi Perdana Menteri. Golongan dari pemimpin pelapis sebahagian besarnya terdiri dari mereka yang baru.

Dato' Seri Dr. Mahathir memulakan aktiviti politiknya sebagai salah seorang aktivis SEBERKAS (parti politik Melayu Kedah) yang dipelopori Tunku Abdul Rahman, Encik Khir Johari, Encik Senu Abdul Rahman (Dato'), Tan Sri Aziz Zain dan Dato' Ahmad Nordin Zain. Apabila UMNO lahir, ahli-ahli SEBERKAS mempelopori UMNO pula.

Dengan demikian, Dato' Seri Dr. Mahathir bukanlah baru dalam arena politik. Malah dengan iklim politik seperti ini, Dato' Seri Dr. Mahathir dianggap sebagai "jambatan" antara golongan UMNO yang veteran dengan golongan muda. Pemuda UMNO pernah memberi gelaran "Doktor UMNO" kepadanya. Beliau turut mempelopori gerakan Pemuda Tahan Lasak, tidur dalam khemah di kampung-kampung bagi mengadakan kursus politik. Beliau memang mempunyai kualiti yang istimewa.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah juga mempunyai watak yang sangat me-



narik. Beliau adalah dari keluarga yang disegani di Selangor. Datin Seri adalah salah seorang wanita Melayu yang ulung dalam ilmu perubatan. Muncul dari zaman penjajahan, beliau sangat menginsafi akan nasib keturunan sejenisnya. Tugasnya sepenuh masa kepada masyarakat, digerakkan oleh kesedaran akan nasib kaumnya sendiri.

Khidmat Datin Seri kepada masyarakat, khususnya di desa, bermula lebih awal dari Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi pemimpin. Kedudukan dan integriti Datin Seri Dr. Hasmah lebih dimaklumi. Rakyat berasa bangga dan megah dengan peranannya. Latar-belakang dan semangatnya banyak memberikan sumbangan kepada perjuangan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malah keluarga Datin Seri Dr. Hasmah sendiri adalah dari tokoh-tokoh yang kuat juga. Tun Ismail Ali — kanda Dr. Hasmah — adalah anak watan yang pertama menjadi Gabebor Bank Negara. Mungkin setengah-setengah pihak merasa seram oleh sifatnya yang serius dan pendiam, tetapi jasa beliau kepada masyarakat tidak kurang. Beliau ada bersama Encik Aziz Ishak, Dato Abu Bakar Baginda, Hamzah Alang, Dato' Yahya Razak dan Raja Mohammad bin Raja Alang ketika UMNO-MCA-MIC melahirkan Perikatan di Kuala Lumpur.

Dato' Ahmad Razali Ali — adinda Dr. Hasmah — juga telah berkecimpung dalam arena politik semenjak beliau menjadi penghulu dalam zaman penjajah. Dato' Ahmad Razali dianggap seorang 'all-rounder'. Di masjid selalu beliau diminta menjadi imam; dalam bulan puasa beliau sentiasa mengetuai tedarus dan beliau seorang yang suka berkawan.

Perasaan Dato' Hussein Onn (Tun) menyedihkan Baginda Sultan Haji Ahmad Shah. Mereka terlalu rapat dan mesra. Mereka sentiasa membincangkan masalah negara. Sungguhpun perpisahan Sultan Haji Ahmad Shah dan Dato' Hussein Onn (Tun) menimbulkan rasa silu dan pilu kepada Baginda, namun kedatangan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri baru Kerajaan Paduka Baginda sama pentingnya. Keduanya cepat menyesuaikan diri dengan bidang tugas masing-masing — Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Ketua Negara dan Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Ketua Pentadbir. Dengan adanya kemesraan antara mereka itu, maka pertukaran pemimpin kerajaan dari Dato' Hussein Onn (Tun) kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah licin dan teratur.

Sementara Perdana Menteri menumpukan segala perhatiannya kepada perubahan-perubahan dalam jabatan-jabatan untuk menyesuaikan dengan stailnya, Baginda Sultan Haji Ahmad Shah sebagai Ketua Negara pula menumpukan usahanya kepada pendekatan kerajaan dengan rakyat. Peranan Baginda ini jelas terpancar dari beberapa lawatan di-

Raja, Baginda ke tempat-tempat dan pada peristiwa-peristiwa yang bersejarah.

Sebagai Ketua Negara, maka Sultan Haji Ahmad Shah adalah "payung" kepada semua golongan rakyat, baik dari parti, agama apa dan aliran fikiran apa sekalipun. Kebawah Duli menjelajah ke negeri-negeri di dalam dan di luar. Dalam setiap lawatan di-Raja, khususnya ke negeri-negeri di Malaysia, Sultan Haji Ahmad Shah menitikberatkan perhatiannya ke bawah untuk menemui rakyat. Baginda memang sentiasa menekankan betapa pentingnya perpaduan dan kerjasama antara kerajaan dengan rakyat. Dengan demikian, rakyat merasa hampir dengan kerajaan. Keberangkatan Baginda itu sentiasa menambah keyakinan dan harapan rakyat kepada Baginda, lebih-lebih lagi kepada Kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Semasa Baginda membuat lawatan di-Raja ke Sabah, misalnya, Baginda telah melawat dan menziarahi rakyat di kampung-kampung dan ulu-ulu. Dato Haris Salleh, Ketua Menteri Sabah, sendiri mengatur dan mengepalai upacara sambutan lawatan di-Raja itu. Dalam titah Baginda di majlis santapan negeri, di Kota Kinabalu pada 8 Mei, 1982, antara lain Baginda bertitah:

"Sebagai sebuah negara demokrasi kita mengadakan pilihanraya umum sekurang-kurangnya lima tahun sekali. Pilihanraya umum 1982 baru saja selesai. Melalui pilihanraya rakyat berhak memilih parti dan pemimpin yang akan meneraju kerajaan. Dalam proses pilihanraya ini sudah tentulah terdapat perbezaan-perbezaan pendapat yang ditonjolkan terhadap sesuatu isu. Bahkan di kalangan anggota-anggota sesuatu parti politik itu pun terdapat perbezaan pendapat dan pendirian. Tetapi apa juga perbezaan tidak harus menjejaskan usaha kita untuk mengeratkan perpaduan. Perpaduan rakyat jelata adalah salah satu asas yang penting untuk kemajuan dan masa depan kita dan negara. Sekali lagi saya yakin semua rakyat negeri ini, khususnya rakyat Sabah, akan merapatkan jurang perbezaan dan memberikan sokongan yang sewajarnya kepada kerajaan yang telah diberi mandat oleh rakyat ini."

Mengikut sejarahnya, Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan menerusi dan mengikut landasan konsep Malaysia. Pada mulanya tarikh kemasukan Sabah dan Sarawak ke Malaysia ditetapkan pada 31 Ogos, 1963. Ia kemudiannya ditangguh kepada tarikh 16 September, 1963 secara mengejut oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai memuaskan hati Allahyarham Presiden Soekarno yang melancarkan gerakan "Ganyang Malaysia" ketika pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak mengadakan perbincangan mengenai gagasan Malaysia. Allahyarham Presiden Soekarno tidak yakin rakyat kedua wilayah Sabah dan Sarawak itu menyetujui Malaysia. Pemimpin-pemimpin Sabah

termasuklah Tun Datu Mustapha, Tuan Fuad Stephen (Allahyarham), Dato' Haris Salleh, Tan Sri Said Keruak dan lain-lain, manakala pemimpin-pemimpin Sarawak pula diwakili oleh Dato' Patinggi Abdul Rahman Yaacob, Tuanku Tun Haji Bujang, Datu Bandar Haji Mustapha, Tan Seri Temenggung Jugah, Dato Kalong Ningkan, Dato' Patinggi Taib Mahmood dan lain-lain lagi.

Dalam satu titahnya kepada rakyat Sarawak dalam bidang lawatan Baginda ke negeri tersebut pada 22 September, 1982, Baginda bertitah:

"Beta mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri (Dato' Patinggi Haji Abdul Rahman Yaacob) dan kepada Orang Tua beta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dato' Patinggi Taib Mahmood) atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan kepada negeri dan rakyat Sarawak, khasnya bagi menjamin kemajuan di luar bandar."

Sebagaimana yang diketahui, Sarawak mempunyai penduduk yang berbilang agama, keturunan dan kebudayaan. Sebahagian besar daripada mereka tinggal di pinggir sungai dan kampung. Penduduk-penduduk luar bandar tinggal di rumah-rumah panjang. Masing-masing hidup dengan adat resam dan pantang larang warisan nenek moyang dulu. Baginda banyak menghabiskan masa menziarahi mereka di pinggir sungai dan kampung. Dalam salah satu titah Baginda kepada rakyat di kampung pada 22 September, 1982, Baginda menyebutkan:

"Sebagaimana kita sedia maklum kestabilan negara adalah amat penting bagi kita. Beta merayu supaya rakyat berbilang kaum, kebudayaan dan agama di negeri ini memelihara serta mengekalkan semangat persefahaman dan perpaduan yang sedia terjalin bagi menjamin keselamatan, ketenteraman dan kebahagiaan negara kita seluruhnya. Keselamatan dan ketenteraman adalah penting bagi menentukan segala kemajuan yang kita capai selama ini tidak akan hancur, bahkan keselamatan dan ketenteraman akan menjamin kejayaan dan kemajuan yang dicapai akan berlipat ganda lagi di masa depan."

Dalam lawatan-lawatan Baginda ke kawasan Utara tanahair Baginda tidak jenuh-jenuh juga menekankan peranan rakyat terhadap keselamatan negara. Negeri-negeri di sebelah Utara — Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan — bersempadan dengan negeri jiran, Thailand ini dilawati dan kerap kali Baginda membuat lawatan ke kawasan-kawasan perbatasan. Pada suatu Hari Raya, misalnya, Baginda membatalkan "Rumah Terbuka" di Istana Negara untuk semata-mata berHari Raya dengan perajurit-perajurit di kawasan perbatasan. Dan dalam lawatan-lawatan di-Raja itu, Baginda sentiasa beramah mesra dengan perajurit-perajurit, sentiasa memberi semangat kepada perjuangan mereka.

Dalam salah satu majlis bersama perajurit-perajurit di situ, Baginda bertitah:

"Tugas dan pengorbanan pasukan keselamatan, khususnya yang berada di perbatasan, mempunyai makna dan erti yang besar kepada negara. Pasukan keselamatan adalah seperti "POHON RENDANG" yang memberikan perlindungan kepada rakyat untuk berteduh dari gangguan anasir-anasir yang suka membuat huruhara. Dengan adanya latihan professionalisma diberi kepada pasukan keselamatan, maka mereka dapat memberikan khidmat bakti kepada negara secara positif dan dapat memberikan keyakinan keselamatan atau "security confidence" kepada rakyat jelata."

Baginda yakin bahawa peranan pasukan keselamatan merupakan sumbangan yang besar kepada kemajuan ekonomi negara. "Pada pendapat saya sendiri, pembangunan negara dan kemajuan ekonomi yang dinikmati oleh rakyat hari ini tidak dapat dipisahkan dengan pengorbanan dan sumbangan pasukan keselamatan," titah Baginda.

Ketika melakukan lawatan di-Raja ke Kedah pula, Baginda menziarahi rakyat di kampung-kampung dan kawasan pedalaman juga. Dan dalam satu majlis meraikan Baginda, titahnya.

"Sebagai Negeri di kawasan perbatasan, maka Negeri Kedah adalah sentiasa memainkan peranannya dan berada di medan hadapan bukan saja bagi mencegah gerakan komunis daripada melanda seluruh Negara, tetapi yang lebih penting sekali ialah Negeri Kedah sentiasa memainkan peranannya untuk menjalin dan mengekalkan hubungan erat antara Malaysia dengan jiran tetangga, iaitu Negeri Thai, maka kedua-dua negara dapat mengamalkan sifat-sifat tolong-menolong dan saling bantu-membantu antara satu dengan lain dalam bidang pembangunan serantau atau pun dalam bidang mengawal keselamatan di kawasan perbatasan di kedua-dua belah pihak."

Sifat kemesraan Baginda memang bukan dirangka-rangka. I subur secara natural. Di samping beberapa contoh kerelaan dan kesediaan Baginda untuk mendampingi rakyat — hingga terkadang-kadang "melanggar protokol" — terdapat juga satu contoh klasik dan unik. Peristiwa itu berlaku pada ketika Baginda sendiri masih sedang dalam kegeringan. Pada satu malam Kebawah Duli Tuanku tiba-tiba gering, dikejarkan ke hospital, dan menjalani pembedahan dan dirawat di hospital selama dua minggu. Beberapa hari sahaja selepas Baginda berangkat keluar dari hospital, Perdana Menteri mengadakan upacara perkahwinan anak perempuannya. Baginda sebenarnya masih lagi dalam "pantang" dan dinasihatkan doktor tidak boleh berkuat. Sungguhpun masih lemah, Baginda berangkat juga ke Rumah Malaysia untuk menyerikan majlis persandingan anak sulung Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah. Titah Baginda: "Saya nak pergi juga. Selepas upacara majlis bersanding saya balik."

28 MAR 1985

Tambah Baginda lagi: "Naik pelamin ni, satu sejarah seumur hidup."

Semasa gerakan mencari Tan Sri Ghazali Shafie yang hilang dalam hutan di Janda Baik pada pertengahan tahun 1982, Baginda berada di kaki bukit di pinggir belantara tersebut bersama orang ramai. Tan Sri Ghazali Shafie ditimpa kemalangan apabila kapalterbang yang dinaikinya jatuh atas bukit sekitar Janda Baik. Hampir-hampir semua yang ada di situ sudah putus asa, tapi Baginda yakin Tan Sri Ghazali Shafie masih hidup.

Dalam berbincang antara Baginda dan Pemangku Raja Pahang serta saya, Baginda bertitah: "Dato', kita tidak akan balik hingga Tan Sri dijumpai mati atau hidup."

Ketika dalam keadaan yang kusut itu, Tan Sri Haniff berlari datang, menyembahkan: "Tuanku, Tan Sri Ghazali masih hidup." Berita itu menepati kata-kata "hujan setitik di waktu kemarau" kepada semua yang menunggu.

Inilah di antara kualiti Baginda yang payah dilupakan oleh kawan-kawan Baginda. Sifat-sifat sayang dan ingat kepada kawan-kawan dalam masa suka dan duka sentiasa melimpah di dalam jiwa Baginda, malah sudah menjadi darah daging Baginda. Sifat-sifat Baginda suka beramah mesra, suka berkawan dan sentiasa bersimpati kepada rakan-rakan yang malang adalah di antara unsur-unsur penting yang mendekatkan Baginda kepada rakyatnya. Kecil dan besar, tua dan muda merasakan serupa. Sifat-sifat istimewa Baginda inilah yang benar-benar menepati kata-kata sakti: "RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA".